

PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUABELAS 2012**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian
Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

HARIKHAMIS : 14 JUN 2012

**CAWANGAN
PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGIPERTANYAAN-PERTANYAAN
JAWAB LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO: 7 HINGGA 107)**

**NOTA : JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

Nurashah Abdullah
Cawangan Perundangan
Parlimen Malaysia

SOALAN NO: 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARI PAD A DATIN LINDA TSEN THAU LIN

[BATU SAPI]

TARIKH 14 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah kadar penembusan (*peneration rate*) internet jalur lebar di pelbagai Wilayah di Sabah dan bagaimanakah angka penembusan ini berbanding dengan angka pada peringkat kebangsaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada YB Hulu Terengganu pada 25 Jun 2012, YB Pulai dan YB Sipitang bertarikh 28 Jun 2012 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu program peluasan liputan jalur lebar.

Di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI), Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SOALAN NO: 7

melaksanakan pelbagai program peluasan liputan jalur lebar secara berterusan melalui teknologi berwayar dan tanpa wayar di bandar mahupun di luar bandar di seluruh negara. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah pelaksanaan inisiatif seperti pembinaan menara telekomunikasi (Time 3), Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK), Perpustakaan Jalur Lebar (PJL), Mini PJK dan Kampung Tanpa Wayar (KTW). Selain itu, rangkaian teras berasaskan fiber optik akan dinaik taraf di bawah peruntukan RMKe-10 bertujuan untuk meluaskan lagi liputan jalur lebar terutamanya ke kawasan-kawasan pedalaman di samping memperbaiki kualiti perkhidmatan. Kerajaan berusaha untuk menaikkan kadar penembusan jalur lebar di Sabah dan Sarawak kepada 50%.

Setakat 21 Mei 2012, kadar penembusan jalur lebar di peringkat kebangsaan adalah sebanyak 63.4% bersamaan dengan 4.2 juta langganan isi rumah. Bagi Negeri Sabah, kadar penembusan jalur lebar yang dicatatkan adalah 33% manakala Negeri Sarawak, 47.8%. Bagi pelaksanaan inisiatif peluasan liputan jalur lebar di Sabah, pihak Kerajaan melalui SKMM telah membelanjakan sebanyak RM500 juta setakat penghujung 2011 manakala sejumlah RM700 juta lagi akan dibelanjakan bagi tempoh 2012 sehingga 2013.

Untuk menjawab pertanyaan YB Pulai, Setakat akhir April 2012, jumlah port HSBB yang telah siap dipasang ialah 1,221,088 iaitu 1,116,242 di kawasan Lembah Kelang; 52,504 di Johor meliputi Iskandar Malaysia; 25,848 di Pulau Pinang; 9,958 di Kedah; 4,144 di Perak; 5,704 di Melaka dan 6,688 di Negeri Sembilan. Jumlah ini adalah merupakan pencapaian 91% dari sasaran 1.3 juta ports pada akhir 2012. Pelaksanaan setakat ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM5.086 bilion di mana RM2.258 bilion

SOALAN NO: 7

adalah peruntukan daripada Kerajaan dan selebihnya adalah perbelanjaan syarikat Telekom Malaysia.

Pada masa ini, terdapat persaingan yang sihat di kalangan pemberi perkhidmatan internet. Pengguna mempunyai banyak pilihan untuk memilih pemberi perkhidmatan yang menawarkan perkhidmatan yang memuaskan dan boleh memilih pakej yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan masing-masing. Setakat 31 Mei 2012, terdapat lebih 80 pemegang lesen kelas pemberi perkhidmatan aplikasi yang berdaftar di bawah SKMM yang masih aktif memberikan perkhidmatan capaian internet kepada pengguna.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAB LISAN

PERTANYAAN DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN 14
DARI PADA JUN 2012 (KHAMIS)
TARIKH NO. 8
SOALAN Dato' Dr Haji Mohd Hayati bin Othman minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapakah
perbelanjaan kepada Politeknik untuk peajar menghadiri program *Rural
Transformation Centre* di Kota Bharu pada 4 Mei 2012 di seluruh
Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan peajar politeknik dalam pelancaran program *Rural Transformation Centre* (RTC) di Kota Bharu pada 4 Mei 2012 bertujuan memberi peluang secara langsung kepada mereka untuk mengetahui tentang kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di RTC Kota Bharu. RTC berfungsi sebagai pusat integrasi perkhidmatan yang meliputi perkhidmatan pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran hasil pertanian, perbankan dan insurans, khidmat nasihat perniagaan, latihan dan kemahiran, penjagaan kesihatan dan ruang niaga.

Untuk makluman, penyertaan pelajar politeknik terdiri dari tujuh (7) buah politeknik iaitu melibatkan seramai lebih kurang 280 orang. Anggaran jumiah perbelanjaan Politeknik bagi pelajar menghadiri program RTC ialah sebanyak RM 7,300 termasuk kos pengangkutan. Secara keseluruhan, pelajar politeknik telah didedahkan kepada peluang-peluang latihan lanjutan yang disediakan di RTC terutamanya bagi mereka yang berhasrat untuk melibatkan diri dalam bidang agrobisnes dengan mendapat kemudahan mikro kredit yang disediakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN OEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARSPADA : YB DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)

TARIKH : 14 JUN 2012(KHAMIS)

SOALAN

YB Dato⁵ Mohd Jidlrt bin Shafee (Setiu) minta HENUERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah kerajaan menangani isu pengemis yang merayau-rayau di tempat awam dan kedai-kedai makan dan sila nyatakan

jumlah surat kebenaran yang dikeluarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada golongan berkenaan.
Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan isu pengemis yang merayau di tempat a warn dan kedai makan. Bagi menangani isu tersebut KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan operasi menyelamat di seluruh negara di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977.

JKM menggunakan 3 kaedah operasi utama dalam tindakan menangani isu pengemis / kutu rayau yang berkeliaran di tempat-tempat awam seperti berikut:

a. Operasi Bersepadu

Operasi ini dilakukan secara bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi penguat kuasa seperti Jabatan Imigresen, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pihak Berkusa Tempatan, Jabatan Kesihatan,

Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Pendaftaran Negara.

b. Operasi Berjadual / Berkala

Operasi ini dilakukan secara berjadual / berkala oleh JKM di kawasan-kawasan yang didapati menjadi tumpuan pengemis.

c. Operasi Aduan

Operasi ini dilakukan apabila terdapat aduan awam, misalnya melalui aduan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, atau menerusi Talian Nur 15999.

Tanggungjawab menangani isu pengemisan / kutu rayau yang dilaksanakan oleh JKM mendapat kerjasama yang baik daripada pelbagai agensi penguasa. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 1,190 operasi menyelamat pengemis / kutu rayau telah diadakan oleh JKM di seluruh negara yang merangkumi operasi bersepada, operasi berjadual / berkala dan operasi aduan. Seramai 1,408 orang pengemis / kutu rayau telah berjaya diselamatkan melalui operasi tersebut.

Bagi bulan Januari hingga Mac 2012 pula, sebanyak 233 operasi menyelamat pengemis / kutu rayau telah diadakan di seluruh negara. Hasil operasi-operasi ini, seramai 153 orang pengemis / kutu rayau telah berjaya diselamatkan dalam operasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Akta Orang Papa 1977, mengemis tidak diiktiraf sebagai satu aktiviti yang sah. Malahan, seksyen 3 Akta tersebut memperuntukkan kuasa kepada mana-mana pegawai kebajikan masyarakat untuk menyelamatkan orang papa yang didapati mengemis. Sehubungan itu, JKM atau mana-mana agensi kerajaan tidak mengeluarkan surat kebenaran kepada mana-mana pihak bagi tujuan mengemis.

SOALAN NO: 10
PEMBERITAHU PERTANYAAN

LISAN

**YB. TUAN WEE CHOO KEONG [
WANGSA MAJU]**

KHAMIS, 14 JUN 2012

10 [PR-1252-L50920]

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN DARIPADA

TARIKH RUJUKAN SOALAN

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR****

menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian dan/atau DBKL bagi mengatasi dan/atau menghentikan masalah pusat-pusat cafe cyber berlesen atau tidak berlesen yang terlibat dalam kegiatan perjudian yang begitu banyak beroperasi di kawasan Wangsa Maju di mana ramai murid sekolah telah menjadi pelanggan mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju, aktiviti perkhidmatan Internet sama ada khusus untuk pencarian maklumat, permainan di atas talian (*on line*) ataupun membabitkan perjudian merupakan **aktiviti yang tidak dilesenkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebelum ini.**

Walau bagaimanapun, bagi membantu menyelesaikan aduan yang banyak diterima berkaitan aktiviti perjudian, maka tindakan yang diambil oleh DBKL adalah dengan membuat **tindakan sitaan yang berterusan** membabitkan peralatan komputer yang menjalankan aktiviti perjudian di bawah peruntukan Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992. Tindakan mahkamah ke atas individu yang terlibat tidak dapat dibuat oleh DBKL disebabkan kuasa tersebut adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Bagi tahun 2012 (sehingga 3 Mei), DBKL telah menjalankan tindakan sita ke atas 16 premis membabitkan 696 peralatan seperti CPU, Monitor dan Keyboard.

Manakala, bagi aktiviti pencarian maklumat serta permainan secara *on line* yang membabitkan pelajar sekolah pula, DBKL juga turut mengambil inisiatif dengan mengaturkan **Operasi Bersepadu bersama agensi-agensi kerajaan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pendidikan,**

Kementerian Pelajaran Malaysia dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

Kementerian ini yakin bahawa kerjasama pelbagai agensi yang menjalankan Operasi Bersepadu secara berterusan dapat membendung pelbagai gejala negatif di kawasan-kawasan yang dimaksudkan. Sehingga kini, gejala negatif berkenaan adalah masih terkawal.

Bagi mengukuhkan lagi tindakan penguatkuasaan terhadap perkara ini, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) telah mengambil langkah **mewujudkan Kaedah-kaedah Pusat Siber dan Kafe Siber (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2012 di bawah Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992**. Kaedah-kaedah ini akan mula berkuatkuasa pada 15 Jun 2012. Melalui pelaksanaan perkara ini, Kementerian berharap permasalahan pusat-pusat kafe siber berlesen atau tidak berlesen yang terlibat dalam kegiatan perjudian haram dapat dikawal sewajarnya.

Soalan No : 11

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARI PAD A Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
 [HULU TERENGGANU]

TARIKH 14 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan punca sebenar Kerajaan menangguhkan pelaksanaan j-QAF di sekolah menengah dan langkah yang diambil bagi memartabatkan pendidikan Islam di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan dasar memperkasa Pendidikan Islam mellaui pelaksanaan Program j-QAF (Jawi, Quran, Arab dan Fardhu Ain) pada tahun 2005. Matlamatnya ialah untuk menyediakan generasi yang kukuh ilmu dengan pengisian rohani di samping kemahiran lain yang diperolehi di sekolah.

KPM sentiasa merancang dan membuat penambahbaikan ke atas pelaksanaan program j-QAF Rendah supaya lebih berkualiti dan berkesan. Sehubungan itu, pada masa ini, KPM sedang membuat perancangan yang teliti dan rapi dari segi konsep, kaedah pelaksanaan, modul pengajaran dan pembelajaran, penyediaan guru, latihan guru, kesediaan sekolah rintis, sekolah-sekolah selepas sekolah rintis, keperluan kewangan dan sebagainya. Antara halangan yang dihadapi oleh KPM ialah masih banyak sekolah rendah belum melaksanakan program ini di mana

murid yang memasuki tingkatan satu belum mendapat didikan j-QAF. Banyak lagi halangan-halangan yang lain seperti kesediaan sekolah, sekolah kurang murid, latihan guru j-QAF dan sebagainya selain bekalan guru yang tidak mencukupi.

Oleh yang demikian, tumpuan KPM pada masa ini adalah untuk mempastikan semua sekolah rendah melaksanakan program j-QAF terlebih dahulu supaya ia dilaksanakan dengan baik, teratur dan sempurna. KPM ingin pastikan bahawa tiada isu dan masalah yang berbangkit akibat pelaksanaan program ini. Selepas itu, barulah KPM akan melaksanakan program j-QAF Sekolah Menengah.

NO
SOALAN

:109(12)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PAD
A**

**Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN

**LISA
N**

TARIKH

14.06.2012

Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pelaburan syarikat-syarikat berkepentingan Kerajaan diluar negara setakat ini dan bagaimanakah bentuk pulangan yang didapati serta apakah kesan polisi serta keputusan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh tujuh tahun dari tahun 2004 sehingga tahun 2011, sebanyak 17 syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) utama tersenarai yang diletakkan di bawah Program Transformasi GLC telah melaksanakan pelbagai pelaburan di luar negara, dengan jumlah nilai aset pelaburan yang mencecah RM302 bilion bagi tahun kewangan berakhir 2011.

2. Pulangan yang diperoleh hasil pelaburan luar negara tersebut di antaranya peningkatan pendapatan GLC di mana ia menjana pendapatan sebanyak RM56 bilion atau 33% daripada jumlah pendapatan agregat GLC-GLC tersebut bagi tahun kewangan berakhir 2011, berbanding hanya RM20 bilion atau 26% dalam tahun kewangan berakhir 2004.

3. Berdasarkan kepada pertumbuhan positif ini, GLC-GLC berkenaan telah memutuskan untuk meneruskan pelaburan luar negaranya dan GLC-GLC kini mempunyai operasi di 40 buah negara di seluruh dunia dengan tumpuan diberikan kepada negara-negara di rantau ASEAN.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG]

TARIKH 14 JUN 2012

SOALAN

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah Kerajaan akan membina Klinik Desa di Long Napir, kawasan pergunungan Limbang untuk kemudahan kaum Penan dan Kelabit, di mana tapaknya sudah lama diluluskan oleh Kerajaan.

Tuan Yang Di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), melalui Jabatan Kesihatan Negeri menyedari akan kepentingan adanya sebuah klinik di Long Napir. KKM akan mengemukakan permohonan bagi pembinaan klinik kesihatan ini kepada Unit Perancang Ekonomi untuk dilaksanakan dalam *Third Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Ke-10 sekiranya diluluskan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN **JAWAB LISAN**
DARI PADA **TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD**
TARIKH **14 JUN 2012 (KHAMIS)**
SOALAN
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan mengapakah pinjaman PTPTN tidak
boleh dimansuhkan sedangkan ianya merupakan jumlah yang kecil
berbanding Belanjawan Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan untuk menubuhkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dibuat oleh Jemaah Menteri pada 18 September 1996 dan PTPTN mula beroperasi pada 1 November 1997. Antara asas penubuhan PTPTN adalah untuk menyokong dasar RMKe-7 yang menumpukan kepada penyediaan sumber manusia yang mantap dan mencukupi bagi menampung pertumbuhan ekonomi, khususnya menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Matlamat kerajaan adalah untuk meijiastikan sekurang-kurangnya 50% penduduk berumur 17-23 tahun memasuki pendidikan tertiar pada tahun 2020. Bagi mencapai matlamat ini, penambahan tempat pengajian dilaksanakan di IPTA, Politeknik dan

IPTS. Bagi mengatasi masalah peruntukan untuk biasiswa yang terhad, PTPTN telah diwujudkan dan telah memberikan sumbangan yang besar ke arah peningkatan jumlah pelajar di IPT tempatan.

Sebenarnya langkah Kerajaan memperkenalkan PTPTN adalah langkah yang lebih terkehadapan. Sebelum wujud PTPTN, pada pertengahan 1990-an dahulu, pelajar-pelajar yang berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian tinggi hanya sekitar 27,000 orang sahaja. Selepas PTPTN diwujudkan, skim pembiayaan pinjaman PTPTN telah membolehkan seramai 227,000 pelajar untuk masuk universiti.

Sebenarnya diperingkat tertiar, Kerajaan telah memberi subsidi bagi yuran yang dikenakan kepada pelajar. Umpamanya, kos program pengajian perubatan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sebelum subsidi adalah RM166,000 tetapi pelajar hanya membayar yuran sebanyak RM9,000 sahaja, yang mana 94.6 peratus telah diberikan subsidi oleh kerajaan. Bagi program kejuruteraan pula, kadar yuran yang sepatutnya adalah RM61,200, manakala yuran yang dibayar oleh pelajar hanya RM5,600 sahaja iaitu 90 peratus diberi subsidi oleh kerajaan. Bagi program farmasi pula kos sebenar adalah dalam lingkungan RM51,000 dan pelajar hanya perlu membayar yuran sebanyak RM6,800 sahaja. Untuk makluman juga, yuran yang dikenakan oleh IPTA ini tidak pernah dinaikkan sejak tahun 1990-an lagi.

Perkongsian bebanan kewangan antara kerajaan khususnya pembayar cukai yang menyumbang kepada dana PTPTN dan pelajar yang

mendapat kemudahan pembiayaan PTPTN perlu digalakkan. Sehingga tahun 2012, sejumlah RM25.7 bilion telah dipinjam oleh Kerajaan untuk dana pinjaman pendidikan PTPTN dengan kos lebih kurang 4% setahun. Jumlah kos dana yang ditanggung oleh Kerajaan adalah sebanyak RM11.2 bilion. Adalah wajar untuk pelajar yang menikmati kemudahan pembiayaan menyumbang untuk menampung operasi PTPTN khususnya dan Kerajaan amnya serta mengambilkira sebahagian pembayar cukai yang menyumbang kepada dana kerajaan tidak menikmati kemudahan pembiayaan PTPTN.

Dengan unjuran kemasukan pelajar ke IPTA pada tahun 1997 seramai 37.0 orang dan yang mampu disediakan biasiswa adalah sekitar 26.0 orang sementara bakinya dibiayai oleh PTPTN. Sekiranya Kerajaan terus bergantung hanya kepada biasiswa, jumlah yang mampu dibiayai hanya 26,000 orang setahun, maka ramai pelajar yang berjaya ke IPT tiada penajaan. Ini akan menjasaskan matlamat bagi memastikan 50% penduduk berumur 17-23 tahun meneruskan pengajian di peringkat tertiar.

Dengan jumlah dana yang terhad, Kerajaan perlu mengagihkan secara bijaksana untuk pelbagai keperluan pengurusan, pembangunan modal insan dan pembangunan fizikal. Namun begitu beberapa langkah telah diambil bagi meringankan bebanan pelajar, antaranya ialah:

- i. Kos pentadbiran pinjaman pendidikan PTPTN telah diturunkan daripada 4% kepada 3% mulai 2004 dan selanjutnya kepada 1% pada Jun 2008. Kos dana yang perlu ditanggung oleh Kerajaan adalah antara lebih besar iaitu antara 4% - 5% setahun.

ii. PTPTN juga telah melaksanakan dasar pinjaman boleh ubah (pengecualian bayaran balik) bagi peminjam yang memperolehi Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Kelas Pertama atau setaraf mulai tahun 2003 sebelum dihentikan pada 1 Julai 2005 berikutan kedudukan kewangan PTPTN yang terhad. Dasar ini telah diperkenalkan semula mulai Januari 2010 sebagaimana pengumuman YAB Perdana Menteri semasa sesi pembentangan Bajet 2010 yang lalu. Langkah ini adalah atas keprihatinan Kerajaan untuk mengiktiraf pelajar-pelajar cemerlang di IPT dan menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap usaha melahirkan modal insan yang berilmu, galakan kepada peajar serta hasrat Kerajaan memberi ganjaran kepada peminjam yang cemerlang dalam pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meneruskan pengajian di peringkat tertiar dan mendapatkan kemudahan pembiayaan PTPTN adalah suatu pilihan, bukannya paksaan. Peajar boleh memilih untuk memasuki pengajian tinggi dan memohon kemudahan PTPTN. Setelah mereka meminjam, maka mereka wajib membayar balik mengikut peraturan yang ditetapkan. Namun, Kerajaan sentiasa bersedia untuk mengkaji dan mempertimbangkan bagi mengurangkan bebanan kewangan pengajian tinggi yang dihadapi oleh rakyat dari semasa ke semasa.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI SALLEH BINKALBI
(SILAM)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.06.2012

Y.B. TUAN HAJI SALLEH BIN KALBI [SILAM] minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam menyelesaikan masalah rakyat yang menghadapi kesukaran menggunakan syiling baru untuk membuat pembayaran di mesin-mesin pembayaran letak kereta, komuter dan lain-lainnya kerana saiz yang berbeza.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Silam bersama-sama soalan dari Yang Berhormat Tenom yang dijadualkan dijawab pada 18 Jun 2012 kerana kedua-duanya menyentuh perkara dan isu yang sama.

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah mula mengedarkan duit syiling siri baharu untuk kegunaan umum pada 16 Januari 2012. Pengenalan duit syiling siri baharu ini adalah perlu dan merupakan satu usaha berkala Bank Negara Malaysia bagi mempertingkatkan lagi spesifikasi teknikal dan ciri-ciri keselamatan dan pada masa yang sama menggantikan duit syiling siri terdahulu yang telah berada di dalam edaran sejak 1989.

2. Proses perancangan bagi memperkenalkan duit syiling siri baharu ini telah bermula sejak tahun 2007 dan sepanjang proses pengenalan duit syiling siri baharu ini, Bank Negara Malaysia telah mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada orang ramai, peniaga dan pihak-pihak berkepentingan yang lain. Antara maklum balas yang diterima oleh Bank Negara Malaysia termasuklah cadangan supaya saiz duit syiling dijadikan lebih kecil dan ringan

NO SOALAN :

berbanding siri terdahulu.

3. Untuk melicinkan proses pengenalan duit syiling baharu, Bank Negara Malaysia telah berkerjasama secara rapat dengan pihak vendor, pemilik dan operator mesin-mesin pengendali wang tunai bagi membolehkan mereka membuat penyesuaian mesin untuk menerima duit syiling siri baharu ini. Proses penyesuaian mesin ini telah bermula sejak enam bulan sebelum duit syiling baharu ini diedarkan untuk kegunaan umum. Tempoh enam bulan ini adalah jangka masa yang dicadangkan oleh industri bagi membolehkan mereka membuat perancangan dan selanjutnya melaksanakan program pengubahsuaian ke atas mesin-mesin pengendali wang tunai mereka.
4. Walau bagaimanapun, beberapa masalah kecil telah berlaku di peringkat awal pengenalan duit syiling baru ini. Dalam hal ini, pihak vendor, pemilik dan operator sedang aktif menyesuaikan mesin-mesin pengendali wang tunai secara berperingkat-peringkat, memandangkan mereka berhadapan dengan kekangan perkakasan, tenaga kerja dan kuantiti mesin yang banyak. Dalam tempoh proses penyesuaian tersebut, pemilik dan operator mesin telah dinasihatkan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan alternatif bagi memudahkan urusan harian orang ramai seperti menyediakan khidmat kaunter untuk pertukaran duit syiling, pembayaran parkir dan pembelian tiket.
5. Bank Negara Malaysia akan terus memantau proses penyesuaian ini dan mempertingkatkan usaha melalui kerjasama teknikal dengan vendor, pemilik dan operator bagi memastikan lebih banyak mesin pengendali wang tunai diubahsuai untuk menerima duit syiling siri baharu. Dalam masa yang sama, Bank Negara Malaysia juga akan meneruskan program pendidikan mata wang untuk meningkatkan pengetahuan orang ramai berkenaan duit syiling siri baharu ini di samping duit kertas siri baharu yang akan diedarkan bermula 16

NO SOALAN 1&lb

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA :Y.B. DATUK ERIC ENCHINMAJIMBUN
(SEPANGGAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.06.2012

Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN[SEPANGGAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kuantiti (berat) dan nilai rezab emas yang dimiliki oleh Bank Negara Malaysia serta bentuk rancangan Kerajaan untuk meningkatkan rezab bagi keseimbangan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, paras rizab antarabangsa negara sejak tahun 2001 sehingga kini semakin meningkat. Kedudukan rizab pada 31 Mei 2012 semakin kukuh iaitu sebanyak RM417 bilion atau USD136 bilion. Paras rizab ini, mampu membayai 9.3 bulan import tertangguh dan 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

2. Rizab antarabangsa ini dipegang dalam bentuk pelaburan sekuriti dalam mata wang asing serta pegangan emas. Sehingga 31 Mei 2012, jumlah pegangan emas adalah bernilai RM6 bilion bersamaan USD1.9 bilion dan berjumlah 1.167 juta auns yang dilaburkan atau dipegang secara pasif. Jumlah

ini merangkumi 1.4 peratus daripada keseluruhan rizab antarabangsa. Perkembangan pasaran emas akan terus dipantau namun buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk meningkatkan pegangan emas daripada jumlah ini.

USD Juta	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011
Emas	294.7	295.2	294.5	294.5	294.5	293.5	293.5	379.0	1,280.9	1,641.2	1,837.5
Rizab	29,896	33,738	44,207	66,241	70,212	82,457	101,345	91,356	96,695	106,525	133,641
% share	1.0%	0.9%	0.7%	0.4%	0.4%	0.4%	0.3%	0.4%	1.3%	1.5%	1.4%

Kedudukan Rizab Antarabangsa dan Pegangan Emas (2001-2011)

* Sumber: Bank Negara Malaysia

3.

U

ntuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan rizab antarabangsa terus kukuh di samping memastikan negara mencatat lebihan dalam akaun semasa imbalan pembayaran, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) dan meningkatkan pertumbuhan pelaburan swasta. Ini termasuk Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang telah mengenal pasti 12 bidang NKEA dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang bertujuan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan serta mewujudkan suasana mesra perniagaan.

4.

D

engan jangkaan pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 4 hingga 5 peratus pada tahun ini, aktiviti ekonomi domestik dijangka terus cergas dan seterusnya dapat menarik pelaburan luar. Dengan perkembangan positif ini, Kerajaan yakin kedudukan rizab antarabangsa negara akan terus kukuh pada masa hadapan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISA
DARI PADA N : YB. DATO' SRI ONG TEE
KAWASAN KEAT
TARIKH : PANDAN : 14.6.2012
NO. SOALAN (KHAMIS)

YB. DATO' SRI ONG TEE KEAT minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan unsur-unsur menarik lagi menguntungkan negara yang diambil kira dalam meluluskan projek-projek pelaburan asing yang berkontroversi seperti Projek Lynas di Gebeng dan Projek Petrokimia di Pengerang.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan Model Baru Ekonomi (MBE) yang berteraskan kepada inovasi, kreativiti dan sumber-sumber pertumbuhan yang bernilai tinggi atau "high value source of growth", dengan izin, Kerajaan kini menumpukan usaha kepada memastikan pelaburan langsung asing (FDD berkualiti terus mengalir masuk

ke Malaysia. Dasar Kerajaan sekarang tidak lagi menggalakkan pelaburan yang berintensif buruh tetapi memfokus kepada pelaburan yang bernilai tambah tinggi, berintensif modal dan pengetahuan serta teknologi baru muncul termasuklah sektor kimia dan petrokimia. Walau bagaimanapun, faktor berkaitan kesan ke atas keselamatan, kesihatan, sosial dan alam sekitar sentiasa diambilkira sebelum sesuatu projek itu diluluskan.

Tuan Yang Dipertua,

Projek Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) merupakan industri yang strategik kepada negara kerana syarikat akan menghasilkan bahan mentah/input yang merupakan elemen penting dalam inovasi teknologi hiau seperti pembuatan produk telefon bimbit, pemacu cakera, catalytic converter (dengan izin), turbin angin, bateri kereta hybrid dan paparan skrin rata.

Projek ini telah diberi kelulusan dengan svarat bahawa syarikat harus mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkaitan kesan ke atas keselamatan, kesihatan dan alam sekitar yang ditetapkan di bawah Jabatan Alam Sekitar dan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom Malaysia.

Bagi projek petrokimia di Pengerang pula, sehingga kini pihak Kementerian atau Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MI DA) masih belum menerima sebarang permohonan daripada

syarikat tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

JAWAB LISAN

TARIKH

DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

SOALAN

14 JUN 2012 (KHAMIS)

NO. 18

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bilangan pelajar yang diambil masuk untuk kursus Pembantu Makmal Perubatan oleh IPTS-IPTS pada tahun 2011. Senaraikan 10 IPTS dengan bilangan kemasukan pelajar Pembantu Makmal Perubatan yang tertinggi dengan menyatakan bilangan untuk tiap-tiap IPTS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2011, bilangan kemasukan pelajar bagi kursus Pembantu Makmal Perubatan di IPTS adalah seramai 893 pelajar. Daripada jumlah tersebut, kemasukan ke Kolej Masterskill Kampus Metro Kota Kinabalu adalah tertinggi iaitu 154 pelajar, diikuti Kolej Universiti SEGi dengan 124 pelajar, Kolej I-Systems Kuching seramai 116 pelajar, Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya (CUCMS) seramai 80 pelajar, Pusat Teknologi Pengurusan Lanjutan Shah Alam seramai 78 pelajar; Kolej Integrasi Kejururawatan dan Kesihatan Bersekutu seramai 55 pelajar; Kolej Vision seramai 49 pelajar; Kolej Masterskill (Kampus Metro Kuching) seramai 44 pelajar;

Kolej Islam Sains Dan Teknologi seramai 38 pelajar; dan Kolej PTPL Seremban seramai 38 pelajar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARI PADA DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
[SIPITANG]

TARIKH 14 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Sapawi bIn Haji Ahmad [Sipitang] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan berapa ramai *blogger* telah dikenakan tindakan undang-undang kerana menulis dan menyentuh isu-isu sensitif, bersifat perkauman dan mengancam keselamatan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, tiada *blogger* di negara ini yang didakwa di mahkamah atas tuduhan menyentuh isu-isu sensitif, bersifat perkauman dan mengancam keselamatan negara.

NO SOALAN : 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARI PADA TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA

TARIKH 14 JUN 2012

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan rizab tunai FELDA berakhir 31 Disember 2011.

JAWAPAN DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
----- TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 dan 2010, kedudukan tunai FELDA adalah berjumlah RM900.11 juta dan RM 1,346.56 juta. Berdasarkan kepada Penyata Kewangan yang belum diaudit pada 31 Disember 2011, kedudukan tunai FELDA adalah berjumlah RM2,107.77 juta.

00000000000000000000

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	PE	LISAN
	RT	
TARIKH	AN	
	YA	
AN		

DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI
MAHAL [LABUAN]
14.06.2012 (KHAMIS)

DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [LABUAN] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan

- a) apakah punca barang asas di Labuan jauh lebih tinggi di Malaysia Timur seperti di Sabah dan Sarawak; dan
- b) apakah usaha Kementerian dalam mengatasi masalah

berkenaan JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Punca barang asas di Labuan jauh lebih tinggi di Malaysia Timur seperti di Sabah dan Sarawak adalah disebabkan kos pengangkutan berganda yang dikenakan kerana barang keperluan pengguna tidak dihantar terus ke Labuan sebaliknya perlu dihantar ke Kota Kinabalu terlebih dahulu daripada

pelabuhan Klang.

NO. SOALAN: 21

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian menerusi pejabat negeri juga turut mengambil pelbagai inisiatif bagi membantu mengimbangi kenaikan harga barang keperluan pengguna. Antara program yang dijalankan adalah program Menu Rakyat 1 Malaysia yang telah disertai oleh 14 premis perniagaan makanan, Kempen *Back To School* yang melibatkan penyertaan lima buah *supermarket* serta Kempen Penurunan Harga yang telah diadakan pada Jun 2011 yang lalu. Program-program ini dapat dilihat sebagai salah satu usaha Kerajaan bagi membolehkan pengguna khasnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana di Wilayah Persekutuan Labuan mendapatkan barang keperluan harian dengan harga yang berpatutan.

Kementerian turut menjalankan pemeriksaan premis perniagaan secara berkala dan tindakan penguatkuasaan turut diambil dibawah peruntukan kuasa Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Timbang dan Sukat 1972. Bagi Wilayah Persekutuan Labuan, sehingga Mei 2012 jumlah pemeriksaan yang diadakan adalah sebanyak 9,917 pemeriksaan manakala jumlah kes yang diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 ialah sebanyak 10 kes bagi tahun 2012.

Tuan Yang Dipertua,

Menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kad Coop telah dilancarkan yang membolehkan ahli koperasi menikmati potongan harga ke atas pembelian barang di kedai koperasi. Pelancaran Distribution Centre (DC) dan Kedai COOP1M telah diadakan pada 17 Mei 2012 di Wilayah Persekutuan Labuan. Sejumlah 38 jenis produk telah dipasarkan di Wilayah Persekutuan Labuan

yang dibawa masuk secara terus dari Pelabuhan Klang yang ditanggung sepenuhnya oleh Felda Trading.

NO. SOALAN: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

PUAN TEO NIE CHING

[SERDANG]

TARIKH JAWAPAN

14 JUN 2012 (KHAMIS)

DI DEWAN RAKYAT

NO. 22

SOALAN

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

menyatakan jumlah meter elektrik lama yang telah ditukar sehingga sekarang dan antaranya,berapa orang pengguna yang didapati telah mengusik meter mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebagai langkah meningkatkan tahap perkhidmatan dan ketepatan pembilan sistem meter, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah melaksanakan program penggantian meter lama jenis elektromekanikal dengan meter baru jenis digital. Meter baru ini berupaya untuk merekodkan penggunaan tenaga elektrik dengan lebih tepat berbanding meter lama. Sehingga 20 Mei 2012, sebanyak 924,895 unit meter lama telah berjaya ditukarkan dengan meter digital.

Melalui Operasi Pencegahan dan Pengesanan Kes Usikan Pepasangan Meter, sebanyak 8,088 kes pengusikan meter telah dikesan daripada bulan September 2011 hingga 30 April 2012. Kebanyakan kes pengusikan meter yang dikesan adalah hasil daripada aduan orang awam melalui Sistem Maklumbalas Pelanggan (SMP), *walk-in* dan sebagainya.

•SOALAN NOoS 23

PEJVBBERgTAHUN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

: LISAN
PERTANYAAN : YB. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI LEDANG
DARI PADA : : 14 JUN 2012 (KHAMIS)
KAWASAN :
TARIKH SOALAN;

YB. IR., HAJI HAMIM BIN SAMURI (LEDANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan adakah kementerian berpuas hatl ke atas pelaksana penyelenggaraan jalan persekutuan secara berpusat dan dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi. Sejauh mana syarikat-syarikat tersebut telah mencapai tahap penyelenggaraan yang tinggi dan setara dengan keperluan piawaian keselamatan jalan raya.

JAWAPAN:

1 uan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah menawarkan kontrak kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan di seluruh negara kepada 8 syarikat konsesi utama. Kontrak penswastaan ini telah dibahagikan mengikut zon untuk tempoh selama 15 tahun, iaitu dari tahun 2001 - 2016 untuk Semenanjung dan dari tahun 2003 hingga 2018 untuk Sabah dan Sarawak.

Antara skop konsesi penswastaan ini ialah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin, berkala dan kecemasan di sepanjang Jalan Persekutuan. Berdasarkan kepada Perjanjian Konsesi, syarikat konsesi bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin, iaitu kerja-kerja menampal lubang jalan (*potholes*), meratakan bahu jalan (10% daripada keseluruhan panjang jalan yang diselenggara), memotong rumput (sebulan sekali), mencuci perabot jalan (2 kali setahun), mencuci pembetung dan jambatan (2 kali setahun), mencuci longkang (2 kali setahun) dan pemeriksaan berjadual di sepanjang jalan terlibat (2 kali seminggu). Manakala untuk kerja-kerja penyelenggaraan berkala pula seperti penurapan semula dan kerja-kerja kecemasan, pelaksanaan kerja adalah tertakluk kepada Arahan Kerja yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).

Keseluruhan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi ini perlu mematuhi piawaian prestasi yang telah dipersetujui oleh Kerajaan dan syarikat konsesi sebagaimana termaktub

dalam Perjanjian Konsesi. Sehubungan itu jika terdapat sebarang ketidakpatuhan kerja, JKR akan mengeluarkan amaran dalam bentuk Laporan Ketidakpatuhan atau NCR (Non-Conformance Report) dan kadar pemotongan harga akan dikenakan sewajarnya kepada syarikat konsesi yang berkenaan. Untuk tempoh 3 tahun terakhir ini (2009 hingga 2011), sebanyak 4,289 NCR telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat konsesi berkenaan melibatkan jumlah pemotongan bayaran sebanyak hampir RM350,000. Di samping itu, Kerajaan juga akan menilai semula kontrak penswastaan ini untuk tempoh setiap 5 tahun sehingga tempoh sebenar konsesi ini tamat.

Sekian, terima kasih.
DARfPADA : DATO⁰ SERI ZAHRABN SIOHAiSED HASHIM
[BAYAN BARU]

SOALAN :

Dato⁹ Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta PERDANA iiEMTERi menyatakan sama ada bercadang untuk mewujudkan "Police Complaint And Misconduct Commission" terhadap salah laku anggota-anggota polis terhadap orang awam.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MQHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MSEflTERi DB JABATAM PERDANA SiEMTERB

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan “Police Complaint and Misconduct Commission” kerana telah menujuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP).

SIAP telah diwujudkan berdasarkan kepada cadangan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia. Ia Selain PDRM, Suruhanjaya ini juga boleh menyiasat aduan berkenaan salah laku pegawai penguatkuasaan agensi-agensi penguatkuasaan lain sebagai contoh Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia serta 16 agensi penguatkuasaan lain yang termaktub di dalam Jadual kepada Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

Selain itu, SIAP telah diberi mandat untuk menerima aduan salah laku daripada orang awam berkenaan seseorang pegawai penguat kuasa atau agensi-agensi penguatkuasaan di samping boleh menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan tersebut.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: 25
DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD

[PARIT SULONG]

TARIKH : 14 JUN 2012

SOALAN

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sehingga kini jumlah bilangan kilang-kilang di negara ini yang telah mengamalkan Mekanisme Pembangunan Bersih (CDM) dan apakah syarat-syarat kilang untuk mendapatkan bantuan pembiayaan untuk melaksanakan CDM.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2012, sebanyak 56 syarikat tempatan telah berjaya mendaftarkan projek di bawah Mekanisme Pembangunan Bersih (CDM - Clean Development Mechanism) yang melibatkan sejumlah 106 projek. Pelaksanaan projek-projek ini dijangka akan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG - greenhouse gas) sebanyak 6.16 juta tan C02 (karbon dioksida) setahun.

Untuk melaksanakan projek CDM di Malaysia, kriteria-kriteria seperti berikut perlu dipatuhi:-

- i. Projek mesti membantu dasar-dasar pembangunan lestari negara dan membawa faedah langsung ke arah mencapai pembangunan lestari;
- ii. Pelaksanaan projek mesti melibatkan Negara-negara Annex I (negara maju);
- iii. Projek mesti membawa kepada faedah-faedah pemindahan teknologi dan/atau meningkatkan tahap teknologi sedia ada;
- iv. Projek mesti menepati sepenuhnya kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Lembaga Eksekutif CDM; dan
- v. Pemaju projek mesti menunjukkan keupayaan untuk melaksanakan projek CDM.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:

26 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN]

TARIKH : 14JUN2012

SOALAN

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa peratuskah sumbangan minyak dan gas kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK), berapa tong sehari yang dikeluarkan, apakah sasaran pengeluaran bagi tahun 2015 dan berapa banyak telaga minyak lama (brown fields) yang disasarkan untuk dimajukan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri minyak dan gas (huluan dan hiliran) menyumbang sebanyak 11.6 peratus kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) bagi tahun 2011. Industri huluan (pengeluaran) menyumbang sebanyak 8.8 peratus manakala industri hiliran (pembuatan) menyumbang sebanyak 2.8 peratus. Kadar pengeluaran minyak dan gas pada suku pertama tahun 2012 adalah seperti berikut:

Sumber	Pengeluaran (tong sehari)
Minyak	494,000
Kondensat	113,000
Gas	1,034,000

Bagi sasaran pengeluaran minyak dan gas pada tahun 2013 seperti yang dilaporkan kepada Bank Negara dan Kementerian Kewangan adalah seperti berikut:

Sumber	Pengeluaran (tong sehari)
Minyak	498,000
Kondensat	116,000
Gas	1,089,000

Terdapat sebanyak 76 buah telaga minyak yang beroperasi (*brown fields*) di Malaysia berdasarkan *The Annual Review of Petroleum Resources* (ARPR) pada 1 Januari 2012. Pihak PETRONAS dan Kontraktor *Production Sharing Contract* (PSC) sentiasa memantau prestasi setiap telaga minyak tersebut. Program pemulihan akan dilaksanakan sekiranya dirasakan perlu dari masa ke semasa.

Soalan No : 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG SADONG]
TARIKH	14 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan sama ada Kementerian mempunyai sasaran untuk memastikan setiap sekolah akan mempunyai kemudahan sukan dan bilik sumber

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa setiap sekolah mempunyai kemudahan sukan yang mencukupi bagi membolehkan murid menjalankan aktiviti atau program sukan secara berkesan selaras dengan pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan.

Ke arah itu, KPM akan memastikan bahawa setiap sekolah baru disediakan kemudahan sukan yang bersesuaian dengan keluasan tapak yang ada. Kementerian juga menetapkan dasar tidak membenarkan sebarang pembinaan bangunan lain di atas padang atau gelanggang sedia ada dengan sewenang wenangnya.

Sementara itu, bagi kemudahan dan padang permainan di sekolah sedia ada pihak Kementerian menjalankan usaha menaiktaraf kemudahan sukan terutama bagi kemudahan yang telah mengalami kerosakan atau tidak berada dalam keadaan kondusif untuk digunakan.

Di bawah peruntukan *Rolling Plan* Pertama RMKe-10 pihak Kementerian mendapat kelulusan untuk melaksanakan sebanyak 187 projek pembinaan prasarana sukan dan naik taraf padang sekolah dengan anggaran kos RM162 juta. Sementara itu, Kementerian juga merancang untuk melaksanakan sebanyak 277 projek baru pembinaan prasarana sukan melalui permohonan *Rolling Plan* Ketiga RMKe-10 akan datang khusus bagi tujuan memastikan sekolah-sekolah mempunyai kemudahan sukan mencukupi dan kondusif.

SOALAN NO: 28

**PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARI PADA	Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
TARIKH	14 Jun 2012 (Khamis)
SOALAN	Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapakah projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang berjaya dan gagal mencapai sasaran mengikut pecahan negeri, lokasi, keluasan projek, jenis projek. Mengapa berlaku kegagalan dan apakah projek TKPM ini dapat mengurangkan import hasil makanan daripada negara pengimpor ke negara ini.
JAWAPAN OLEH	Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, terdapat 55 TKPM yang telah mengeluarkan hasil. Daripada jumlah tersebut, 44 TKPM telah berjaya mencapai sasaran pengeluaran bagi tahun 2011 dengan jumlah pengeluaran sebanyak 54,839 mt berbanding sasaran 49,565 mt iaitu pencapaian 11% melebihi sasaran yang ditetapkan.

Manakala terdapat 9 TKPM tidak mencapai sasaran yang ditetapkan disebabkan berlaku serangan penyakit tumbuhan dan bencana alam seperti ribut dan banjir. Selain itu, tanaman yang ditanam terutamanya buah-buahan, baru mula mengeluarkan hasil dan belum mencapai pengeluaran yang optimum.

Berdasarkan rekod pengeluaran hasil yang dicatatkan bagi tahun 2006

hingga 2011 sebanyak 210 ribu mt dengan nilai pengeluaran sebanyak RM217.68 juta dan melibatkan seramai 346 orang pengusaha. Bagi tempoh Januari hingga April 2012, sebanyak 10 mt pengeluaran dihasilkan dengan nilai berjumlah RM12.5 juta.

Pelaksanaan Projek TKPM ini dapat mengurangkan import makanan negara kerana Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan NKEA Pertanian di bawah Entry Point Project (EPP) 7: Pembangunan Keupayaan untuk Penghasilan Buah - buahan dan Sayur - sayuran bagi Pasaran Premium di 17 TKPM yang terpilih.

SOALAN NO: 19

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :Lisan
DARIPADA :Dato' Sri Ir. Mohd Zin B. Mohamed [Sepang] :14 Jun
TARIKH 2012
SOALAN :Dato' Sri Ir. Mohd Zin B. Mohamed [Sepang] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi meningkat dan memperluaskan pasaran produk halal Malaysia ke seluruh China

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang di Pertua,

Pada masa ini bagi meningkat dan memperluaskan pasaran produk halal Malaysia ke China, antara langkah - langkah yang sedang dilaksanakan oleh

Kementerian adalah:

- (i) Melaksanakan program pendaftaran perlesenan produk - produk halal Malaysia keluaran usahawan selaras dengan keperluan kemasukan produk ke China yang diperlukan oleh *China Inspection and Quarantine* (CIQ). Langkah pendaftaran ini diambil memandangkan pihak pemasar selaku pengimport produk di China tidak boleh memasarkan produk yang diimport sekiranya ia tidak dilesenkan sebelum pemeriksaan, kuarantin dan kelulusan untuk produk dijual di pasaran diperoleh terlebih dahulu dari CIQ. Sehingga kini sebanyak 141 produk halal Malaysia telah diberikan kelulusan oleh CIQ.
- (ii) Meningkatkan program promosi produk halal Malaysia untuk meningkatkan pengetahuan rakyat China berkenaan produk Malaysia. Peningkatan kesedaran berkenaan produk Malaysia ini

SOALAN NO: 19

akan

*

meningkatkan permintaan sekaligus menambah jumlah eksport negara ke China. Antara program yang telah dijalankan pada 2-4 November 2011 adalah di wilayah Xi'an, China yang merupakan sebuah wilayah yang dihuni lebih 60,000 rakyat China beragama Islam. Program ini telah mengetengahkan produk Halal Malaysia sekaligus mencipta pasaran halal dari Xi'an.

- (iii) Melalui program promosi tersebut, Kementerian juga mengaturkan sesi padanan perniagaan bersama - sama usahawan produk halal dari China dengan Malaysia. Sebagai contoh, pada 12-16 Mei 2012, seramai 10 usahawan Malaysia telah menandatangani perjanjian persefahaman untuk membekalkan produk - produk halal kepada pengedar produk halal yang terkemuka di Xi'an, Shaanxi dan Beijing iaitu San BaoShuangxi Halal International Trading Mart. Trading Mart ini akan menempatkan 30,000 *Stock Keeping Unit* (SKU) produk makanan halal yang akan dipasarkan melalui 3,000 rangkaian perniagaan syarikat terbabit di seluruh China.

Nilai eksport produk pertanian antara Malaysia - China sehingga Disember 2011 adalah sebanyak RM23.25 juta.

Tuan Yang di Pertua,

Bagi terus memastikan kewujudan produk halal Malaysia sentiasa dirasai oleh rakyat China, pelbagai program promosi lain seperti *in-store promotion* di pasaraya - pasaraya terkemuka seperti Parkson di Beijing turut dijalankan dengan kerjasama agensi di bawah Kementerian seperti FAMA dan pihak pengedar di China.

SOALAN NO: 19

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH KHAMIS, 14 JUN 2012

RUJUKAN 08 [PR-1252-L50329]

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan barang-barang termasuk berapa khemah yang telah dirampas di Dataran Merdeka sejak bulan April sehingga kini dan kedudukan barang-barang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Segambut, sepanjang menjalankan tugas-tugas kawalan di Dataran Merdeka dari 15 hingga 28 April 2012, sebanyak enam (6) tindakan memindahkan halangan (rampas) barang-barang termasuk khemah dilakukan oleh Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Kesemua barang-barang yang dirampas telah dihantar dan disimpan di Stor Sitaan Jabatan Penguatkuasaan, Jalan Lombong, Cheras. Walau bagaimanapun, untuk barang yang disita pada 21 April 2012, pemiliknya telah menuntut kembali pada 22 April 2012.

NO. SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14 JUN 2012 (KHAMIS)

DARIPADA : YB. TUAN LIEW CHIN TONG
[BUKIT BENDERA]

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong | Bukit Bertdera] minta PERDANA MEMTERI menyatakan senaraikan semua lawatan luar negara oleh Perdana Menteri sejak April 2009, saiz rombongan, dan kos yang terlibat.

JAWAPAM: YB DATO⁸ SERI MOHAMED NAZRi ABDUL AZiZ

MENTERB DB JABATAN PERDANA MENTERI

ruan Yang di-Pertua,

Senarai lawatan luar negara yang melibatkan Pejabat YAB Perdana Menteri bermula April 2009 adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN LAWATAN	JUMLAH PERBELANJAAN	BILANGAN PEGAWAI
2009	22	3,442,343.68	306
2010	17	5,133,875.99	252
2011	27	12,568,227.49	425
2012	8	4,935,697.23	125
JU EVIL AH	74	26,050,144.39	1108

SULIT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN**
[KINABATANGAN - BN]

TARIKH **14 JUN 2012 (KHAMIS)**

SOALAN NO. 31

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- (a) cadangan Kementerian Belia dan Sukan untuk mewujudkan kemudahan Mini Kompleks Sukan di daerah Kinabatangan; dan
- (b) langkah-langkah konkret untuk memastikan kaum belia tidak terpengaruh dengan anasir-anasir ganas dan luar yang bertujuan memporak-perandakan masa hadapan generasi belia di negara ini.

SULIT

JAWAPAN (a)

Untuk makluman, buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk membina mini kompleks sukan di daerah Kinabatangan dalam RMK-10. Walau bagaimanapun, Kementerian telah membina sebanyak 7 buah gelanggang futsal di Parlimen Kinabatangan untuk tujuan riadah.

JAWAPAN (b)

Dalam perancangan jangka panjang, Kementerian telah merangka **Pelan Strategik 2010 - 2015** yang mengandungi tujuh (7) Teras Strategik sebagai garis panduan mencapai visi dan misi nasional. Kementerian juga telah membuat pindaan ke atas **Dasar Pembangunan Belia Negara** bagi memastikan ia sentiasa relevan dengan acuan pemikiran dan perkembangan belia masa kini. Dasar ini akan dibentangkan kepada Kabinet tidak lama lagi. Konsep yang digunakan oleh Kementerian dalam melaksanakan sesuatu program adalah “dari belia kepada belia” menerusi pendekatan strategi lautan biru (BOS). Himpunan Jutaan Belia baru-baru ini perlu dijadikan contoh berbanding perhimpunan haram yang akhirnya mencetus keganasan dan kerosakan harta benda awam.

SOALAN NO. : 32

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]

TARIKH : 14 JUN 2012

SOALAN:

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk membersihkan kelodak dan mendalamkan muara sungai di Sabah untuk mengelakkan banjir. Jika ya, bila dan di mana.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Bagi Lembangan Sg. Moyog yang meliputi kawasan muara sungai Petagas dan Putatan telah disiapkan pada 2011. Berdasarkan kajian ini, rancangan untuk membersihkan kelodak dan mendalamkan muara di kedua-dua lokasi telah disyorkan di mana pelaksanaannya akan mengurangkan sebahagian besar masalah banjir. Rekabentuk terperinci sedang dilaksanakan pada tahun ini dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2013 manakala peruntukan bagi kerja-kerja fizikal dipohon dalam *Third Rolling Plan (RP3, 2013-2014) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)*.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 19

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **SOALAN LISAN**
DARI PADA **Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]**
TARIKH **14 JUN 2012 (KHAMIS)**
SOALAN **Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan**
 **a) usaha dan perancangan Kementerian bagi menjadikan
bidang pertanian sebagai pilihan utama ; dan**
 **b) bagaimanakah sambutan dan penglibatan generasi muda
dalam bidang pertanian.**

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

- a) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Majlis

Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) telah mengadakan pelbagai perancangan bagi menarik golongan belia menceburi sektor pertanian, antaranya adalah menjalankan kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM). Program program kerjasama seperti Universiti Ambassador, Educate Malaysia, Kelab Usahawan Tani MYAGROSIS, Karnival Pengajian Tinggi (Jom Masuk U), dan Karnival Kerjaya sektor pertanian telah memberi impak yang besar kepada golongan belia untuk menceburi sektor pertanian. Kementerian pertanian dan Industri Asas Tani juga giat mengadakan kempen dan promosi bagi memberi gambaran yang jelas berkenaan peluang-peluang kepelbagaian perusahaan yang boleh diceburi oleh golongan belia melalui program-program seperti Mini MAHA, Kor Tani, MOA Bersama Rakyat dan Karnival Tani.

Kementerian Pertanian juga telah melantik ikon pertanian dikalangan professional dan selebriti seperti Encik Rosyam Nor seorang artis terkenal yang juga terlibat sepenuh masa sebagai usahawan tani berjaya.

Program latihan kemahiran jangka panjang dan jangka pendek yang dijalankan oleh jabatan/agensi sentiasa ditambah baik dari segi mutu penyampaian dan kurikulum berdasarkan kepada permintaan dan keperluan industri dari masa ke semasa. Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) juga telah memperkenalkan Program Latihan Berpakej bagi membantu graduan-graduan yang tamat pengajian daripada institusi latihan pertanian supaya boleh di dorong untuk menjadi usahawan dan pekerja dalam industri pertanian.

- b) Program latihan jangka panjang bidang Pertanian yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah berjaya menarik minat penglibatan generasi muda dalam bidang pertanian. Ini berdasarkan kepada peningkatan penglibatan belia dalam program persijilan kemahiran bidang Pertanian daripada 240 orang pada tahun 2003 dan 1115 graduan pada tahun 2011. Sehingga tahun 2011 seramai 6,885 golongan belia telah berjaya dilatih melalui program ini. Minat golongan belia juga didapati meningkat melalui penyertaan belia dalam program-program promosi yang telah dilaksana oleh kementerian di seluruh negara.

LISAN

PERTANYAAN YB. TUAN GOBIND SINGH DEO PUCHONG
DARI PADA : : 14 JUN 2012 (KHAMIS)
KAWASAN :
TARIKH

YB. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk menghapuskan atau mengurangkan tol di kawasan Parlimen Puchong.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya amat prihatin dan sentiasa mencari jalan untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh pengguna, termasuk isu kadar tol di Lebuh Raya Damansara - Puchong (LDP). Sehubungan itu, Kerajaan pada tahun 2007 telah menstrukturkan semula kadar tol LDP di mana pengguna kenderaan kelas 1 di lebuh raya tersebut hanya perlu membayar RM1.60 sahaja berbanding RM2.10 mengikut perjanjian konsesi asal Kadar tol tersebut masih lagi kekal sehingga kini walaupun ia sepatutnya telah dinaikkan pada tahun ini (2012) sebagaimana termaktub dalam Perjanjian Konsesi asal

Dalam masa yang sama, Kerajaan juga sentiasa berbincang dengan syarikat konsesi LITRAK untuk mengkaji bagi membantu meringankan masalah kesesakan yang dihadapi pengguna. Antaranya ialah menerusi pelaksanaan sistem *contra-flow* pada waktu puncak yang telah diperkenalkan sejak bulan Mac 2010. Kaedah ini telah membantu untuk mengurangkan masalah kesesakan di LDP, khususnya dari Plaza Tol Petaling Jaya Selatan hingga ke Pusat Bandar Puchong. Di samping itu, syarikat konsesi juga telah membelanjakan hampir RM900 juta setakat ini untuk menaik taraf lebuh raya tersebut, iaitu dari Persimpangan Bertingkat Puchong Intan ke Persimpangan Bertingkat Kg. Baharu, Puchong, Persimpangan TTDI dan Persimpangan Surian.

Walau bagaimanapun, masalah kesesakan di kawasan Puchong tidak akan dapat diselesaikan menerusi projek menaik taraf dan cadangan pembinaan lebuh raya baru semata-mata. Sebaiknya Kerajaan juga menerusi

inisiatif Greater Kuala Lumpur/Klang Valley akan meningkatkan aspek pengangkutan awam di kawasan Puchong, khususnya menerusi pembangunan projek sambungan LRT, iaitu melibatkan jajaran rel daripada Seri Petaling ke Kelana Jaya melalui bandar Puchong. Berdasarkan perancangan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Darat (SPAD), projek sambungan LRT itu akan dimulakan pada tahun ini dan dijangka siap pada tahun 2015.

Sekian. Terima kasih.

• SoAL/K/: **-NO. At)M '-63-**

NO. AUP-r

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH 14 JUN 2012

RUJUKAN 4806

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan alasan Jabatan Imigresen enggan mengeluarkan visa kemasukan kepada beberapa peguam Peranchis SUARAM seperti William Bourdon dan Joseph Brehem

JAWAPAN:

yang membawa kes Scorpene ke Mahkamah Peranchis untuk masuk ke Malaysia.
Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapan kepada Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kemasukan dan keberadaan warganegara asing di Malaysia adalah tertakluk kepada keperluan-keperluan yang telah ditetapkan dalam Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 seperti memiliki dokumen perjalanan yang sah, memiliki visa bagi negara-negara yang memerlukannya, memiliki Pas imigresen yang sah dan tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang dilarang masuk (*prohibited immigrant*). Jabatan Imigresen Malaysia juga mempunyai kuasa untuk menolak kemasukan mana-mana warganegara asing selaras dengan Seksyen 24 dan 26 Akta Imigresen 1959/63.

Warganegara Peranchis tidak perlu memohon visa sebelum memasuki negara ini. Walau bagaimanapun, William Bourdon telah ditahan di KLIA dan dihantar pulang ke negara asal kerana beliau telah melanggar syarat-syarat Pas Lawatan Sosial seperti yang termaktub di dalam Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 yang menyatakan bahawa:

JAWAPAN:

“Mana-mana orang yang tanpa alasan yang munasabah

melanggar atau gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berkaitan dengan, atau arahan yang diendorskan di atas mana-mana Pas, Permit atau Pas Sempadan, adalah melakukan kesalahan terhadap Peraturan-Peraturan ini dan hendaklah dikenakan apabila disabitkan, hukuman penjara kepada tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-dua penjara dan denda tersebut.”

Manakala semakan dengan rekod Jabatan Imigresen Malaysia berpandukan nama individu Joseph Brehem pula menunjukkan tiada sebarang maklumat individu berkenaan mengenai penolakan kemasukan ke Malaysia. Walau bagaimanapun, semakan lanjut boleh dilakukan oleh Jabatan sekiranya terdapat butiran terperinci bagi individu berkenaan seperti nombor pasport, tarikh lahir dan tarikh kejadian berkenaan.

MO, SCALAR: 3®

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DERMASYAT

PERTANYAAN : LISAM
TARikh : 14 JUN 2012 (KHARS8S)
DARIPADA : YB. TUAN LSEW CHM TONG
| BUKIT BENDERA 3

SOALAN:

Tuan LB@w Chini Tong | Bukit Bemdera 3 minta PERDANA S1EIMTER0 menyatakan senaraikan semua lawatan luar negara oleh Perdana Menteri sejak April 2009, saiz rombongan, dan kos yang terlibat.

JAWAPAN: **YB DATO⁹ SERB MOHAMED MA'RAB ABDUL AZBZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Senarai lawatan luar negara yang melibatkan Pejabat YAB Perdana Menteri bermula April 2009 adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN LAWATAN	JUMLAH RERBE LANJAA'N	BILANGAN PEGAWAI
2009	22	3,442,343.88	306
2010	17	5,133,875.99	252
2011	27	12,568,227.49	425
2012	8	4,935,697.23	125
JUMLAH	74	26,080,144.39	1108

PERTANYAAN LISAN

DARI PADA TAN SRI DATUK SERI DR.
 FONG CHAN ONN [ALOR
 GAJAH] U6 * SOALAN :
TARIKH 14 JUN 2012 31- - NO; AUM- : 3-
RUJUKAN 4801 NO. AUP

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN SOALAN:
DEWAN RAKYAT

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah rakyat yang telah membatalkan kewarganegaraan serta sebab diberikan mereka sejak 5 tahun yang lepas dan jumlah warga asing yang telah dianugerahkan kewarganegaraan mengikut negara asal mereka sejak 5 tahun yang lepas.

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Alor Gajah yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah rakyat Malaysia yang telah melepaskan taraf kewarganegaraan Malaysia sejak 5 tahun yang lepas adalah sebanyak 34,534 orang. Antara sebab utama mereka melepaskan taraf kewarganegaraan Malaysia adalah kerana telah memperolehi taraf kewarganegaraan negara lain.

Manakala, jumlah warganegara asing yang telah diberikan taraf kewarganegaraan Malaysia semenjak tahun 2008 sehingga Mei 2012 adalah seramai 33,907 orang. Dalam hal ini, Kementerian tidak merekodkan permohonan taraf kewarganegaraan mengikut negara asal.

SOALAN NO: 19

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :Lisan
DARIPADA :Datuk Juslie Bin Ajirol
TARIKH [Libaran] :14 Jun 2012
SOALAN :Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan usaha-usaha yang dijalankan bagi meningkatkan industri agromakanan untuk pasaran domestik dan eksport ke luar negara.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS

TANI Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menjalankan pelbagai usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara bagi memenuhi keperluan domestik dan eksport. Ini termasuklah pelaksanaan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* di bawah NKEA Pertanian bagi memastikan bekalan yang mencukupi dan berterusan.

2. Selain itu, Kementerian juga telah menjalankan usaha untuk memperkuuh kemudahan perkhidmatan sokongan dan logistik bagi meningkatkan pasaran industri agromakanan negara. Dalam hubungan ini, Kementerian menggalakkan pihak swasta untuk turut sama menyediakan perkhidmatan sokongan dan logistik terutamanya pusat pengumpulan, khidmat pengangkutan, ruang kargo serta gudang penyimpanan dan pengedaran produk makanan. Insentif pemasaran perniagaan tani seperti penerokaan pasaran, promosi dan pengiklanan, persediaan eksport, penjenamaan dan logistik akan disediakan kepada pihak swasta yang terlibat.

3. Syarikat penerbangan tempatan yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan kargo hasil pertanian yang mudah rosak juga akan dicadang diberikan insentif fiskal. Kemudahan ICT pula akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi memperkuuh risikan pasaran di peringkat global serta meningkatkan pasaran dan jualan produk tempatan melalui perkhidmatan e-dagang. Selain daripada itu, kemudahan ICT pula dimanfaatkan sepenuhnya bagi memperkuuh risikan pasaran di peringkat global serta meningkatkan pasaran dan jualan produk melalui perkhidmatan e-dagang.
4. Kualiti produk pertanian yang mematuhi piawaian antarabangsa juga penting bagi memperoleh akses pasaran global. Dalam hal ini, Peraturan 3P- Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan produk agromakanan akan diperluas bagi menjamin kualiti, keselamatan dan meningkatkan daya saing produk pertanian. Perjanjian perdagangan bebas dua hala dan pelbagai hala juga diteliti supaya merangkumi lebih banyak produk pertanian bagi memudahkan akses produk tempatan di pasaran antarabangsa.
5. Bagi meningkatkan akses di pasaran tempatan pula, lebih banyak luang pasaran seperti Pasar Tani dan Jualan Tani bergerak telah diwujudkan. Sehingga kini, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah membuka sebanyak 471 pasar tani diseluruh negara. Tiga buah daripadanya adalah merupakan pasar tani berstruktur bangunan kekal iaitu di Guar Cempedak, Kedah, Bukit Gambir, Johor dan Jerantut, Pahang.

Soalan No : 39

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU]

TARIKH

14 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan bilangan guru sekolah rendah yang masih bukan siswazah dan nyatakan bilangan guru siswazah yang dapat dilahirkan melalui Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) serta nyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan tenaga pengajar di sekolah seluruh negara adalah guru siswazah 100 peratus sesuai dengan perkembangan pendidikan berteraskan inovasi dan kreativiti

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Pensiswazahan Guru (PPG) dirangka selaras dengan usaha meningkatkan tahap kelayakan akademik dalam kalangan guru di bawah RMKe-10. PPG merupakan perluasan program sedia ada yang mensasarkan menjelang akhir tahun 2015, 60 peratus guru di sekolah rendah dan 90 peratus guru di sekolah menengah adalah terdiri daripada guru siswazah.

PPG juga merupakan suatu program pembangunan profesionalisme guru secara berterusan dan amat signifikan memandangkan guru merupakan faktor penentu utama kualiti pendidikan negara ke arah memastikan kualiti pembelajaran murid.

PPG dilaksanakan di Institut Pendidikan Guru seluruh negara, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Seramai 28,085 orang guru Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) sedang mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama bagi ambilan 2011 manakala bagi ambilan 2012 seramai 17,937 guru telah ditawarkan dan sedang mengikuti pengajian menjadikan keseluruhan pengambilan adalah seramai 46.022 guru.

Bagi ambilan September 2012, sejumlah 20,012 guru PPPLD akan diambil untuk ditawarkan melanjutkan pengajian peringkat ijazah pertama melalui iklan yang sedang disiarkan di laman web KPM.

Rjm28

HO •SoALAN' : ^0 -

NQ.AUM : -2-3-

NO. AUP t

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN

[KULIM BANDAR BARU]

TARIKH 14 JUN 2012

RUJUKAN 4803

SOALAN:

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan sudah menyiasat sebuah badan dikenali sebagai Middle Eastern Graduate Centre (MEGC), dengan kerjasama Konrad Adenauer Foundation (KAF), sebuah badan milik Parti Demokratik Kristian German yang didapati banyak menerbitkan buku-buku dan risalah yang bercanggah dengan Islam seperti buku "Islam & Pluralisma, Kahwin Campur" dan lain-lain; dan

(b) apakah tindakan dan langkah yang sedang dan akan diambil terhadap MEGC ini; dan adakah Kerajaan bercadang mengharamkan MEGC ini.

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baru yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Middle Eastern Graduate Centre (MEGC) dan Konrad Adenauer Foundation (KAF) merupakan pertubuhan yang tidak berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

Sebagai sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar, maka pergerakannya adalah secara haram kerana menyalahi undang- undang yang sedia ada mengikut Seksyen 5, Akta Pertubuhan 1966. Sehubungan dengan itu, adalah wajar bagi Kementerian ini untuk terus memantau pertubuhan tersebut supaya pergerakan dan aktivitinya tidak mencetuskan kegelisahan serta kebimbangan masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara ini dengan menyebarkan propaganda yang menghasut rakyat melalui penerbitan. Oleh itu, mengikut Seksyen 13, Akta Pertubuhan 1966, JPPM boleh mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada pertubuhan tersebut yang bergerak secara haram sekiranya terbabit dengan kegiatan yang mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tujuan menangani penerbitan yang bercanggah dengan Islam,

JAWAPAN:

Kementerian bertindak berdasarkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Semua penerbitan yang dibawa masuk dan diedarkan di dalam negara dipantau agar tidak mengandungi bahan-bahan yang memudaratkan ketenteraman awam, memudaratkan kemoralan, memudaratkan keselamatan, menggemparkan fikiran rakyat, berlawanan dengan mana-mana undang-undang, memudaratkan kepentingan awam dan memudaratkan kepentingan negara.

Bagi penerbitan yang mengandungi unsur-unsur yang diragui dan disyaki bertentangan dengan fahaman ahli Sunnah Wal Jamaah, Kementerian telah mengemukakan kepada Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) untuk kajian dan perakuan samada penerbitan ini sesuai atau tidak diedarkan dikalangan umat Islam. Ini bertepatan dengan usaha memelihara dan menjamin kesucian agama Islam sebagai agama rasmi negara sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

/

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NO. 41

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADAYB PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]

TARIKH 14 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN

YB Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan apakah pembaharuan dan kemajuan yang telah dicapai untuk kepentingan wanita dan masyarakat oleh YAB PM sejak beliau memangku jawatan Kementerian ini. Nyatakan senarai isu-isu yang telah dikenal pasti akan diutamakan oleh YAB PM sebagai Menteri Kementerian ini.

JAWAPAN:
Tuan Yang di-Pertua,

Saya sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sangat komited dalam memastikan pembangunan sosial bergerak seiring dengan pembangunan ekonomi negara. Ini bagi memastikan Malaysia mencapai status negara maju holistik menjelang tahun 2020 dengan memberi tumpuan kepada tiga peranan utama Kementerian iaitu **penggubalan perundangan, penggubalan dasar atau pelan tindakan serta pelaksanaan program pembangunan ekonomi dan sosial.**

Akta Pekerja Sosial

Cabarannya dunia digital dan modenisasi yang melanda masyarakat telah membawa impak yang besar kepada dimensi sosial, ekonomi, budaya dan kehidupan sejagat masyarakat. Justeru, masalah sosial menjadi semakin kompleks. Dalam usaha menangani masalah sosial, ia memerlukan tindakan intervensi daripada tenaga kerja profesional yang berpengetahuan, berkemahiran serta kompeten dalam bidang kerja sosial. Dalam hal ini, bagi meningkatkan bidang kerja dan tahap profesionalisme pekerja sosial, Kementerian berhasrat untuk memperkenalkan Akta Pekerja Sosial. Sesi konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan seperti

pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan persekutuan telah dijalankan pada bulan April dan Mei 2012. Untuk dua bulan yang akan datang pula, kementerian akan mendapatkan maklum balas daripada kerajaan-kerajaan negeri sebelum draf Rang Undang-Undang Pekerja Sosial dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara dan seterusnya kepada Jemaah Menteri dan Parlimen.

Productive Welfare

Bagi penerima bantuan kebajikan yang masih produktif, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan dengan izin, *exit policy* melalui program *productive welfare* untuk menentukan penerima bantuan keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu hidup berdikari tanpa terus bergantung kepada Kerajaan. Suka saya nyatakan bahawa seramai 2,160 orang penerima bantuan kebajikan disasarkan untuk melepas paras garis kemiskinan (PGK) menjelang akhir 2012, khususnya menerusi program 1AZAM di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,
Warga Emas: Program Khidmat Bantu di Rumah atau Home Help

Malaysia kini berada di unjuran mencapai status negara tua menjelang tahun 2030 apabila dijangkakan 15% daripada jumlah penduduk Negara adalah berumur 60 tahun dan ke atas. Berdasarkan strategi yang digariskan

dalam Dasar Warga Emas Negara supaya warga emas dapat terus hidup bermaruah dan secara *inklusif* dalam masyarakat, program Sukarelawan Khidmat Bantu di Rumah atau dengan izin **Home Help** Volunteers akan dilaksanakan di semua kawasan Parlimen secara berperingkat.

Sukarelawan di bawah perkhidmatan ini membantu atau menemani warga emas menjalani kehidupan sehari-hari mereka seperti mengemas dan membersihkan tempat tinggal, menemani warga emas membeli barang dapur, membayar bil utiliti, membawa mereka ke hospital, menatariaskan (*groom*) warga emas seperti membersihkan diri, menyikat atau mendandan rambut dan memotong kuku di samping menjadi sahabat kepada warga emas tersebut.

Sebagai makluman, pada tahun 2011 seramai 810 orang warga emas telah mendapat manfaat di bawah program ini melalui khidmat yang diberikan oleh 234 orang sukarelawan. Bagi tahun 2012, program ini akan diperluaskan dengan penglibatan 1,960 orang sukarelawan untuk membantu seramai 4,900 orang warga emas di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Orang Kurang Upaya (OKU): Perkhidmatan Job Coach

Sebagai usaha untuk meningkatkan penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama strategik *Japan International Cooperation Agency* (JICA) telah melaksanakan dengan izin, *Project to Support Participation of Persons with Disabilities*. Melalui kerjasama ini, pihak Kementerian **menyasarkan seramai 222 orang Job Coaches dilatih menjelang penghujung tahun 2012.**

Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperkenalkan Perkhidmatan *Job Coach* kepada OKU bagi membantu OKU **mendapatkan pekerjaan dan terus kekal dalam pekerjaan tersebut.** Perkhidmatan ini dijalankan secara perkongsian pintar dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan juga sektor swasta.

Kanak-Kanak: *Juvenile Restorative Justice*

Bagi memenuhi obligasi negara seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, Kementerian sedang mengkaji sistem perundangan berkaitan kanak-kanak yang berhadapan dengan konflik undang-undang. Kementerian juga sedang meneliti kesesuaian untuk memperkenalkan, dengan izin, konsep *juvenile restorative justice* melalui program *diversion* di mana kanak-kanak yang berhadapan dengan konflik undang-undang diasingkan daripada sistem keadilan biasa. Melalui pendekatan ini, kanak-kanak tersebut akan diberi peluang kedua dan menjalani pemulihan untuk diintegrasikan semula ke dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua,

Wanita

Kementerian komited dalam usaha meningkatkan kadar guna tenaga mahir dan separa mahir di kalangan pekerja wanita di Malaysia dan menyasarkan untuk mencapai 55% penyertaan tenaga buruh wanita pada penghujung tahun 2015. Hasil komitmen Kementerian dapat dilihat pada peningkatan kadar tenaga kerja wanita daripada 46.1 peratus pada tahun 2010 kepada 47.9 peratus pada tahun 2011.

Program Reskilling dan Upskilling 6

Bagi memperhebatkan usaha meningkatkan bilangan tenaga mahir dan separa mahir wanita di Malaysia, Kementerian merancang untuk melaksanakan, dengan izin, program *reskilling* dan *upskilling* yang akan melatih golongan wanita dengan kemahiran yang dapat memenuhi keperluan semasa. Program ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita menerusi 15 program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita) pada tahun 2012 di seluruh negara sebagai usaha menggalakkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan.

Pangkalan Data Wanita Profesional Yang Berhasrat Untuk Kembali Bekerja

Selain itu, pihak kementerian dan *TalentCorp* akan mengadakan program yang melibatkan pihak majikan dan golongan wanita untuk mengenal pasti peluang pekerjaan yang sesuai dan membangunkan pangkalan data (*micro-site*) wanita profesional yang berhasrat untuk kembali bekerja.
Tuan Yang di-Pertua,

Keganasan Rumah Tangga: Dokumen Kerjasama Antara Agensi

Lanjutan kepada pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga (berhubung peluasan takrifan keganasan rumah tangga supaya turut merangkumi penderaan emosi, mental dan psikologi selain penderaan fizikal) yang telah

diluluskan oleh Parlimen pada bulan Disember 2011, tumpuan khusus diberikan kepada aspek penguatkuasaan pindaan ini. Dalam hal ini, suka saya nyatakan bahawa Dokumen Kerjasama Antara Agensi Bagi Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga telah pun disiapkan pada bulan Mei 2012.

Kini, Kementerian akan turut melaksanakan siri jelajah ke seluruh negara bagi memberi penjelasan kepada aspek penguatkuasaan pindaan ini serta pengoperasian Dokumen Kerjasama Antara Agensi dengan melibatkan penyertaan pelbagai agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Jabatan Pembangunan Wanita, Polis Diraja Malaysia serta pihak Mahkamah.

Akhir kata, tanggungjawab memimpin Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat membolehkan saya melaksanakan lebih banyak inisiatif yang memberikan faedah terus kepada golongan yang memerlukan di peringkat akar umbi. Dalam hal ini, saya berharap agensi-agensi kerajaan lain serta pihak berkepentingan seperti NGO, sektor korporat, ahli akademik dan anggota masyarakat dapat berganding bahu bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk meningkatkan kemajuan dan kesejahteraan sosial rakyat Malaysia.

Tuan HajS Nftsharudin bin Mat Ssa [Baohok] minta PERDAINA MENTERI menyatakan ura-ura penubuhan “Akademi Peguam” dan bagaimanakah hubungannya dengan Majlis Peguam Malaysia dalam konteks kewujudan dua “badan atau persatuan guaman” yang masing- masing tentunya mempunyai peranan yang hampir sama tetapi wujud secara berasingan

Cadangan penubuham Akademi Undang-Undang Malaysia adalah mengambilkira keperluan mewujudkan ■ sebuah badan yang boleh mewakili anggota profession undang-undang secara lebih menyeluruh termasuk dari kalangan anggota kehakiman, ahli akademik, pegawai undang-undang di Jabatan Peguam Negara, bekas hakim, penasihat undang-undang syarikat-syarikat swasta dan sebagainya.

Akademi yang dicadangkan ini tidak akan menyentuh perjalanan badan- badan lain seperti Majlis Peguam yang keanggotaannya terhad kepada peguam bela dan peguam cara di Semenanjung Malaysia,mahupun Persatuan Pegawai Kehakiman dan Perundangan, Persatuan Undang- Undang Sabah atau Persatuan Peguam Bela Sarawak.

Antara cadangan fungsi Akademi Undang-Undang Malaysia ini adalah untuk menggalakkan dan mengekalkan *standard* yang tinggi

dalam perlakuan dan pengetahuan anggota profession undang-undang di Malaysia, menggalakkan peningkatan dan penyebaran pengetahuan undang-undang serta mengadakan pendidikan undang-undang yang berterusan bagi anggotanya. Selain itu, Akademi ini akan menjadi medium bagi individu yang mempunyai pengetahuan undang-undang tetapi tidak menjadi pengamal undang-undang untuk turut memberi pandangan serta berkongsi kepakaran dalam isu-isu berkaitan undang- undang. Ini secara tidak langsung akan menjadikan sumber rujukan undang-undang lebih meluas

TARikh sebelum ini. **Perhimpunan(KHAMIS)**

NO SOALAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara dasarnya, bagi pemangan mal undang-undang, keahlian daiam Akademi Undang-Undang Malaysia bukanlah merupakan opsyen kepada keahlian dalam Majlis Peguam. Seksyen 43, Akta Profession Undang-Undang 1976 tetap menyatakan seperti berikut:

“Peguam Bela dan Peguam Cara ialah ahli Bar Tiap-tiap peguam bela dan peguam cara menjadi ahli Bar Malaysia tanpa dipilih, dimasukkan atau dilantik dan berterusan menjadi ahli di bawah seksyen ini selama dia mempunyai suatu sijil amalan yang sah.”

Cadangan penubuhan Akademi Undang-Undang Malaysia ini juga bukanlah suatu tindak balas Kerajaan terhadap Majlis Peguam Malaysiayang tidak sehaluan dengan Kerajaan. Ini kerana cadangan penubuhan akademi ini telah dipersetujui lebih sepuluh tahun yang lalu oleh Majlis Peguam Malaysia pada masa itu. Namun beg itu, pelaksanaan akademi ini tertangguh disebabkan oleh faktor kesesuaian masa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN**

RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.06.2012

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah perbelanjaan pihak Kerajaan dan Khazanah bagi kos juru runding dengan butiran kos berkaitan untuk melaksanakan dan kemudian membubarkan kerjasama Mas-Air Asia

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, ketika melaksanakan pertukaran saham Malaysian Airline System Bhd (MAS) dan AirAsia Bhd (AirAsia) di antara Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan Tune Air Sdn Bhd (Tune Air) pada bulan Ogos 2011, Khazanah telah melantik perunding-perunding luar bagi tujuan khusus, di antaranya khidmat rundingcara kewangan, strategik (penyelidikan dalam sektor penerbangan), komunikasi dan perundangan.

2. Perunding-perunding tersebut terdiri dari bank pelaburan, syarikat rundingcara strategik, syarikat komunikasi dan firma perundangan. Secara ringkasnya, jumlah keseluruhan yuran rundingcara yang telah dibayar oleh Khazanah kepada syarikat-syarikat tersebut hanyalah sebanyak 0.42% daripada nilai janji niaga atau transaksi keseluruhan. Kadar ini adalah jauh lebih

NO SOALAN

rendah berbanding kadar pasaran bagi khidmat perunding yang biasanya dibayar oleh institusi pelaburan lain iaitu antara 1.0% hingga 1.5%.

3. Merujuk kepada jumlah kos pembatalan pertukaran saham pula, ia belum dapat dipastikan kerana perkara tersebut masih dalam proses untuk dimuktamadkan.

too *SoALAitJ*

'-NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
	[MARANG]
TARIKH	14 JUN 2012
RUJUKAN	4805

SOALAN:

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik rasmi dan terkini di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) jumlah masyarakat Islam yang memohon untuk menukar agama atau murtad.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Marang yang mengemukakan

JAWAPAN:

pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menyimpan dan menyenggara daftar maklumat pengenalan diri dan butir-butir mengenai semua orang yang dikehendaki mendaftar dibawah Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78) dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Mengikut rekod di JPN, terdapat sebanyak 2,160 permohonan diterima daripada masyarakat Islam untuk menukar agama sejak tahun 1991 sehingga April 2012. Walaubagaimanapun, kelulusan permohonan tersebut adalah tertakluk kepada keputusan Mahkamah Syariah.

-NO-.AUP ;>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

vJo.somasI; ^

DARIPADA	DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]
TARIKH	14 JUN 2012
RUJUKAN	4993

SOALAN:

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) apakah pihak Kementerian mengkaji semula kemasukan tenaga kerja warga Filipina dan India yang bekerja di pelantar projek kimia dan pelantar industri minyak dan gas negara ini dan khususnya di Bintulu; dan

(b) adakah negara ini kekurangan tenaga kerja yang mahir dalam bidang tersebut dan apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan lagi taraf tenaga mahir dalam bidang tersebut.
Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapan kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian sentiasa mengkaji dasar pengambilan warga asing untuk bekerja di Malaysia. Pengambilan warga asing yang tulen dan berkelayakan sahaja diterima bekerja di negara ini. Pengambilan tenaga kerja di dalam sektor minyak, gas dan tenaga adalah melibatkan warga asing yang berkemahiran dan berkepakaran tinggi bergantung kepada keperluan industri. Namun begitu, pengambilan tenaga kerja mahir tidak dihadkan kepada negara-negara sumber tertentu. Dengan demikian, warga Filipina dan India yang layak boleh diambil bekerja.
- (b) Sektor minyak, gas dan tenaga adalah termasuk di dalam sektor

JAWAPAN:

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKEA) yang merupakan salah satu daripada Program Transformasi Kerajaan (GTP). Sektor ini memerlukan tahap kepakaran yang tinggi. Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia akan memudahcara kemasukan tenaga kerja ini melalui pengeluaran Pas Penggajian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI

MOHAMED SAID [KUALA KRAU]

TARIKH JAWAPAN : 14 JUN 2012 (KHAMIS)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

NO. 46

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

menyatakan Negeri Pahang merekodkan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW) yang paling tinggi iaitu 55.29 peratus seperti dilaporkan dalam Malaysia Water Industry Guide 2011. Apakah pelan tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini dan nyatakan juga status rundingan penstrukturan semula industri air Pahang.

Tuan Yang Dipertua,
JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan *Malaysia Water Industry Guide* (MWIG) Edisi 2011, purata kadar air tidak berhasil (NRW) untuk negara ini pada tahun 2010 adalah 36.4 peratus. Kadar ini menurun sedikit berbanding purata NRW tahun 2009 iaitu sebanyak 36.63 peratus. Kadar NRW berbeza-beza dari satu negeri ke satu negeri yang lain dengan julat di antara 18.22 peratus dan 57.35 peratus. Kadar NRW ini banyak dipengaruhi oleh usia aset bekalan air terutamanya paip, ketidaktepatan bacaan meter, faktor geografi sesebuah negeri dan juga kaedah pengurusan NRW oleh setiap operator bekalan air. Bagi merekodkan kadar NRW ini, operator-operator air akan menggunakan perbezaan di antara jumlah kuantiti air yang dikeluarkan oleh loji-loji rawatan air dan jumlah air yang direkodkan pada meter-meter pengguna.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini sedar bahawa pada kadar 55.29 peratus, kadar NRW bagi Negeri Pahang adalah antara yang tertinggi di Semenanjung Malaysia. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah meluluskan sitiing peruntukan sebanyak RM 25.48 juta lagi dalam *Rolling Plan Ke-2, RMKe-10* kepada Negeri Pahang bagi melaksanakan program pengurangan NRW

dengan keutamaan diberikan kepada Daerah Kuantan dan Kuala Lipis.

Pada *Rolling Plan* Pertama, sejumlah RM 12 juta telah diperuntukkan kepada Negeri Pahang untuk Program Pengurangan NRW bagi kawasan-kawasan lain.

Melalui RMKe-10, Kementerian saya telah mensyaratkan supaya semua program pengurangan NRW yang dilaksanakan oleh negeri mestilah secara holistik meliputi pengujudan *District Metering Area* (DMA) dan *District Metering Zones* (DMZ), pelaksanaan *Pressure and Demand Management*, *Active Leakage Detection and Leaks Repair*, penggunaan sistem bersepada seperti *Supervisory Control Data Acquisition* (SCADA), *Geographic Information System* (GIS), sistem telemetri dan pelaksanaan program penggantian paip usang. Kaedah ini didapati lebih berkesan dan kos efektif dalam mengurangkan kadar NRW di sesebuah kawasan.

Untuk mengawal selia komitmen dan kesungguhan dalam mengurangkan kehilangan air terawat ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) juga telah menetapkan supaya setiap operator air

mempunyai program penurunan kadar NRW yang sistematik dan berterusan. Program tersebut perlu dilaksanakan mengikut jadual dan *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah ditetapkan agar pengurangan kadar NRW di setiap negeri dapat mencapai sasarannya. Pengawal seliaan ini juga untuk memastikan setiap operator air dan Kerajaan Negeri serius menangani NRW dengan membelanjakan secekapnya peruntukan besar yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya juga ingin melaporkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang masih dalam proses rundingan untuk memuktamadkan penstrukturran semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Pahang. Secara prinsipnya, Kerajaan Negeri Pahang telah bersetuju untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Pahang. Namun begitu, terma-terma di dalam skim penstrukturran semula ini masih lagi diperhalusi oleh Kerajaan Negeri.

K)o. soAx •• Hr?-.NO. AUP

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

TARIKH 14 JUN 2012

RUJUKAN 4807

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan selaras dengan Program Transformasi oleh YAB Perdana Menteri untuk mencapai negara maju menjelang 2020, apakah pendirian Kerajaan dalam masalah DADAH di kalangan rakyat. Berapakah peruntukan untuk menangani masalah ini dan adakah Kerajaan dapat menyalurkan peruntukan untuk memerangi masalah dadah kepada Wakil Rakyat di kawasan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sibuti yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah membangunkan Dasar Dadah Negara dengan tujuan mewujudkan negara Malaysia yang bebas

daripada ancaman dadah menjelang tahun 2015.

Untuk mencapai matlamat tersebut, AADK telah dan sedang melaksanakan pelbagai program dalam usaha membendung gejala dadah di negara ini melalui empat (4) program berikut iaitu:

1) Program Pencegahan:

Di bawah Program Pencegahan, fokus AADK adalah untuk memberi kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kepada komuniti melalui empat (4) strategi utama iaitu Keluarga Bebas Dadah, Institusi Pendidikan Bebas Dadah, Tempat Kerja Bebas Dadah dan Komuniti Bebas Dadah.

2) Program Rawatan dan Pemulihan:

AADK turut menyediakan perkhidmatan rawatan, perubatan dan pemulihan yang berkonsepkan *open access* melalui penubuhan Klinik *Cure & Care 1 Malaysia* (Klinik C&C 1 Malaysia) di mana individu boleh mendapatkan perkhidmatan tersebut secara sukarela, tiada ikatan perundangan dan tiada pra syarat.

Di samping itu, terdapat juga pelaksanaan Pusat Khidmat Pulih dan Prihatin (*Cure & Care Service Centre / CCSC*) yang ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan sosial kepada golongan penagih dadah termasuk keluarga dan majikan.

AADK turut memperkenalkan *Caring Community House* (CCH) sebagai pusat singgah masuk atau pusat khidmat harian bagi tujuan memperkasakan masyarakat setempat dalam membantu pelaksanaan program pemulihan dadah dalam komuniti.

3) Program Pengesanan:

AADK juga melaksanakan aktiviti *outreach* bagi memujuk penagih mendapatkan rawatan secara sukarela.

Selain itu, melalui program ini AADK turut memantau dan menyeliakan Orang Kena Pengawasan (OKP) bagi mematuhi syarat-syarat pengawasan yang telah ditetapkan dalam Seksyen 6 (2)(a) - (f) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

4) Gelombang Kesukarelaan:

AADK turut melancarkan SKUAD 1 Malaysia bagi menggerakkan gelombang kesukarelaan di kalangan masyarakat untuk membantu Kerajaan dalam menangani permasalahan dadah.

Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM1.9 bilion bagi pelaksanaan program-program di atas di semua kawasan di Malaysia dari tahun 2001 sehingga kini.

Untuk makluman Yang Dipertua, mana-mana wakil rakyat boleh berhubung dengan pihak AADK Negeri bagi mengadakan sebarang program komuniti berkaitan antidadah di kawasan masing-masing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

**YB. DATUK CHUA SOON
BUI [TAWAU]**

DARIPADA

TARIKH JAWAPAN : 14 JUN 2011(KHAMIS)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

NO. 48

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

menyatakan:-

- (a) apakah keputusan siasatan berhubung rampasan penjanakuasa turbin gas terpakai dari Langkawi ke Tawau, yang telah di rampas pihak berkuasa Filipina; dan

- (b) adakah Kementerian mempunyai sebarang pelan untuk membeli penjanakuasa baru untuk Tawau jika penjanakuasa turbin gas terpakai itu telah rosak selepas rampasan itu.

Tuan Yang Dipertua,
JAWAPAN:

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek pemindahan turbin gas dari Teluk Ewa, Langkawi ke Tawau, Sabah merupakan salah satu langkah mitigasi yang dilaksanakan bagi menangani isu kekurangan kapasiti penjanaan elektrik di Pantai Timur Sabah, khususnya berikutan pembatalan projek Stesen Jana Kuasa Berasaskan Arang Batu di POIC Lahad Datu. Projek yang akan memberikan kapasiti penjanaan tambahan sebanyak 64MW di Pantai Timur Sabah ini melibatkan pemindahan 2 set turbin gas dengan kapasiti penjanaan 32MW setiap satu melalui jalan laut dalam 2 fasa yang berasingan.

Penghantaran set turbin gas pertama menggunakan bot tunda Wantas 6 dan baj Wantas VII yang telah berlepas dari Jeti Larfarge, Langkawi pada Khamis, 12 April 2012 dan dijadualkan tiba di Pelabuhan Tawau pada Ahad, 29 April 2012. Walau bagaimanapun, bot tunda dan baj ini telah dirampas oleh sekumpulan lanun di perairan Laut China Selatan. Kumpulan tersebut telah melarikan bot tunda dan membiarkan baj yang

membawa muatan set turbin gas pertama dan peralatan-peralatan lain hanyut di perairan tersebut. Baj ini telah berjaya dikesan oleh pihak pengawal pantai Filipina di perairan Laut Sulu dan telah berjaya ditunda ke pelabuhan Puerto Princesa, Pulau Palawan. Berdasarkan laporan awal yang diterima daripada pihak insurans dan pihak penyelamat Filipina, tiada sebarang kerosakan fizikal ditemui ke atas set jana kuasa turbin gas tersebut.

Selepas rundingan bayaran pampasan dimuktamadkan oleh pihak insurans TNB Remaco dan pihak-pihak yang berkaitan di Filipina, bot tunda dan baj berkenaan telah berlepas dari Macabalan Port, Mindanao ke Pelabuhan Tawau pada 9 Jun 2012 dengan diiringi oleh *Philippines Coast Guard* sehingga *rendezvous point* dengan Tentera Laut DiRaja Malaysia yang berhampiran dengan Kepulauan Tawi-Tawi di Filipina dan Tanjung Labian, Sabah. Baj berkenaan dijangka tiba di Pelabuhan Tawau pada 14 June 2012. Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah dimaklumkan oleh TNB Remaco bahawa bot tunda dan baj berkenaan telah diarahkan oleh pihak berkuasa Filipina untuk patah balik pada 12 Jun 2012, di mana baj berkenaan berada lebih kurang 100 batu nautika daripada perairan Malaysia. Tindakan sedemikian oleh pihak berkuasa Filipina adalah berikutan satu arahan mahkamah yang telah diperoleh oleh syarikat penunda daripada Filipina yang telah mengemukakan

tuntutan baru yang tidak dibangkitkan semasa rundingan pampasan telah dimuktamadkan. Pada masa ini, baj berkenaan berada di bawah kawalan pihak berkuasa Filipina di Pelabuhan Basilan, Kepulauan Tawi- tawi. Pihak TNB Remaco sedang berurusan dengan Wisma Putra dan pihak berkuasa Filipina untuk mendapatkan kebenaran untuk meneruskan perjalanan ke Pelabuhan Tawau.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN
DARIPADA YB DATUK HAJI BAHARUM
KAWASAN BIN MOHAMED
TARIKH SEKIJANG
NO. SOALAN 14.6.2012
 49

DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan di dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu pada masa kini apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian supaya PKS kita dapat bertahan dan berkembang maju.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa menyedari dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu hari ini, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu berdava sainq dan berdava tahan untuk terus wujud. Oleh itu, kapasiti dan keupayaan PKS perlu diperkuuhkan agar mereka dapat mengeluarkan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi pada harga yang kompetitif untuk kekal bersaing dalam pasaran global. Pelbagai dasar, strateqi

dan inisiatif diperkenalkan oleh Kerajaan dalam usaha untuk menyediakan persekitaran dan infrasturktur yang kondusif bagi menyokong pembangunan PKS supaya aktiviti keusahawanan mereka boleh berkembang maju. Justeru, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui SME Corp. Malaysia telah memperkenalkan langkah-langkah yang diperlukan dalam usaha membantu PKS tempatan mempertingkatkan daya saing mereka agar tidak ketinggalan dalam arus kepesatan ekonomi. Antara langkah-langkah yang diambil adalah:

- Pelan Induk PKS (2011-2020) yang bertujuan untuk melonjakkan peranan dan sumbangan terhadap pertumbuhan ekonomi yang seimbang selari dengan matlamat Model Baru Ekonomi. Pelan Induk ini telah menetapkan 32 pelan tindakan dengan fokus ke arah memperkuuhkan inovasi, teknologi, peluang pembiayaan, sokongan infrastruktur dan rangka undang-undang;
- SME Competitiveness Rating Enhancement (SCORE) merupakan sistem diagnostik untuk mengukur kelemahan dan kekuatan PKS melalui *star rating*. PKS yang mendapat *star rating* tiga (3) ke atas, adalah dikategorikan sebagai layak eksport dan akan dipadankan dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)

untuk mengenal pasti pasaran luar negara yang berpotensi serta dipadankan dengan Svarikat-svarikat Berkaitan Kerajaan (GLC);

- Dasar Laluan Hiiau yang memberikan pelbagai keistimewaan kepada PKS yang berinovatif dan berpotensi tinggi. Antara keistimewaan yang diberikan adalah kemudahan piniaman kewangan dengan kadar faedah yang lebih rendah dan kelebihan menyertai Perolehan Kerajaan;
- memperkenalkan program Pembangunan Jenama PKS untuk meningkatkan penampilan produk PKS tempatan supaya produk PKS mendapat tempat di pasaran luar negara. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah melalui Program National Mark of Malaysian Brand yang mengiktiraf produk PKS bagi membolehkan mereka meluaskan pasaran ke luar negara. Melalui program ini, syarikat yang mendapat persijilan National Mark of Malaysian Brand akan diberi insentif yang meliputi kemudahan untuk menyertai promosi perdagangan tempatan dan antarabangsa;
- memperkenalkan dua program baru iaitu *Business Accelerator Programme (BAP)* dan *Enrichment & Enhancement Programme* (Ef) dengan izin yang merupakan program bersepadu yang komprehensif bertujuan untuk meningkatkan pembangunan PKS secara meneluruh.

Melalui program BAP dan Ef, syarikat akan dibantu serta dibimbing secara bersepada meliputi pengukuhan perniagaan, pembinaan kapasiti dan keupayaan serta kemudahan akses kepada pembiayaan;

- menyediakan bantuan kewangan melalui Geran Pembangunan Pasaran oleh MATRADE yang merupakan skim bantuan kewangan untuk membantu PKS memperluaskan pasaran ke luar negara dan meringankan perbelanjaan syarikat dalam menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dan pembangunan pasaran eksport. Usahawan-usahawan PKS diberikan 50% geran secara bavar balik atas perbelanjaan yang diluluskan bagi aktiviti-aktiviti yang layak melalui penyertaan syarikat di dalam pameran perdagangan antarabangsa di luar negara, misi perdagangan dan pelaburan. misi iualan khusus dan aktiviti- aktiviti lain yang berkaitan;
- Program Internship PKS-Universiti yang membantu PKS meningkatkan keupayaan dalam perniagaan dari aspek pengurusan pengeluaran, pemasaran, perakaunan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan khidmat nasihat daripada tenaga pengajar universiti dan juga bakal graduan. Sehingga April 2012, SME Corp. Malaysia telah bekerjasama dengan 15 pusat pengajian tinggi tempatan bagi

membantu 114 PKS melibatkan penyertaan 556 orang pelajar; dan

- Pendekatan kolaboratif di antara SME Corp. Malaysia selaku Agenzi Penvelaras Pusat pembangunan PKS di negara ini dengan agensi-agensi yang berkaitan dalam memastikan PKS tempatan berpeluang mengambil bahagian dalam projek-projek pembangunan mega, antaranya dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan juga seperti projek Mass Rapid Transit (MRT) dengan izin. Ia bukan hanya akan meningkatkan pendapatan PKS tetapi juga mengukuhkan pembangunan modal insan, pemindahan teknologi dan track record dengan izin untuk merebut peluang-peluang perniagaan pada masa akan datang.
- Kementerian akan terus berusaha membangunkan PKS supaya lebih berinovasi untuk kekal berdaya saing dan berdaya maju dalam ekonomi dunia. Ia adalah selari dengan matlamat Model Baru Ekonomi (MBE) yang diperkenalkan oleh Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN

SULIT

[HULU SELANGOR - BN]

TARIKH

14 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN NO. 50

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah program yang dirancang dengan sistematik untuk membangunkan sukan prestasi tinggi di kalangan masyarakat Orang Asli Penan atau peribumi Sabah dan Sarawak.

SULIT

JAWAPAN

Kementerian tidak menyediakan program yang khusus untuk Orang Asli Penan atau peribumi Sabah dan Sarawak kerana ianya telah melalui sistem pembangunan atlet yang sama di setiap negeri, tanpa mengira kaum dan bangsa. Perancangan dan pelaksanaan pembangunan ke arah sukan prestasi tinggi di seluruh negara telah dilaksanakan semenjak tahun 2007 melalui pencarian bakat Program Tunas Gemilang (penilaian am) dan Cari Juara (ujian sukan spesifik). Sistem pembangunan sukan secara sistematik juga sudah sedia ada wujud di peringkat negeri melalui program pembangunan sukan yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan di negeri-negeri. Antara atlet-atlet peribumi Sabah dan Sarawak yang cemerlang adalah seperti Pandalela Rinong, Bryan Nickson Lomas, Watson Nyambek, Sapok Biki, Martin Guntali dan ramai lagi.

SOALAN NO: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN JAWAB LISAN

**DARIPADA PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [
RANTAU PANJANG]**

TARIKH 14 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta
MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN
menyatakan apakah garis panduan aktiviti hiburan supaya dapat
mengukuhkan pembinaan jati diri generasi muda melalui aktiviti hiburan
dan kesenian.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) sentiasa memastikan program dan aktiviti bercorak hiburan yang dianjurkan oleh Kementerian ini mengikut garis panduan dan tatacara yang telah ditetapkan dalam usaha Kementerian untuk mengukuhkan pembinaan jati diri generasi muda melalui aktiviti hiburan dan kesenian.

Kementerian melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) mengendalikan semua rancangan berbentuk hiburan berpandukan Garis Panduan

SOALAN NO: 51

Penerbitan Rancangan TV (RTM), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Penapisan Filem dan dasar-dasar semasa KPKK yang mana semuanya tidak pernah sama sekali membenarkan aktiviti hiburan sama ada di lapangan atau rakaman/siaran langsung yang bercanggah dengan amalan nilai-nilai murni masyarakat majmuk serta norma budaya yang bersandar kepada Islam sebagai agama rasmi.

Setiap rancangan yang disiarkan oleh RTM mahupun stesen penyiar swasta telah terlebih dahulu dinilai isi kandungannya oleh Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan Rancangan TV dengan merujuk kepada Kod Etika Penyiaran, Jabatan Penyiaran Malaysia dan lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

SOALAN NO : 52

**PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN**

DARIPADA : LISAN **RAKYAT**
TARIKH : **TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL]**
14 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah kuantiti terkini bagi eksport sarang burung walit ke luar negara dan bagaimanakah cara untuk memohon lesen eksport yang lengkap.

JAWAPAN : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
Kuantiti eksport sarang burung walit telah meningkat daripada 9.5 tan metrik bernilai RM19.2 juta pada tahun 2009 kepada 145 tan metrik bernilai RM80.8 juta pada tahun 2011.

Cara untuk memohon permit eksport yang lengkap adalah seperti berikut:

- (i) Pemohon hendaklah mendaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bagi tujuan mengeksport sarang burung walit. Bagi pasaran ke China, premis akan diberi tanda pengenalan dengan menggunakan sistem yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM);
- (ii) Premis yang telah didaftarkan akan diaudit oleh DVS untuk tujuan pengesahan dan pemeriksaan sistem pengendalian dan pemprosesan yang dijalankan. Manakala syarikat yang mendapat persijilan *Veterinary Health Mark (VHM)* atau *Good Veterinary Husbandry Practice (GVHP)* layak menjadi pengeksport; dan
- (iii) Permit eksport dan Sijil Kesihatan Veterinar untuk setiap konsaimen akan dikeluarkan oleh ibu pejabat DVS. Bagi pasaran ke China, peraturan tambahan akan ditetapkan untuk pengeksport iaitu Sijil Kesihatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

SOALAN NO : 53

bagi pengesahan keselamatan makanan.

SOALAN NO : 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B DATO' SRI LIOW ~~PERTANYAAN DEWAN~~ MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH 14 JUN 2012

SOALAN

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bolehkah Kementerian mempertimbangkan untuk menempatkan lebih banyak doktor gigi di pedalaman negeri Sabah khususnya di daerah Tenom.

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa mengambil langkah untuk menempatkan lebih ramai Pegawai Pergigian di negeri Sabah termasuklah di kawasan-kawasan pedalaman. Hasil daripada usaha-usaha yang telah dibuat oleh KKM secara berterusan, seramai 134 orang Pegawai Pergigian dan Pegawai Pergigian Pakar telah ditempatkan di negeri Sabah dengan peratus pengisian jawatan adalah sebanyak 98.5 peratus pada 31 Mac 2012.

Secara keseluruhannya, pengisian jawatan ini telah dapat memenuhi keperluan penyampaian perkhidmatan dengan mengambilkira fasiliti pergigian sedia ada di negeri Sabah.

Klinik Pergigian Tenom merupakan sebuah Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) yang mempunyai satu (1) *dental chair* dan tidak boleh menampung kehadiran pesakit yang berjumlah lebih dari 100 orang pada setiap lawatan sekali dalam seminggu (hari Rabu) oleh Pegawai Pergigian dari Klinik Pergigian Keningau.

Oleh itu, permohonan untuk mewujudkan Klinik Pergigian Tenom yang baru dengan 3 (tiga) *dental chair* telah dibuat bagi tujuan penempatan Pegawai Pergigian sepenuh masa melalui *Rolling Plan 3 RMKe-10*.

MO SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA

YM. DATO⁸ SERI OPJG **KA
CHUAN (TANJONG MAUM)**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

14.06.2012

Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM] minta MEWTERI KEWANGAN menyatakan

- (a) apakah impak awal ke atas dasar Kementerian untuk memperketatkan kriteria pinjaman yang mengawalselia kadar pinjaman isi rumah; dan
- (b) apakah ekonomi yang paling merasai kesan pelaksanaan dasar ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dasar yang diperkenalkan memberi tumpuan kepada amalan pembiayaan yang bertanggungjawab bertujuan untuk memastikan individu mendapat akses kepada pembiayaan berdasarkan kemampuan masing-masing dan mengelakkan individu daripada terlebih berhutang serta mengekang peningkatan trend keberhutangan isi rumah yang tidak sihat.

2. Selepas pelaksanaan dasar ini yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2012, sistem perbankan merekodkan pertumbuhan pinjaman sektor isi rumah pada kadar 11.7% pada akhir April 2012 berbanding 12.9% pada akhir tahun 2011.

Pertumbuhan pinjaman yang lebih perlahan dapat diihat bagi pinjaman untuk

3. Secara keseluruhannya, pemberian pinjaman kepada sektor isi rumah pada 2012 dijangka akan terus meningkat sejajar dengan perkembangan ekonomi semasa. Hutang isi rumah terus disokong oleh peningkatan pendapatan isi rumah dan keadaan pasaran pekerjaan yang menggalakkan. Paras hutang semasa masih terkawal dan nisbah hutang tak berbayar kekal rendah pada 1.7% sahaja daripada jumlah pinjaman kepada sektor isi rumah. Sni menunjukkan tahap keberhutangan isi rumah adalah tidak membimbangkan. Pelaksanaan Garis Panduan Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab menekankan proses penilaian yang lebih kukuh dan melibatkan pengguna secara langsung dalam menilai keupayaan mereka untuk mengambil lebih banyak hutang. Langkah pencegahan ini juga akan memastikan pinjaman masa hadapan adalah sepadan dengan keupayaan dan kemampuan individu untuk membayar balik pinjaman terbabit.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : 14Jun2012

SOALAN

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) apakah status projek Lebuh Raya Bertingkat Kinrara- Damansara (KIDEX); dan
- (b) berapa lama tempoh tahun kutipan tol yang dibenarkan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cadangan Pembinaan Lebuh Raya Bertingkat Kinrara - Damansara (KIDEX) secara penswastaan telah

SOALAN NO. 56

dipersetujui secara prinsip oleh Kerajaan. Pada masa kini, kajian terperinci dan rundingan dengan syarikat konsesi sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan. Memandangkan rundingan masih belum dimuktamadkan dan perjanjian konsesi belum ditandatangani, adalah terlalu awal (*pre mature*) bagi pihak Kerajaan untuk memberi maklum balas berhubung projek ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH 14 JUN 2012

SOALAN:

TUAN GWO-BURNE LOH minta PERDANA MENTERI menyatakan kesediaan SPR untuk menerima pemerhati antarabangsa bagi memantau pilihan raya akan datang.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

SOALAN NO. 57

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah menjemput negara luar seperti Indonesia, Thailand, Bosnia dan beberapa buah negara lagi sebagai pemerhati antarabangsa. Namun masih belum menerima sebarang jawapan daripada mereka.

SOALAN NO. 56

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR juga sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa buah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk bergabung menjadi satu pasukan pemerhati dalam negeri pada Pilihan Raya Umum ke-13. Penggabungan itu kelak memudahkan mereka sebagai satu pasukan dan menjadi pemerhati di 222 buah kawasan Parlimen seluruh negara.

Pemilihan NGO itu menepati etika dan syarat-syarat yang ditetapkan sebagai pemerhati, antaranya mereka tidak berpihak kepada parti politik, tidak mengganggu proses pilihan raya dan menghantar laporan secepat mungkin kepada SPR.

Di samping itu, pemerhati dari luar negara juga perlu menepati etika dan syarat yang ditetapkan iaitu antara lain adalah seperti tidak berpihak dengan parti politik dan tidak campurtangan dalam proses pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERIPANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH
[KALABAKAN]

TARIKH : 14JUN2012

NO. SOALAN: 57
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta PERDANA MENTERI menyatakan bolehkah Menteri memberi jaminan dan memastikan semua anak-anak Sabah yang mempunyai kelayakan untuk masuk ke Universiti mendapat biasiswa Petronas seperti yang diumumkan oleh Petronas baru-baru ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, biasiswa PETRONAS ditawarkan kepada semua pelajar lepasan SPM dari seuruh Malaysia untuk melanjutkan pengajian tinggi di Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) dan juga di beberapa buah universiti di luar negara. Pemberian biasiswa PETRONAS adalah berdasarkan merit, tahap kecemerlangan akademik dan ko-kurikulum calon-calon tersebut. Prestasi semasa temuduga pra-kelayakan dan penilaian bertulis serta latar belakang sosio-ekonomi keluarga mereka juga turut diambil kira. Pemohon adalah dipilih berdasarkan kursus yang menjadi pilihan mereka dan tertakluk kepada jumlah peruntukan yang telah ditetapkan.

NO. SOALAN: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [**
TARIKH **PERMATANG PAUH]**
14.06.2012 (KHAMIS)
DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**
menyatakan kadar kenaikan harga barang keperluan asas rumahtangga seperti susu tepung kanak-kanak, minyak masak, gula dan tepung dalam tempoh 2008 - 2012 serta tindakan yang diambil untuk mengawal peningkatan harga barang keperluan asas tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sentiasa mengkaji dan menyemak harga barang kawalan dari semasa ke semasa. Ini bagi memastikan harga sesuatu barang adalah selaras dengan peredaran masa dan berdasarkan kepada perubahan harga bahan mentah komoditi di pasaran dunia. Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Mei 1982 telah membernarkan pemansuhan kawalan harga terhadap susu dan susu tepung formula bayi bermula daripada 1 Jun 1982. Harga barang kawalan iaitu gula telah dinaikkan sebanyak empat kali sejak tahun 2008 hingga 2012 iaitu kenaikan 20 sen sekilogram pada 1 Januari 2010, 25 sen sekilogram pada 16 Julai 2010 dan 20 sen sekilogram pada 4 Disember 2010 menjadikan harga runcit sebanyak RM2.10 sekilogram, manakala kenaikan keempat/terakhir

ialah pada 10 Mei 2011 sebanyak 20 sen sekilogram menjadikan harga runcit RM2.30 sekilogram sehingga kini. Tidak ada kenaikan harga bagi tepung gandum dan tepung.

Tuan yang Dipertua,

Seperti yang kita sedia maklum, faktor-faktor diluar kawalan Kerajaan seperti perubahan cuaca, bencana alam di negara pengeluar komoditi serta harga pasaran dunia memberi kesan secara langsung kepada perubahan harga sesuatu barang. Walau bagaimanapun, bagi melindungi pengguna, Kerajaan masih mengekalkan elemen subsidi supaya rakyat tidak terbeban dengan kesan perubahan harga komoditi dunia yang menyebabkan kenaikan harga yang terlalu mendadak. Selain itu, Kerajaan juga mengadakan sesi perundingan dengan industri-industri terlibat supaya tidak menaikkan harga produk keluaran mereka secara drastik. Kerajaan juga melalui KPDKKK mengadakan program-program untuk meningkatkan tahap kesedaran pengguna agar mereka menjadi pengguna yang bijak, mengetahui hak-hak mereka sebagai pengguna serta menjalankan tanggungjawab dan peranan mereka. Selain itu, Kerajaan juga telah menjalankan program-program yang bertujuan membantu rakyat meringankan beban kos sara hidup seperti penubuhan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) dan pelaksanaan program Menu Rakyat 1 Malaysia (MR1M).

SOALAN NO: 59

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
TARIKH	14 Jun 2012 (Khamis)
SOALAN	Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan status terkini berkenaan projek terbengkalai Perumahan Nelayan Bunut Rendang di dalam kawasan Parlimen Kuantan.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS

TANI Tuan Yang DiPertua,

Projek Perumahan Nelayan Bunut Rendang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang dalam Parlimen Kuantan. Projek ini dibangunkan di atas Tanah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang seluas 100 ekar bagi menempatkan semula nelayan di sekitar Tanjung Api, Kg. Selamat, Tanjung Lumpur dan Peramu. Sehingga kini, projek tersebut hanya siap 20.36% berikutan masalah kewangan syarikat peneraju.

Sebanyak RM25 juta akan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan

SOALAN NO: 60

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

melalui Projek Infrastruktur Asas di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri bagi menyiapkan projek ini secara berfasa.

NO SOALAN : 20

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO¹ KAMARULBAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.06.2012

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan bagi Skim Rumah Pertamaku dan berapakah jumlah permohonan yang diluluskan dan yang ditolak oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengerang yang dijadualkan pada hari ini bersama pertanyaan Yang Berhormat Telok Kemang dan Yang Berhormat Paya Besar yang dijadualkan pada 14 dan 27 Jun 2012, memandangkan ketiga-tiga pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang hampirsama.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melancarkan Skim Rumah Pertamaku pada bulan Mac 2011. Skim ini bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja untuk memiliki rumah sendiri. Di bawah skim ini, Cagamas akan memberi jaminan sebanyak 10% daripada jumlah pembiayaan kepada institusi kewangan yang terlibat atas pembiayaan yang lebih dari 90%. Skim ini membolehkan mereka mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Dalam Bajet 2012, Kerajaan telah menambahbaik skim Rumah

Pertamaku dengan meningkatkan had maksimum harga rumah daripada RM220 ribu kepada RM400 ribu. Penambahbaikan ini membolehkan pembelian rumah melalui pinjaman bersama suami isteri yang masing-masing berpendapatan RM3,000 ke bawah membeli rumah kediaman bernilai sehingga RM400 ribu, dengan syarat pembayaran balik jumlah komitmen tidak boleh melebihi 60% daripada pendapatan bersih bulanan atau had pembiayaan maksimum oleh bank yang terlibat, yang mana lebih rendah, bagi mengelakkan pendedahan yang besar terhadap hutang. Pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang dibangunkan oleh mana-mana pemaju berlesen dan layak untuk mendapat jaminan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

3. Sehingga akhir Mac 2012, sejumlah 1,709 permohonan telah diterima untuk mendapatkan pembiayaan di bawah skim ini, dengan 589 permohonan tidak diteruskan disebabkan oleh permohonan berganda dengan institusi kewangan yang berlainan. Ini menjadikan jumlah permohonan sebenar skim ini sebanyak 1,120 permohonan. Daripada jumlah permohonan sebenar, sebanyak 399 (36%) permohonan telah diluluskan. Manakala, sebanyak 529 permohonan telah ditolak, sebahagian besarnya atau 397 permohonan adalah disebabkan oleh kegagalan pemohon untuk memenuhi syarat kelayakan pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan. Sebanyak 132 permohonan lagi ditolak disebabkan pemohon tidak memenuhi kriteria skim. Pada masa yang sama, 192 permohonan lagi sedang diproses oleh institusi kewangan. Bagi permohonan yang ditolak disebabkan kegagalan pemohon memenuhi kriteria kelayakan pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan, pemohon akan dirujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi mendapatkan khidmat nasihat berkaitan kedudukan kewangan mereka.

Tuan Yang Di-pertua,

4. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, skim ini bukanlah jaminan bahawa setiap pembeli kediaman yang berharga antara RM100,000 sehingga RM400,000 layak diberikan pembiayaan perumahan. Peminjam masih lagi perlu memenuhi kriteria asas skim dan juga memenuhi syarat kelayakan

pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan. Keputusan muktamad pembiayaan adalah bergantung kepada kemampuan peminjam dan penilaian kredit oleh bank-bank yang terlibat. Bagi memastikan rakyat sentiasa memperolehi maklumat yang tepat mengenai skim ini terutamanya mengenai kriteria kelayakan, satu laman sesawang telah diwujudkan. Laman sesawang tersebut boleh dilayari di www.srp.com.my.

**No. Soalan :61
PR-1252-L50258**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
	Y.B. DATUK IR. HAJI IDRIS HAJI
DARIPADA	HARON [TANGGA BATU]
TARIKH	14 JUN 2012
SOALAN	Y.B. Datuk Ir. Haji Idris Haji Haron [Tangga Batu] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah pendirian Kerajaan Malaysia terhadap ketegangan antara China dan Filipina berhubung pertikaian wilayah di kepulauan Spratly, Laut China Selatan dan selaku rakan ASEAN Filipina sekiranya keadaan semakin memuncak antara kedua negara itu dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menjamin keamanan sejagat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk memberikan jawapan secara serentak kepada dua (2) pertanyaan-pertanyaan yang menyentuh mengenai isu yang sama daripada:

- Yang Berhormat Selayang bertarikh 12 jun 2012; dan
 - Yang Berhormat Tangga Batu bertarikh 14 Jun 2012;
2. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat di atas soalan-soalan yang dikemukakan.
3. Seperti yang Dewan yang mulia ini sedia maklum, wujud tuntutan bertindih kawasan maritim dan tuntutan bertindih ke atas ciri-ciri geografi di kawasan maritim seperti pulau, terumbu dan sebagainya yang terletak di kawasan Laut China Selatan. Tuntutan bertindih di Laut China Selatan ini melibatkan Malaysia, Vietnam, Brunei Darussalam, Filipina dan Republik Rakyat China. Kawasan yang dirujuk sebagai Spratly dari segi geografinya terletak di bahagian selatan Laut China Selatan.

4. Kerajaan sentiasa peka dan memberikan perhatian yang khusus terhadap sebarang perkembangan di Laut China Selatan dan tindakan-tindakan yang bersesuaian sentiasa diambil bagi memastikan kepentingan negara di kawasan tersebut terpelihara. Berhubung dengan tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian bahawa ianya wajar diselesaikan di meja rundingan. Dalam forum-forum antarabangsa, Malaysia sentiasa menegaskan bahawa dialog secara aman (*peaceful dialogue*), saling memahami dan menghormati antara satu sama lain adalah sangat penting dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sukacita saya ingin maklumkan bahawa negara-negara ASEAN dan Republik Rakyat China telah menandatangani dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002. Melalui Deklarasi ini, pihak-pihak yang mempunyai tuntutan bertindih di Laut China Selatan bertekad untuk mencari penyelesaian secara damai melalui perundingan berdasarkan peruntukan undang-undang antarabangsa termasuklah *United Nations Convention on the Law of the Sea* 1982. Dalam masa yang sama, usaha-usaha bagi membina keyakinan (*confidence building*) di antara

negara-negara yang terlibat turut dilaksanakan.

6. Malaysia menyokong sepenuhnya usaha-usaha ke arah mengurangkan konflik di Laut China Selatan di samping memastikan keselamatan negara sentiasa terpelihara dan kedaulatan wilayah negara dapat dizahirkan. Malaysia berpandangan bahawa semua pihak seharusnya berpegang kepada prinsip dan semangat DOC dan peruntukan-peruntukan undang-undang antarabangsa yang berkaitan termasuklah *United Nations Convention on the Law of the Sea* 1982 di dalam menangani sebarang perbezaan pandangan dan seterusnya mengelak situasi yang boleh menggugat keamanan di Laut China Selatan.

Sekian, terima kasih.

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 14 JUN 2012

SOALAN :

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta PERDANA HHENTERS menyatakan mengapa meritokrasi tidak merupakan kriteria yang tunggal untuk kenaikan pangkat hakim-hakim dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, semua hakim yang layak mengikut kategori jawatan adalah dipertimbangkan dalam proses pemilihan ke semua jawatan kenaikan pangkat. Dalam hubungan ini, kenaikan pangkat hakim-hakim dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan adalah berdasarkan merit berasaskan kriteria pemilihan seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) iaitu:

- (i) integriti, kompetensi dan pengalaman;
- (ii) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik;
- (iii) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada nriasan dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;
- (iv) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan
- (v) kesihatan fizikal dan mental.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB. DATUK WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]

TARIKH JAWAPAN : 14 JUN 2012 (KHAMIS)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN NO. 63

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

menyatakan keberkesanan dari segi penjimatan penggunaan elektrik sejak tindakan menetapkan suhu tidak kurang daripada 24 darjah Celsius dimulakan.

Tuan Yang Dipertua,

Mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Ogos 2011 telah memutuskan agar langkah serta-merta untuk menggunakan tenaga dengan cekap dilaksanakan di semua bangunan Kerajaan. Ini akan dilaksanakan melalui penyelarasan suhu persekitaran dalaman di semua bangunan kerajaan kepada tahap tidak kurang daripada 24 darjah Celcius ($^{\circ}\text{C}$). Penetapan ini merupakan salah satu langkah penjimatan tenaga tanpa kos yang boleh dilaksanakan dengan serta merta.

Selaras dengan keputusan tersebut, sebagai peringkat permulaan, Kementerian saya telah membantu kementerian-kementerian dan agensi kerajaan yang lain di Putrajaya dan Cyberjaya untuk melaksanakan penetapan suhu persekitaran dalaman pejabat kepada 24°C . Bagi tujuan pemantauan penggunaan tenaga selepas pelaksanaan penetapan suhu 24°C , satu sistem data penggunaan tenaga di bangunan melalui capaian internet telah dibangunkan. Melalui sistem ini, pemilik bangunan boleh memasukkan data penggunaan tenaga bulanan secara sistematik dan berterusan.

Melalui agensi SEDA Malaysia, Kementerian saya telah menganalisa penjimatan tenaga yang dicapai di beberapa bangunan kerajaan di

Putrajaya dan Cyberjaya bermula pada bulan Oktober 2011. Bagi enam (6) bulan pertama pelaksanaan, sebanyak enam (6) peratus penjimatan tenaga telah dicapai. Saya menganggap ianya merupakan pencapaian yang baik kerana ianya merupakan salah satu langkah penjimatan secara *No Cost Measures* yang mudah untuk dilaksanakan tanpa kos.

NO. SOALAN: 64

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DR. LEE BOON CHYE
	[GOPENG]
TARIKH	14.06.2012 (KHAMIS)

DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan bilangan KR1M setakat ini dan perbelanjaan keseluruhan untuk program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan mensasarkan sebanyak 85 buah KR1M beroperasi dalam tahun 2012. Sehingga 1 Jun 2012, sebanyak 36 buah KR1M telah beroperasi di seluruh Malaysia. Baki, sebanyak 49 lokasi lagi sedang dikenalpasti.

Kerajaan memperuntukkan dana sebanyak RM40 juta bagi kos infrastruktur KR1M yang meliputi kos pengubahsuaian dan perkakas serta peralatan berkaitan.

NO. SOALAN: 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN
DARI PAD A PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
TARIKH KAMARUDDIN [AMPANG]
14.06.2012 (KHAMIS)
PUAN HAJAH ZU RAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG] minta
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan kejayaan dan cabaran dalam
pelaksanaan Program Transformasi Untuk Kedai Runcit (TUKAR) dan
bagaimanakah ianya dapat memanfaatkan rakyat keseluruhannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Program Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional sedia ada bagi meningkatkan tahap daya saing dalam persekitaran perniagaan peruncitan yang kompetitif. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama *hypermarket* tempatan dan asing sebagai tanggungjawab sosial syarikat terbabit membangunkan peruncit-peruncit tempatan.

Pada tahun 2011, sebanyak 519 buah kedai runcit termasuk kedai runcit koperasi telah menyertai projek TUKAR melepas sasaran 500 buah kedai runcit dimodenkan di bawah projek ini di seluruh negara. Manakala pada tahun 2012,

Kerajaan masih mensasarkan sebanyak 500 buah kedai runcit dimodenkan. Sehingga 4 Jun 2012, sebanyak 205 buah kedai runcit termasuk kedai runcit koperasi telah berjaya dimodenkan dan 295 buah kedai runcit lagi dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Pada peringkat awal pelaksanaan, kebanyakkan peruncit khuatir dan kurang yakin terhadap pelaksanaan projek ini. Walau bagaimanapun, melalui sesi penerangan, program promosi yang dijalankan oleh Kerajaan dan kejayaan projek perintis TUKAR telah membuktikan kepada rakyat khususnya peruncit bahawa projek TUKAR ini mampu mengubah kehidupan mereka kepada yang lebih baik.

Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada peruncit, purata jualan mereka telah meningkat di antara 10% hingga melebihi 400% dan dalam masa yang sama mereka juga dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kedai runcit yang lebih sistematik serta pembinaan modal insan yang lebih baik.

Di samping itu, pengguna juga turut mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek TUKAR ini antaranya ialah pilihan barang yang lebih banyak, suasana kedai runcit yang lebih selesa dan produk yang dikehendaki mudah didapati di kedai tersebut. Ini secara tidak langsung akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara sepertimana sasaran *Gross National Income* (GNI) bagi program ini iaitu RM5.56 bilion menjelang tahun 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARI PAD A TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM

[BANDAR TUN RAZAK]

SOALAN NO: 66

TARIKH

14 JUN 2012

SOALAN

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan selaras dengan agenda liberalisasi ekonomi, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memudahkan import ubat-ubatan dan penyediaan pusat rawatan serta perkhidmatan perubatan dan kepakaran.

Tuan Yang di-Pertua

Selaras dengan agenda liberalisasi ekonomi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah setuju meliberalisasi subsektor perkhidmatan kesihatan secara *autonomous* pada tahun 2012. Pengumuman telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri melalui ucapan bajet 2012 pada 7 Oktober 2011. Perkara yang diliberalisasikan adalah:

- i. **Perkhidmatan hospital swasta pada kadar pegangan ekuiti asing sebanyak 100 peratus; dan**
- ii. **Perkhidmatan pengamal pakar perubatan/pergigian warga asing dibenarkan untuk berkhidmat di hospital swasta.**

Tuan Yang di-Pertua

Mengenai perkhidmatan kepakaran, di antara langkah yang telah diambil Kerajaan bagi memudahkan perkhidmatan kepakaran ialah pindaan kepada Akta Perubatan 1971, bagi membolehkan Majlis Perubatan Malaysia berfungsi sebagai badan korporat dan berfungsi dengan lebih efektif dan efisen, menambahbaik proses permohonan dan bayaran pendaftaran dari semasa ke semasa, menyediakan perkhidmatan pendaftaran dan bayaran secara online, menyediakan maklumat berkaitan permohonan pendaftaran pengamal dan kepakaran dengan lebih telus melalui laman web dan menyediakan maklumat berkaitan pengamal dan pakar yang berdaftar di dalam laman web.

Tuan Yang di-Pertua

Semua ubat-ubatan (produk farmaseutikal) sama ada produk tempatan atau import perlu berdaftar. Manakala, produk kosmetik perlu bernotifikasi dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum dipasarkan di Malaysia.

Kriteria pendaftaran untuk produk farmaseutikal adalah ia wajib memenuhi keperluan kualiti, keberkesanan dan keselamatan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak meletakkan sebarang syarat lain terhadap pengimportan produk farmaseutikal (selain produk yang tertakluk kepada keperluan perundangan khusus seperti produk psikotropik) ke Malaysia asalkan ia berdaftar dan pengimport mempunyai lesen import sah yang dikeluarkan oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan, KKM.

Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh Biro Pengawalan

Farmaceutikal Kebangsaan untuk memudahkan pengimportan ubat-ubatan ialah dengan memendekkan tempoh pemprosesan lesen import ubat-ubatan daripada 10 hari bekerja kepada 4 hari bekerja sahaja. Selain itu, bagi ubat-ubatan yang telah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, KKM dan pengimportnya sah, kelulusan pada borang ikrar kastam boleh dilakukan sebelum ubat tersebut sampai di Malaysia .

Sepanjang tahun 2011, Pegawai Penguatkuasa Farmasi telah meluluskan pengimportan melalui kargo sebanyak 19,029 konsaimen dengan 143,592 butiran yang bernilai menghampiri RM3.77 bilion. Manakala, pengimportan melalui pos/mel/kurier sebanyak 2,604 konsaimen dengan 15,145 butiran yang bernilai menghampiri RM2 juta telah dilepaskan.

KKM telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) dan PEMANDU supaya perkara ini dapat dipermudahkan lagi. Di antara perkara yang dibincang adalah mengkaji proses mendapatkan lesen mengendalikan atau menyediakan kemudahan atau perkhidmatan perubatan yang melibatkan beberapa agensi, di antaranya ialah Pihak Berkuasa Tempatan. Ini adalah penting untuk memahami interaksi di antara agensi yang akan terlibat dalam meluluskan lesen tersebut dari segi duplikasi prosedur dan formaliti Kerajaan yang secara tidak langsung akan melambatkan proses mendapatkan lesen.

SOALAN NO: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

**DATO' SERI MOHD. RADZI BIN SHEIKH
AHMAD[KANGAR]**

TARIKH

14 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah Kementerian akan mengambil tindakan terhadap ASTRO yang menayangkan wayang-wayang yang sama dan wayang-wayang yang lama berulang kali.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ulangan siaran di perkhidmatan penyiaran berbayar merupakan amalan biasa yang diamalkan oleh semua pemberi perkhidmatan penyiaran secara berbayar di seluruh dunia dan hal ini disebabkan oleh beberapa perkara seperti:

- a) bagi memenuhi kehendak dan minat para pelanggan berdasarkan penarafan yang tinggi bagi sesbuah rancangan. Hal ini menunjukkan bahawa rancangan tersebut, sama ada wayang yang

SOALAN NO: 66

baru atau lama, digemari oleh ramai penonton dan justeru dirasakan perlu diulang tayang siarannya;

- b) bagi memenuhi keperluan waktu tontonan yang berlainan. Justeru, rancangan-rancangan akan dijadualkan pada masa-masa yang berlainan untuk memastikan bahawa semua pelanggan yang mempunyai jadual harian yang berlainan dapat menonton sesebuah rancangan itu pada masa pilihan mereka; dan
- c) kos yang tinggi untuk menghasilkan dan mendapatkan kandungan baru sememangnya memberi kesan kepada siaran ulang tayang oleh pemberi perkhidmatan penyiaran berbayar.

Pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa prihatin akan isu ini dan sentiasa mengingatkan Astro untuk mengurangkan tahap ulangan siaran rancangan-rancangannya dan menyediakan kandungan yang baru.

HO.SOAI ' Artvi :
NO. AUM—? 68—
NO.-AUP -r

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN
[PADANG SERAI]**

DARI PADA **14 JUN 2012**

TARIKH **4809**

RUJUKAN :
LISAN

SOALAN:

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan indeks jenayah mengikut jenayah di negeri Kedah dan di kawasan Padang Serai. Apakah perancangan Kementerian bagi mengurangkan lagi kadar jenayah di kawasan Padang Serai.

JAWAPAN:
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Serai yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah jenayah indeks di negeri Kedah bagi tahun 2010 adalah sebanyak 11,722 kes, manakala bagi tahun 2011 sebanyak 10,667 kes dan bagi tahun 2012 (sehingga bulan April) sebanyak 3,109 kes. Bagi kawasan Padang Serai pula, jumlah jenayah indeks bagi tahun 2010 adalah sebanyak 276 kes, manakala bagi tahun 2011 sebanyak 226 kes dan bagi tahun 2012 (sehingga bulan April) sebanyak 53 kes.

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh PDRM bagi mengurangkan kadar jenayah di seluruh negara adalah seperti berikut:

- (1) *Community Policing* yang memberi penekanan kepada usaha memerangi jenayah secara bersama, berstruktur dan sistematik antara polis dan masyarakat;

- (2) *Police Omnipresence/ Ops Payung* iaitu mengadakan rondaan secara berjalan kaki dan bermotosikal di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai bagi mencegah jenayah;
- (3) **Program Walkabout / High Profile Policing** iaitu satu iangkah yang dilaksanakan bertujuan untuk mendekati rakyat secara langsung bagi mendengar sendiri masalah yang dihadapi;
- (4) *Respond Team* iaitu satu pasukan khas yang ditubuhkan untuk mengambil tindakan awal atas maklumat yang diterima dari masyarakat melalui talian Rakan Cop dan lain-lain saluran;
- (5) **Omnipresence + 4 Men Patrol** iaitu kesinambungan kepada rondaan secara bersama dengan agensi-agensi lain yang telah dijalankan sebelum ini dan dilaksanakan di semua daerah dengan penglibatan melibatkan 4 agensi utama iaitu ATM, RELA, JPAM dan SRS;
- (6) **Pelaksanaan Ops 1 Malaysia** iaitu operasi pencegahan jenayah secara bersepadu melalui penjenamaan semula Ops Bersepadu melibatkan 8 agensi dan dilaksanakan di 83 kawasan;
- (7) Operasi pencegahan jenayah secara bersepadu bersama agensi-agensi lain dan Operasi Khas yang memberi tumpuan terhadap kes-kes jenayah yang kerap berlaku atau yang menjadi isu kepada keselamatan orang ramai. Antara operasi tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) **Ops Lejang (Curi Kenderaan);**

- (ii) **Ops Rentap (Jenayah Jalanan - Ragut dan Samun Tepi Jalan);**
- (iii) **Ops Pintu (Pecah Rumah dan Curi);**
- (iv) **Ops Lusuh (Curi Kabel dan Logam); dan**
- (v) **Ops Kesan (Kesan dan tangkap wanted person dan suspek yang dikenalpasti melaui cap jari positif di tempat kejadian).**

- (8) **Program Bandar Selamat yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui perancangan infrastruktur seperti pemasangan CCTV di tempat-tempat strategik, pemasangan lampu di kawasan yang kerap berlaku jenayah dan mengasingkan laluan pejalan kaki dan laluan kenderaan bermotor bagi mengelak kejadian ragut atau samun;**
- (9) **Memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang kerap berlaku kes jenayah (*crime prone areas*) dengan mengambil tindakan-tindakan berikut:**
 - (i) menghantar lebih ramai pegawai dan anggota tambahan ke kawasan berkenaan;
 - (ii) meningkatkan rondaan bit/patrol dengan memberi penekanan di kawasan tumpuan ramai;
 - (iii) menjadikan rumah kedai atau rumah di kawasan perumahan sebagai Balai atau Pondok Polis sementara di kawasan yang kerap berlaku kes jenayah; dan

- (iv) mengadakan aktiviti-aktiviti bersama masyarakat setempat bagi memberi kesedaran tentang peranan mereka dalam membantu membanteras jenayah.

UO- Soft LAd.
~~NO. AUM : 60—~~
~~-NO?-AUP-~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :	RUJUKAN LISAN
DARI PADA	TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]
TARIKH	14 JUN 2012
	4810

SOALAN:

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa orang di Sarawak yang masih memegang Kad Pengenalan merah dan hijau. Berapakah daripada mereka yang telah mendiami Negeri Sarawak lebih daripada 30 tahun dan kenapa Kerajaan enggan meluluskan pemohonan mereka sebagai warganegara.

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar Kuching yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di Sarawak terdapat sebanyak 693 orang yang masih memegang Kad Pengenalan Merah (MyPR) dan sebanyak 83 orang yang memegang Kad Pengenalan Hijau (MyKAS).

Pemegang MyPR yang mendiami di Negeri Sarawak lebih daripada 30 tahun adalah seramai 279 orang manakala pemegang MyKAS adalah seramai 29 orang.

Mengikut peruntukan Perkara 19, Perlembagaan Persekutuan hanya mereka yang bertaraf Pemastautin Tetap melebihi 12 tahun sahaja yang layak memohon tetapi Pemastautin Sementara iaitu pemegang MyKAS tidak layak memohon. Walaubagaimanapun tidak semua yang layak memohon kewarganegaraan boleh diluluskan kerana pertimbangan permohonan juga mengambil kira faktor-faktor lain seperti pengetahuan bahasa melayu, berkelakuan baik, sumbangan kepada pembangunan, kesejahteraan dan keselamatan negara.
Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tidak semua pemegang MyPR ingin memohon menjadi warganegara Malaysia kerana terdapat dikalangan mereka masih mahu mengekalkan kewarganegaraan negara asalnya dan mereka ini hanya mahu menjadi Pemastautin Tetap negara ini sahaja.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PADA YB TAN SRI DATUK SERI HAMID BIN

SYED JAAFAR ALBAR (KOTA TINGGI)

TARIKH 14 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN

YB Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi]

minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN JAWAPAN:

MASYARAKAT menyatakan apakah langkah yang diambil Kerajaan untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa supaya memberi lebih perhatian kepada anak-anak sebagai langkah awal membendung kes-kes kekeluargaan seperti lari rumah, anak hilang, rogol dan pelbagai lagi kes yang semakin meningkat.

I

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin akan isu-isu kekeluargaan yang melibatkan remaja khususnya remaja yang mlarikan diri dari rumah, menjadi mangsa rogol dan sebagainya.

Kajian Profil dan Faktor Kanak-kanak dan Remaja Lari Dari Rumah yang dijalankan oleh Institut Sosial Malaysia (ISM) pada tahun 2010 mendapati tiga sebab utama kanak-kanak dan remaja lari dari rumah adalah disebabkan oleh faktor tekanan (48.8%), mengikut rakan (27.7%) dan ingin hidup bebas (14.5%).

Justeru, bagi memastikan kes-kes sosial ditangani dengan lebih proaktif, KPWKM menggunakan pendekatan bahawa kemahiran

**keibubapaan amat penting dan perlu diberi perhatian dalam menangani
JAWAPAN:**

**karenah anak- anak remaja. Dalam hal ini, KPWKM melalui Lembaga
Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan
pelbagai**

program bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan dan meningkatkan jati diri para remaja sebagai persediaan bagi mengharungi cabaran sosial semasa yang semakin kompleks.

Antara program kemahiran keibubapaan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(a) Pusat Remaja Kafe@TEEN

Pusat Remaja Kafe@TEEN menyediakan khidmat sokongan untuk remaja yang menghadapi masalah dan memerlukan bantuan menerusi Pusat Remaja kafe@TEEN. Sebanyak 6 pusat remaja kafe@TEEN iaitu di Ibu Pejabat LPPKN (Kuala Lumpur), Bertam (Pulau Pinang), Jalan Burmah (Pulau Pinang), Lembah Pantai (Kuala Lumpur), Seremban 2 (Negeri Sembilan) dan Kota Bharu (Kelantan) telah diwujudkan. Kafe@TEEN mensasarkan golongan remaja berumur antara 13 hingga 24 tahun bagi memberi maklumat berkaitan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling kepada remaja. Antara aspek yang diberi tumpuan ialah hubungan dalam keluarga dan perhubungan antara jantina di samping khidmat nasihat klinikal dan program kemahiran hidup.

Program *outreach* kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan komuniti

setempat ini telah berjaya mendekati seramai 427,677 orang remaja melalui 5,765 program/aktiviti dari bulan November 2005 hingga bulan April 2012.

(b) Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial (PKRS)

KPWKM menerusi LPPKN telah menjalin kerjasama strategik dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) bagi mengintegrasikan modul Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial (PKRS) ke dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Modul ini menekankan aspek menghindari situasi berisiko tinggi, kemahiran dan teknik penangguhan serta kemahiran penolakan kepada pelatih. Langkah ini bagi menangani permasalahan remaja lari dari rumah yang berpunca daripada pengaruh rakan sebaya. Semenjak tahun 2011 sehingga Mac 2012, seramai 84,376 orang pelatih PLKN di 84 kem PLKN seluruh negara telah mendapat pendidikan tersebut. Bagi tahun 2012, lebih kurang 100,000 orang pelatih akan mengikut modul berkenaan.

(c) Siri Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN'

Siri kursus Ilmu Keluarga@LPPKN diadakan setiap bulan di setiap negeri untuk memantapkan kemahiran ibu bapa dalam mendidik anak remaja dan seterusnya mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Sejak tahun 2006 hingga bulan April

2012, sejumlah 7,360 kursus telah diadakan di seluruh negara, melibatkan penyertaan seramai 790,968 orang peserta. Pelaksanaan kursus ini berasaskan kepada Pakej Modul KASIH yang mengandungi tiga aspek keibubapaan iaitu:

- keibubapaan anak kecil;
- keibubapaan anak remaja; dan
- kebapaan (*fatherhood*).

(d) **Program Pencegahan Jenayah SEKATA (Keselamatan Keluarga Tanggungjawab Kita)**

Program ini melibatkan kursus keibubapaan anak remaja dan pendidikan kesihatan reproduktif remaja kepada komuniti setempat dan dilaksanakan dengan kerjasama NGO sebagai salah satu usaha untuk mencegah masalah sosial termasuk remaja lari dari rumah.

Program kerjasama ini menggembung dan menggerakkan peranan ahli keluarga dan komuniti menerusi 214 NGO untuk melaksanakan lebih 900 program dalam komuniti setempat bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan untuk membantu menangani permasalahan sosial dalam masyarakat;

- (e) **Program Keluarga@Kerja (Parenting@Work)**
Program Keluarga@Kerja (Parenting@Work) khusus untuk ibu bapa yang bekerja di sektor awam atau swasta telah diperkenalkan sejak tahun 2007 bagi membantu ibu bapa bekerja mengimbangi tuntutan kerja dan keluarga (*work life balance*). Antara aspek yang diliputi ialah cara gaya keibubapaan kreatif, pengurusan konflik khususnya masalah *interpersonal* yang mana diharap dapat meningkatkan kemahiran keibubapaan dalam mengendalikan anak remaja. Sejak tahun 2007 hingga bulan April 2012, sejumlah 475 program telah dilaksanakan oleh LPPKN di pejabat Kerajaan, sektor swasta dan NGO, melibatkan penyertaan 20,662 orang ibu bapa; dan
- (f) **Perkhidmatan Kaunseling oleh Agensi-Agenzi KPWKM**
Bagi membantu ibu bapa menangani masalah anak remaja, KPWKM telah menyediakan perkhidmatan sokongan keluarga dan kaunseling kekeluargaan menerusi 182 orang kaunselor di Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2 orang kaunselor tetap serta 15 pegawai pembangunan masyarakat di Jabatan Pembangunan Wanita dan 15 orang kaunselor tetap serta 67 orang kaunselor panel di Pusat Keluarga LPPKN.

Soalan No : 70

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH]
TARIKH	14 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan mengenai larangan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO's) untuk terlibat dalam aktiviti di sekolah. Senaraikan pertubuhan bukan Kerajaan yang dilarang membuat aktiviti di sekolah dan kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat menggalakkan murid-murid terlibat aktif dalam kegiatan kurikulum yang terdiri daripada tiga bidang utama iaitu Pasukan Badan Beruniform, Kelab/Persatuan dan Sukan/Permainan. Usaha ini disokong dengan pemberian kuota khusus 10 peratus markah bagi kemasukan calon-calon ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Selaras dengan dasar tersebut guru dan murid dibenarkan menyertai aktiviti seperti perkhemahan, kursus, perbarisan dan aktiviti-aktiviti lain yang dianjur dari masa ke semasa oleh agensi-agensi kerajaan atau badan bukan kerajaan.

Walau bagaimanapun, penyertaan mereka perlu mendapat kebenaran daripada pihak Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia sekiranya aktiviti di peringkat kebangsaan atau Pengarah Pelajaran Negeri jika ia di peringkat negeri.

KPM tidak pernah melarang Badan Bukan Kerajaan terlibat menjalankan aktiviti kepada guru-guru atau murid-murid di sekolah, walau bagaimanapun dengan tujuan bersifat kawalan, KPM telah mengeluarkan beberapa Surat Pekeliling Ikhtisas sebagai panduan kepada pentadbir sekolah untuk membenarkan penyertaan badan-badan ini mengadakan aktiviti di sekolah.

Antara Pertubuhan Bukan Kerajaan yang bergiat aktif di sekolah ialah:

1. Persekutuan Pengakap Malaysia
 2. Pasukan Pandu Puteri
 3. Pergerakan Puteri Islam Malaysia
 4. Kelab Pencinta Alam
 5. Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia
 6. Angkatan Koperasi Kebangsaan
 7. Nestle Food Sendirian Bhd.
 8. Persatuan Pancaragam Malaysia
 9. Persatuan Sejarah Malaysia
 10. Persatuan Kimia Malaysia
 11. Petrosains Malaysia
- dan lain-lain lagi yang berdasarkan akademik dan khidmat masyarakat

Oleh itu, berdasar penjelasan tersebut penolakan sesuatu permohonan badan Kerajaan atau Bukan Kerajaan menjalankan aktiviti di sekolah tidak berlaku sekiranya aktiviti yang hendak dijalankan mendatangkan manfaat kepada murid-murid dan guru-guru secara umumnya

Rim 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

SOALAN NO: 71

RAKYAT PERTANYAAN: LISAN

DARI PADA: Y.B. DR MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA

TARIKH: 14 JUN 2012

SOALAN:

Dr **Mujahid Bin Haji Yus<of Rawa [Parit Byntar]** minta MENTERI SUMBER **MANUSSA** minta penyeiarasan dengan **Kementerian Pengajian Tinggi** dalam menentukan kadar keperluan kursus yang ditawarkan supaya sesuai dengan tuntutan pasaran buruh.

PR-1252-L50507

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk Makluman Dewan Yang Mulia, penyeiarasan secara langsung di antara Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telahpun dibuat terutamanya dalam menyediakan laluan kepada pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi di institusi pengajian yang diiktiraf oleh KPT. Selain itu juga, penyeiarasan pengambilan berpusat calon-calon yang memohon untuk mengikuti pengajian di institusi

pengajian di bawah KPT dan Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (**ILJTM**), **KSM** turut dilaksanakan secara atas talian dengan menggunakan platform UPU di bawah KPT.

Soalan No : 72

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK]

TARIKH

14 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Haji Che Uda bIn Che Nik [Sik] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan kedudukan per kapita yang rendah yang telah dibuat beberapa tahun yang lalu menyebabkan pentadbir sekolah amat tertekan dalam menyediakan keperluan yang cukup untuk proses P&P sekolah. Apakah langkah Kementerian untuk mengatasi perkara ini

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedia maklum dengan isu pentadbir sekolah amat tertekan dalam menyediakan keperluan yang cukup untuk proses P&P sekolah berikutan dengan kedudukan bantuan geran per kapita yang rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak KPM sedang meneliti cadangan kadar baru bagi Bantuan Geran Per Kapita ke sekolah ini. Cadangan kadar baru tersebut serta implikasi kewangan yang terlibat akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan kelulusan.

Soalan No : 73

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI

[TENOM]

TARIKH

14 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan setakat mana tahap penguasaan pelajar sejak diperkenalkan program j-QAF pada tahun 2005 dan apakah perkembangan terkini bagi membolehkan program j-QAF dilaksanakan pada peringkat sekolah menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan dasar memperkasa Pendidikan Islam melalui pelaksanaan Program j-QAF (Jawi, Quran, Arab dan Fardhu Ain) pada tahun 2005. Matlamatnya ialah untuk menyediakan generasi yang kukuh ilmu dengan pengisian rohani di samping kemahiran lain yang diperolehi di sekolah.

Sepanjang pelaksanaan j-QAF, KPM mendapati program ini sangat berkesan berdasarkan pencapaian murid dalam menguasai keempat-empat kemahiran j-QAF. Berdasarkan dapatan kajian impak program j-QAF oleh KPM bagi kohort pertama tamat tahun 6 tahun 2010 adalah seperti berikut:

Jawi : 92.12%

Khatam Quran : 99.10%

Bahasa Arab : 84.71%
Amali Solat : 99.91%

Laporan pencapaian program j-QAF 2011 pula melaporkan tahap pengusaan pelajar adalah seperti berikut:

Jawi	90.50
Al Quran	%
Bahasa Arab	98.96%
Fardu Ain	96.86%

(Amali wuduk : 99.44%, Amali solat: 94.28%)

Berhubung dengan perkembangan terkini bagi membolehkan program j-QAF dilaksanakan pada peringkat sekolah menengah, KPM pada masa ini menumpukan usaha untuk memastikan semua sekolah rendah melaksanakan program j-QAF terlebih dahulu supaya ia dilaksanakan dengan baik, teratur dan sempurna. KPM ingin pastikan bahawa tiada isu dan masalah yang berbangkit akibat pelaksanaan program ini. Selepas itu, barulah KPM akan melaksanakan program j-QAF Sekolah Menengah

Soalan No : 74

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH 14 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan atas asas apakah Kerajaan mengumumkan sistem pendidikan Malaysia adalah yang terbaik di dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Pendidikan Negara dianggap antara yang terbaik berdasarkan kepada kejayaan sistem pendidikan negara menyediakan akses dan ekuiti pendidikan hampir mencapai tahap sangat. Kejayaan Sistem Pendidikan Negara juga boleh diukur dengan kadar celik huruf tinggi di kalangan warganegara. Dalam masa yang sama Sistem Pendidikan Negara memperuntukkan sumber pendidikan yang tinggi untuk mengurangkan jurang pendidikan antara lokasi, demografi dan status sosioekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan laporan *World Economic Forum* (WEF) menyatakan bahawa generasi muda di Malaysia mendapat pendidikan yang lebih baik berbanding pelajar di Amerika Syarikat, Britain dan German. Laporan tersebut juga menyatakan Malaysia menduduki tempat ke-14 dalam kalangan 142 buah negara dan kedua di rantau Asia tenggara bagi

pendidikan berkualiti. Di samping itu, Malaysia turut menawarkan pendidikan secara percuma dan sekiranya ada pembayaran pun ianya mampu dibayar oleh rakyat Malaysia.

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARI PADA	Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH
	(JASIN)
PERTANYAA N	LISAN
TARIKH	14.06.2012

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penemuan utama Forensic Audit Report mengenai kerugian besar syarikat Sime Darby dan bilakah ianya akan dibentangkan di Parlimen/diumumkan sepetimana yang telah dijanjikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Sime Darby telah memfailkan saman sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 23 dan 24 Disember 2010 terhadap bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Y.Bhg. Dato' Seri Ahmad Zubir Murshid dan empat (4) individu lain atas kerugian yang dialami oleh Projek Petroleum Qatar, Projek Minyak Maersk Qatar, Projek Pembinaan Kapal Marin dan Projek Hidroelektrik Bakun.

Perlu dijelaskan di sini bahawa memandangkan kes saman sivil tersebut masih dalam proses undang-undang, Sime Darby telah dinasihatkan oleh peguam-peguam yang mewakilinya bahawa laporan audit forensik tersebut adalah dokumen terlindung (*privileged document*) menurut undang-undang

NO SOALAN :

dan tidak boleh didedahkan kepada umum.

Laporan audit forensik berkenaan yang telah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Sime Darby pada 20 September 2010, telah diserahkan kepada pihak berkuasa berkaitan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Sekuriti. Hasil daripada laporan tersebut, SPRM telah pun mendakwa tiga (3) pekerja / bekas pekerja Sime Darby bermula Ogos hingga Disember 2010 atas tuduhan salah laku rasuah. Berikutan dakwaan tersebut, ketiga-tiga individu telah menjalani proses undang-undang dan keputusan mahkamah telah pun diumumkan.

Sebagai langkah tambahan untuk mengelakkan isu kelemahan pentadbiran atau kecuaian daripada berulang, Sime Darby juga telah memperkenalkan pelbagai inisiatif ke arah memperkasakan struktur tadbir urus melalui pengukuhan pemantauan kewangan dan membudayakan amalan pengurusan risiko.

Pada 9 Jun 2011, Sime Darby telah menandatangani ikrar integriti korporat dan menyerahkannya kepada SPRM, sekaligus menjadikan Sime Darby sebagai Syarikat Berkaitan Kerajaan pertama untuk berbuat demikian. Ini mencerminkan komitmen dan kesungguhan Sime Darby terhadap usaha memerangi rasuah.

[BALING]

TAR1KH 14 JUN 2012

SOALAN:

DATO' **TAIB** AZAMUODEM *BiM* MD TAIB minta PEROAMA
MENTERI mengapa Kerajaan menarik **balik** Rang Undang-undang
Kesalahan PiSiham Raya (Pimdaan) 2012 **walhal** ianya **baru**
dipersetujui dan diluluskan oleh Wakil BN di Dewan ini.

SOALAN NO. 76

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MEMTER8 D8 JABATAN PERDANA SHENTERg**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman **Ahli** Yang Berhormat, penarikan balik Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2012 adalah bertujuan untuk dibuat semakan semula terhadap pindaan-pindaan yang telah dicadangkan oleh SPR. Bagaimanapun, Kerajaan belum bercadang untuk membentangkan rang undang-undang tersebut sehingga Pilihan Raya Umum Ke-13 yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 77

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [TENGGARA]
TARIKH : 14 JUN 2012 [KHAMIS]

SOALAN

Datuk Halimah Binti Mohd Sadique [Tenggara] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dapat memastikan untuk membantu Inegara bagi mencapai sasaran sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

JAWAPAN

Program Transformasi Ekonomi (ETP), telah giat dilaksanakan sejak September tahun 2010 dengan tujuan untuk membawa ekonomi Malaysia ke arah negara

berpendapatan tinggi dengan mencapai sasaran Pendapatan Kasar Kebangsaan (GNI) sebanyak RM48.000 per kapita pada tahun 2020. Sasaran ini dapat dicapai dengan memantapkan dua belas (12) ‘National Key Economic Areas’ ataupun NKEA.

Prestasi ETP bagi tahun 2011 amat menggalakkan dengan pencapaian GNI sebanyak RM830 billion berbanding dengan sasaran RM797 billion. Pelaburan sektor swasta juga berjaya mencapai RM94 billion berbanding dengan sasaran RM83 billion.

Butir-butir terperinci bagi EPP yang berada di bawah payung ETP akan diterbitkan dalam Laporan Tahunan 2011 dengan angka-angka yang disahkan oleh Pricewaterhouse Coopers (PwC).

Tambahan pula, penunjuk makroekonomi menunjukkan bahawa pelaburan dan perdagangan dalam ekonomi adalah tinggi. Ini dapat dilihat dalam peningkatan FDI sebanyak 15.4 peratus pada suku pertama tahun 2012 kepada RM7.5 billion berbanding dengan suku pertama tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya. Terdapat juga peningkatan dalam perdagangan sebanyak 5.6 peratus pada suku pertama tahun 2012 kepada RM317.6 billion berbanding dengan suku pertama tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya. Ini disokong oleh organisasi penyelidikan bebas antarabangsa, A.T. Kearney dalam penerbitan FDI Confidence Index 2012 yang menyaksikan Malaysia meningkat ke nombor 10 pada tahun 2012 di mana Malaysia naik dari nombor 21 pada tahun 2010.

Daya saing Malaysia juga telah meningkat melalui laporan tahunan ‘World Competitiveness Yearbook 2012’ oleh ‘Institute for Management Development’. Bagi tahun 2011, Malaysia telah dapat peningkatan kepada kedudukan 14 berbanding

dengan tahun sebelumnya di mana Malaysia berada di kedudukan 16.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
[SETIAWANGSA - BN]**

TARIKH 14 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN NO. 78

Minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan tahap kemajuan projek Kompleks Sukan di kawasan Seksyen 6, Wangsa Maju dan apakah usaha Kerajaan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek tersebut.

JAWAPAN

1. Tahap pelaksanaan bagi projek pembangunan kompleks sukan di Seksyen 6, Wangsa Maju telah mencapai kemajuan sebanyak 76.05%. Pihak kontraktor telah menghantar surat permohonan Lanjutan Masa (*Extension Of Time-EOT*) sebanyak 163 hari yang akan berakhir pada bulan Oktober 2012. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut masih lagi dalam penilaian pihak perunding dan Jawatankuasa Penilai yang diwujudkan oleh Kementerian.
2. Untuk mempercepatkan pelaksanaan projek tersebut, pihak Kementerian telah mempertingkatkan pemantauan dengan

mengadakan mesyuarat tapak setiap 2 minggu sekali, di samping memperingatkan kepada kontraktor berkaitan kelewatan projek. Selain daripada itu, dua pucuk surat amaran kelewatan projek telah dikeluarkan oleh perunding kepada kontraktor bagi memaklumkan berkaitan kelewatan dan denda yang akan dikenakan. Pihak perunding juga kerap mengadakan perbincangan teknikal dan lawatan tapak untuk menyelesaikan permasalahan di tapak supaya pihak kontraktor mudah untuk melaksanakan kerja-kerja di tapak.

SOALAN NO: 79

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG

TARIKH: 14JUN2012

SOALAN:

Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan langkah-langkah bagaimana Kerajaan memantau dan memastikan bahawa semua majikan di seluruh negara melaksana dan mengikuti keputusan gaji minima.

PR-1252-L49515

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

SULIT

1. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, pegawai-pegawai penguatkuasa di Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak diberi kuasa yang mencukupi untuk menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan Perintah Gaji Minimum sebagaimana yang

|

diperuntukkan dalam Bahagian IV Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (Akta 732).

2. Kementerian Sumber Manusia juga telah mengadakan taklimat mengenai pelaksanaan gaji minimum termasuk aspek perundangan dan penguatkuasaan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa di Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.
3. Bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai pelaksanaan gaji minimum, Kementerian Sumber Manusia juga telah dan sedang mengadakan sesi taklimat dan dialog dengan pihak- pihak berkepentingan di seluruh negara. Di samping itu, Kementerian ini sentiasa aktif dalam membuat hebahan mengenai gaji minimum melalui media massa bercetak dan elektronik

Soalan No : 80

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]
TARIKH	14 JUN 2012
SOALAN:	

Y.B. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan apakah tujuan Kerajaan untuk memansuhkan kuota 40% bagi pengambilan pelajar-pelajar tempatan dalam sekolah-sekolah antarabangsa. Adakah ini satu bukti bahawa sistem Sekolah Kebangsaan telah gagal, ataupun ia hanya bertujuan untuk menjaga kepentingan golongan orang berada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar membuka kemasukan murid warganegara Malaysia ke sekolah antarabangsa kepada 100% memberi impak positif ke atas sistem pendidikan negara dalam pelbagai aspek, antaranya seperti berikut:

- (i) Menggalakkan warganegara Malaysia kembali ke tanah air dan sekaligus mengurangkan pengaliran keluar wang dari Malaysia dan dapat meningkatkan kehadiran lebih ramai pelajar di sekolah antarabangsa. Dalam hal ini, anak warganegara Malaysia yang dihantar bersekolah di negara-negara jiran terutamanya Singapura, Thailand, Brunei Darussalam, Australia, New Zealand dan United Kingdom akan terdorong untuk kembali ke tanah air dan meneruskan persekolahan di sekolah-sekolah antarabangsa di Malaysia;

Pemansuhan kuota ini juga akan memberi pilihan yang lebih terbuka untuk anak-anak warganegara Malaysia di luar negara untuk belajar di sekolah antarabangsa di negara sendiri. Ini kerana bilangan rakyat Malaysia yang menghantar anak-anak mereka ke luar negara untuk pendidikan rendah dan menengah didapati semakin bertambah antara lain kerana kepentingan perniagaan di luar negara. Sebagai contoh, kira-kira 15,000 pelajar Malaysia sedang bersekolah di Singapura;

Sekolah-sekolah antarabangsa di sekitar rantau ini menawarkan pelbagai kurikulum dari Amerika, British, Australia dan sebagainya. Namun begitu, kebanyakan sekolah antarabangsa berkenaan menawarkan program IB Diploma di bawah naungan *International Baccalaureate Organization* (IBO), di samping peperiksaan bagi kurikulum yang sedia ada. *The International Baccalaureate Organization's Diploma Programme* merupakan program pengajian yang mendapat pengiktirafan untuk kemasukan ke universiti-universiti di 110 buah negara dunia. Oleh itu, dengan pemansuhan kuota tersebut, lebih ramai murid warganegara Malaysia akan berpeluang mengikuti program seumpamanya di sekolah antarabangsa;

Mengelakkan *brain drain* dalam kalangan rakyat Malaysia sama ada dalam kalangan generasi muda yang berpotensi cemerlang mahupun dalam kalangan ibu bapa mereka yang terdiri daripada tenaga mahir atau ahli profesional;

Melahirkan rakyat yang berupaya mempunyai pemikiran global serta memiliki keupayaan untuk bekerja dalam persekitaran antarabangsa hasil daripada pendedahan proses pendidikan yang berteraskan pelbagai budaya dan berciri antarabangsa;

Pelaksanaan mata pelajaran tambahan yang diwajibkan kepada murid warganegara akan membuka peluang pekerjaan kepada guru-guru warganegara yang terlatih dan berminat mengajar di sekolah antarabangsa. Guru-guru opsyen

bahasa Malaysia, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sivik, Kenegaraan dan Sejarah boleh berkhidmat sebagai guru di sekolah-sekolah antarabangsa di Malaysia. Pihak institusi pula mempunyai pilihan untuk melantik lepasan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi mengajar mata pelajaran wajib tersebut; dan

Murid warganegara Malaysia yang belajar di sekolah antarabangsa dilihat mempunyai kelebihan dalam persaingan pasaran kerja. Pendedahan dan kelayakan akademik dari institusi pendidikan antarabangsa memberikan mereka kelebihan untuk diterima bekerja dengan syarikat-syarikat multinasional kerana telah sedia dengan budaya antarabangsa dan berfikiran global. Mereka juga mempunyai *global thinking* serta memiliki keupayaan untuk bekerja dalam persekitaran antarabangsa. Secara tidak langsung ia akan memberi kesan kepada pembangunan perdagangan dan industri antarabangsa

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

[IPOH BARAT]

TARIKH 14 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta PERDANA

MENTERI menyatakan betapa seriusnya Kerajaan dalam menyusun semula Majlis Peguam dengan menggantikannya dengan akademi undang-undang.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan penubuhan Akademi Undang-Undang Malaysia adalah mengambilkira keperluan mewujudkan sebuah badan yang boleh mewakili anggota profession undang-undang secara lebih menyeluruh termasuk dari kalangan anggota kehakiman, ahli akademik, pegawai undang-undang di Jabatan Peguam Negara, bekas hakim, penasihat undang-undang syarikat-syarikat swasta dan sebagainya.

Akademi yang dicadangkan ini tidak akan menyentuh perjalanan badan- badan lain seperti Majlis Peguam yang keanggotaannya terhad kepada peguam bela dan peguam cara di Semenanjung Malaysia,mahupun Persatuan Pegawai Kehakiman dan Perundangan, Persatuan Undang- Undang Sabah atau Persatuan Peguam Bela Sarawak.

Antara cadangan fungsi Akademi Undang-Undang Malaysia ini adalah untuk menggalakkan dan mengekalkan *standard* yang tinggi dalam perlakuan dan pengetahuan anggota profession undang-undang di Malaysia, menggalakkan peningkatan dan penyebaran pengetahuan undang-undang serta mengadakan pendidikan undang-undang yang berterusan bagi anggotanya. Selain itu, Akademi ini akan menjadi medium bagi individu yang mempunyai pengetahuan undang-undang

tetapi tidak menjadi pengamal undang-undang untuk turut memberi pandangan serta berkongsi kepakaran dalam isu-isu berkaitan undang- undang. Ini secara tidak langsung akan menjadikan sumber rujukan undang-undang lebih meluas berbanding sebelum ini. Penubuhan Akademi ini akan dilaksanakan melalui cadangan Rang Undang-Undang Akademi Undang-Undang Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara dasarnya, bagi pengamal undang-undang, keahlian dalam Akademi Undang-Undang Malaysia bukanlah merupakan opsyen kepada keahlian dalam Majlis Peguam. Seksyen 43, Akta Profession Undang-Undang 1976 tetap menyatakan seperti berikut:

“Peguam Bela dan Peguam Cara ialah ahli Bar.

Tiap-tiap peguam bela dan peguam cara menjadi ahli Bar Malaysia tanpa dipilih, dimasukkan atau dilantik dan berterusan menjadi ahli di bawah seksyen ini selama dia mempunyai suatu sijil amalan yang sah.”

Cadangan penubuhan Akademi Undang-Undang Malaysia ini juga bukanlah suatu tindak balas Kerajaan terhadap Majlis Peguam Malaysia yang tidak sehaluan dengan Kerajaan. Ini kerana cadangan penubuhan akademi ini telah dipersetujui lebih sepuluh tahun yang lalu oleh Majlis Peguam Malaysia pada masa itu. Namun begitu, pelaksanaan akademi ini tertangguh disebabkan oleh faktor kesesuaian masa.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN
DARIPADA PUAN HAJAH ZU RAIDAH BINTI
TARIKH KAMARUDDIN [AMPANG]
14.06.2012 (KHAMIS)
PUAN HAJAH ZU RAIDAH BINTI KAMARUDDIN [AMPANG] minta
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan kejayaan dan cabaran dalam pelaksanaan
Program Transformasi Untuk Kedai Runcit (TUKAR) dan bagaimanakah
ianya dapat memanfaatkan rakyat keseluruhannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Program Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional sedia ada bagi meningkatkan tahap daya saing dalam persekitaran perniagaan peruncitan yang kompetitif. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama *hypermarket* tempatan dan asing sebagai tanggungjawab sosial syarikat terbabit membangunkan peruncit-peruncit tempatan.

Pada tahun 2011, sebanyak 519 buah kedai runcit termasuk kedai runcit koperasi telah menyertai projek TUKAR melepas sasaran 500 buah kedai runcit dimodenkan di bawah projek ini di seluruh negara. Manakala pada tahun 2012,

Kerajaan masih mensasarkan sebanyak 500 buah kedai runcit dimodenkan. Sehingga 4 Jun 2012, sebanyak 205 buah kedai runcit termasuk kedai runcit koperasi telah berjaya dimodenkan dan 295 buah kedai runcit lagi dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Pada peringkat awal pelaksanaan, kebanyakkan peruncit khuatir dan kurang yakin terhadap pelaksanaan projek ini. Walau bagaimanapun, melalui sesi penerangan, program promosi yang dijalankan oleh Kerajaan dan kejayaan projek perintis TUKAR telah membuktikan kepada rakyat khususnya peruncit bahawa projek TUKAR ini mampu mengubah kehidupan mereka kepada yang lebih baik.

Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada peruncit, purata jualan mereka telah meningkat di antara 10% hingga melebihi 400% dan dalam masa yang sama mereka juga dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kedai runcit yang lebih sistematik serta pembinaan modal insan yang lebih baik.

Di samping itu, pengguna juga turut mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek TUKAR ini antaranya ialah pilihan barang yang lebih banyak, suasana kedai runcit yang lebih selesa dan produk yang dikehendaki mudah didapati di kedai tersebut. Ini secara tidak langsung akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara sepertimana sasaran *Gross National Income* (GNI) bagi program ini iaitu RM5.56 bilion menjelang tahun 2020.

SOALAN NO: 83

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISA N
DARIPADA	YB. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOKINTAN]
TARIKH	KHAMIS, 14JUN 2012
RUJUKAN	09 [PR-1252-L49902]
SOALAN	

**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN
BANDAR menyatakan**

- (a) apakah status permintaan 4 ekar tanah oleh bekas pekerja estet Bukit Jalil bagi tujuan mendirikan rumah mereka ; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah perumahan yang dialami oleh bekas pekerja estet Bukit Jalil ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Telok Intan, pada 21 April 2011, bekas pekerja Ladang Bukit Jalil (LBJ) telah mengemukakan memorandum bertajuk, "**Penyerahan Plan Rumah Ladang Bukit Jalil'** kepada YAB Perdana Menteri. Tuntutan utama dalam memorandum itu adalah meminta kerajaan menyerahkan tanah seluas 4 ekar untuk dijadikan sebagai kawasan penempatan kepada penduduk LBJ, di bawah tajuk '*4 acres out of 1,800 acres - what is the problem*'.

Setelah mengkaji dan membuat pertimbangan, kerajaan memutuskan untuk tidak memenuhi tuntutan tersebut kerana secara dasarnya pendudukan tanah tersebut dibuat secara tidak sah sama seperti setinggan di tempat lain. Selain itu, kerajaan bimbang ianya akan menjadi rujukan kepada program penempatan semula setinggan yang lain oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) seperti di Kg. Pandan, Sri Indah (dalam proses berpindah ke PPR Sri Alam 2), Rezab Sungai Tapak Jaya (dalam proses berpindah ke PPR Air Panas), Pekan Kepong (dalam proses berpindah ke PPR Kepong) dan Batu /Vi (dalam proses berpindah ke PPR Kampung Muhibbah).

Sehingga 31 Mei 2011, daripada jumlah keseluruhan 28,582 keluarga setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebanyak 25,271 keluarga telah dipindahkan. Daripada jumlah tersebut tidak ada satu kawasan setinggan terbabit diberikan tanah untuk program penempatan

semula.

Walau bagaimanapun, bagi menangani masalah bekas pekerja ladang Bukit Jalil, Kerajaan telah menawarkan unit kediaman di PPR Kampung Muhibbah, Puchong dengan kadar sewa sebanyak RM 124.00 sebulan. Mereka juga diberi pilihan untuk membeli unit kediaman tersebut dengan harga RM 35,000.00 seunit mengikut syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jarak di antara penempatan Ladang Bukit Jalil dengan PPR Kampung Muhibbah adalah tidak melebihi 100 meter. Bagi mencapai matlamat penyelesaian terhadap isu-isu yang ditimbulkan termasuk isu perumahan, Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) telah melaksanakan program engagement terhadap penduduk LBJ menerusi 13 siri sesi dialog dan perbincangan mulai 16 Jun 2006 sehingga 14 Julai 2011.

Di atas **keprihatinan** Kerajaan, KWPKB telah **mengambil langkah menyediakan kaedah** untuk membayar faedah penamatan kerja dan *ex-gratia* kepada bekas pekerja LBJ.

Jumlah bayaran **wang ehsan** yang telah dipersetujui oleh Kerajaan pada 30 Oktober 2009 adalah sebanyak **RM360,000**, meliputi perkara-perkara berikut:-

- (i) **RM162,000** bagi 27 orang penduduk LBJ yang telah

berkhidmat di ladang tersebut selama 15 tahun; dan

- (ii) **RM198,000 bagi 66 orang penduduk LBJ yang telah berkhidmat di ladang tersebut selama 7 ½ tahun.**

Selain itu, Kerajaan juga telah memutuskan supaya peruntukan tambahan disediakan bagi pembayaran *ex-gratia* berjumlah **RM270,000** dan bayaran **Notis Berhenti Kerja** berjumlah **RM104,160** kepada penduduk LBJ. Ini menjadikan jumlah peruntukan yang perlu disediakan oleh KWPKB untuk bayaran wang ehsan kepada 93 penduduk LBJ adalah sebanyak **RM734,160**. Sebagai tambahan, KWPKB turut bersetuju supaya setiap penduduk LBJ yang masih berada di tapak (39 keluarga) dibayar **wang bantuan perpindahan** sebanyak **RM1,000** oleh DBKL, sekiranya mereka berpindah ke PPR Kampung Muhibbah.

Namun demikian, 39 penduduk LBJ bukan sahaja menolak cadangan yang diajukan, malah telah mengemukakan **bantahan** kepada Kerajaan. Oleh yang demikian, KWPKB dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) terpaksa mengadakan perbincangan dan

meneliti semula satu lagi isu yang telah dibangkitkan, iaitu mengenai wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Kegagalan 8 kontraktor tersebut untuk mencarumkan wang KWSP bagi bekas pekerja ladang yang telah dilantik semula, menyebabkan Kerajaan terpaksa bersetuju untuk menggantikannya dengan **pembayaran wang ehsan tambahan** sebanyak **RM922,088** kepada penduduk LBJ. Ini menjadikan **Jumlah keseluruhan wang ehsan yang perlu disediakan** oleh Kerajaan adalah berjumlah **RM 1,656,248.00**.

Justeru, setiap penduduk LBJ akan layak menerima sebanyak **RM22,852** sekiranya mereka bekerja dengan kontraktor selama **15 tahun** atau **RM11,986** bagi mereka yang bekerja untuk tempoh **7 Vi tahun sahaja**.

SOALAN NO: 84

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)

PERTANYAAN 14JUN 2012 (KHAMIS)

DARIPADA DATO' RASHID BIN DIN minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI

TARIKH ASAS TANI menyatakan bolehkah bantuan baja dan racun serangga

SOALAN kepada petani disalurkan dengan cara yang berbeza daripada sekarang memandangkan rungutan dari petani (padi dan getah) di mana baja dan racun yang dibekalkan kurang berkesan.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan kaedah alternatif dalam pemberian insentif dan subsidi. Ini bagi memastikan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan digunakan untuk tujuan penanaman padi dan memberikan kesan langsung terhadap pengeluaran padi negara. Pihak Kementerian juga turut memantau kualiti input yang dibekalkan melalui analisis yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian Malaysia. Keberkesanan pemberian insentif dan subsidi ini dapat dilihat melalui peningkatan hasil pengeluaran padi yang dicatatkan pada setiap tahun.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK NUR JAZLAN BIN
MOHAMED
KAWASAN : PULAI
TARIKH : 14.6.2012 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 85

YB. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan berteknologi tinggi yang masuk ke kawasan Iskandar Malaysia. Beri perbandingan dengan negeri Pulau Pinang berkenaan pelaburan jenis sama.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2007 hingga April 2012. jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan di Iskandar Malaysia adalah sebanyak RM28 bilion yang melibatkan 609 projek. Daripada jumlah tersebut, RM7.8 bilion (28%) adalah pelaburan domestik, manakala RM20.2 bilion (72%) adalah pelaburan asing.

Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan tersebut, sebanyak 25 projek dengan nilai pelaburan berjumlah RM7 bilion adalah projek berteknologi tinggi yang telah diluluskan galakan cukai untuk projek berteknologi tinggi dan strategik. Daripada jumlah tersebut, RM3.4 bilion (49%) adalah pelaburan domestik, manakala RM3.6 bilion (51%) adalah pelaburan asing. Sebanyak RM2.7 bilion iaitu 38% daripada projek berteknologi tinggi adalah melibatkan aktiviti pembesaran/pelbagaian.

Dalam tempoh yang sama, pelaburan yang diluluskan di negeri Pulau Pinang dalam sektor perkilangan berjumlah RM39.4 bilion yang melibatkan 653 projek. Daripada jumlah tersebut, RM11.5 bilion (29%) adalah pelaburan domestik, manakala RM27.9 bilion (71 %) adalah pelaburan asing.

Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan berjumlah RM39.4 bilion, sejumlah 70 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM25.7 bilion adalah projek berteknologi tinggi yang telah diluluskan galakan cukai untuk projek berteknologi tinggi dan strategik. Daripada jumlah ini, RM5.9 bilion (23%) adalah pelaburan domestik dan RM19.8 bilion (77%) adalah pelaburan asing.

Dalam tempoh yang sama, adalah diperhatikan sebanyak

RM17.4 bilion (67%) adalah merupakan projek berteknologi tinggi yang melibatkan aktiviti pembesaran/pelbagaian. Kerajaan bukan sahaja berusaha untuk menggalakkan pelaburan baru tetapi juga menggalakkan syarikat-syarikat sedia ada untuk terus membesar/mempelbagaikan projek perkilangan mereka dalam sub sektor yang disasarkan tanpa mengira faktor lokasi. Kerajaan akan terus memperbaiki polisi dan dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar pelaburan bagi menarik minat pelabur di samping menyediakan pelbagai insentif menarik dalam bentuk fiskal dan bukan fiskal bagi aktiviti pelaburan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14 JUN 2012 (KHAMIS)

**DARIPADA : Y.B TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
[BALIK PULAU]**

SOALAN

Y.B TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan secara terperinci berapakah jumlah keperluan rumah kos rendah dan mampu milik di Pulau Pinang amnya dan di Parlimen Balik Pulau khususnya.

Tuan Yang DiPertua,

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang diterima daripada Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Pulau Pinang, jumlah keseluruhan keperluan rumah kos rendah, kos sederhana rendah, dan projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 25,183 unit. Daripada jumlah tersebut, keperluan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan projek PPR di Daerah Barat Daya Pulau Pinang termasuk kawasan Balik Pulau adalah sebanyak 3,477 unit. Jumlah keperluan ini adalah berdasarkan jumlah permohonan yang diterima oleh Pejabat SUK Pulau Pinang sehingga 16 Mei 2012.

**Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan**

Jun 2012

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN **JAWAB LISAN**
DARIPADA **DATUK MD. SIRAT BIN ABU**
TARIKH **14 JUN 2012 (Khamis)**
SOALAN
Datuk Md. Sirat bin Abu [NQk87Katil] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-

- a) Berapa ramaikah mahasiswa yang terlibat dalam demonstrasi Bersih 3.0; dan
- b) Apakah tindakan yang dikenakan terhadap mahasiswa universiti yang terlibat secara langsung dan melanggar undang-undang dalam demonstrasi tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pengajian Tinggi telah menerima senarai nama seramai 152 orang yang disyaki pelajar daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ditangkap semasa perhimpunan Bersih 3.0 pada 28 April 2012. Senarai nama tersebut telah dipanjangkan kepada semua IPTA untuk pengesahan.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, atas semangat autonomi yang diberikan kepada IPTA, maka IPTA masing-masing boleh menentukan bentuk tindakan yang akan diambil terhadap pelajar yang didapati melanggar peraturan kelakuan dan tata tertib.

NO
SOALA
N:

:94
58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**: Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI
SAMSURI (BAGAN SERAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH

: 14.06.2012

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa wujudnya jurang yang besar dan ketara tentang nilai harta tanah di antara harta tanah simpanan Melayu (Rizab Melayu) dengan harta tanah Geran Putih.

JAWAPAN

Aras nilai tanah sama ada bagi Tanah Rizab Melayu atau Geran Putih (Geran Bebas) ditentukan oleh kuasa pasaran (*market forces*) iaitu hasil interaksi permintaan dan penawaran harta tanah dalam pasaran. Secara amnya, nilai sesuatu harta tanah bergantung kepada kebolehpasarananya (*marketability*). Kebolehpasaran pula bersandar kepada ciri-ciri fizikal dan juga perundangan (*legal*).

Dalam hal ini, Tanah Rizab Melayu hanya boleh dimiliki oleh orang Melayu (permintaan adalah terhad dari orang Melayu sahaja), berbanding tanah di bawah Geran Putih (Geran Bebas) yang boleh dimiliki oleh semua kaum sama ada Melayu, Cina, India atau lain-lain. Oleh sebab itu, secara relatifnya nilai Tanah Rizab Melayu adalah lebih rendah berbanding dengan nilai tanah Geran Bebas yang tidak ada sekatan terhadap pemilikan dan mempunyai pasaran yang lebih besar (tidak terhad).

Pada amnya, terdapat jurang perbezaan nilai yang agak besar di kawasan

pembangunan pesat tetapi bagi kawasan luar bandar, perbezaan nilai adalah tidak begitu ketara.

No. Soalan : 89
PR-1252-
L49768

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA **Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI**
JUSUH [DUNGUN]

TARIKH 14 JUN 2012

SOALAN Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sejauh manakah sokongan Kerajaan kepada Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur dalam mendokong prinsip hak asasi manusia dan keamanan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN:

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dungun di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.
3. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Mahkamah Tribunal Jenayah Perang di Kuala Lumpur adalah satu inisiatif oleh, dengan izin, *Kuala Lumpur Foundation to Criminalise I/Var (KLFCW)*, sebuah pertubuhan bukan kerajaan di Malaysia.
4. Kerajaan Malaysia tidak mengambil tindakan ke atas mana-mana pertubuhan bukan kerajaan yang mematuhi undang-undang di Malaysia dalam sebarang urusan dan inisiatifnya. Ini termasuk tidak mencampuri tangan dalam cadangan Mahkamah Tribunal Jenayah Perang untuk menghantar hasil siasatan dan keputusannya kepada Mahkamah Jenayah Antarabangsa (International Criminal Court - ICC), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN Security Council).
5. Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia berpandangan bahawa Tribunal Jenayah Perang berhak untuk memajukan inisiatifnya dalam membantah dasar-dasar yang membawa kepada peperangan serta dalam memupuk keamanan dan keadilan dengan apa jua cara yang tidak melanggar undang-undang Malaysia, negara-negara lain dan badan-badan antarabangsa

berdasarkan kepada prinsip-prinsip organisasi tersebut.
JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

6. Malaysia sememangnya mendokong prinsip-prinsip teras hak asasi dan keamanan sejagat di fora antarabangsa dan serantau seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Komanwel dan ASEAN. Pendekatan yang diambil oleh Malaysia adalah memupuk proses konsultasi antara negara-negara dalam mencapai konsensus untuk memajukan hak asasi dan keamanan sejagat.
7. Kata sepakat antara negara-negara adalah penting untuk mencapai kerjasama dan keberkesanan komuniti antarabangsa dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk memajukan dan memelihara hak asasi dan keamanan yang adil dan saksama tanpa mengira negara maju atau negara membangun.
8. Kerajaan Malaysia tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengambil sebarang tindakan terhadap bekas Presiden Bush serta tujuh (7) kuncu-kuncunya, hanya dengan berpandukan kepada keputusan Tribunal KLFCW. Walau bagaimanapun, Malaysia dari semasa ke semasa telah membantah semua jenis seksaan dan jenayah perang yang dilakukan oleh mana-mana individu dan negara melalui fora antarabangsa dan serantau serta juga secara dua hala.

Sekian, terima kasih

Datuk Ahd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta PERDANA fVSENTERS menyatakan adakah Kerajaan bercadang meminda **Seksyen 43 Akta Profesion Undang-undang 1976** yang mewajibkan peguam bela dan peguam cara secara automatik menjadi **ahli** Badan Peguam Malaysia jika **memiliki sijil amalan guaman**.

JAWAPAW: YB DATO' SERI MOHAiSED NAZR1 ABDUL AZIZ
MENTER1 DB JABATAN PERDANA BiENTERg

Tuan Yang Di Pertua,

Seksyen 43 Akta Profesion Undang-Undang 1976 memperuntukkan bahawa seseorang peguam bela dan peguam cara **ialah ahSi Bar Malaysia** selagi beliau mempunyai sijil amalan yang sah. *Bar Malaysia* merupakan suatu badan profesion peguam di Malaysiayang diuruskan oleh Majlis Peguam yang ditubuhkan di bawah Akta yang sama. Kerajaan tidak bercadang untuk meminda seksyen tersebut memandangkan perlu ada suatu badan yang mengawal selia peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalan sebagaimana profesion lain dikawal selia oleh badan profesional masing-masing.

NO. SOALAN:91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

TARIKH : 14JUN2012

SOALAN

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menstruktur semula perjanjian dengan PLUS atau menasionalisasikan PLUS untuk tujuan menghapuskan kutipan tol di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan dan bilakah ia boleh direalisasikan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menasionalisasikan atau menamatkan mana-mana perjanjian konsesi sedia ada termasuk perjanjian konsesi lebuh raya PLUS kerana ingin memberi isyarat jelas kepada pelabur bahawa Kerajaan akan memenuhi obligasi setiap perjanjian yang telah ditandatangani. Dalam hubungan ini, Kerajaan lebih mengalau-alukan cadangan penstrukturkan semula kadar tol dalam perjanjian konsesi sedia ada, sebagaimana yang telah dilaksanakan dengan pihak lebuh raya PLUS pada tahun 2011 di mana perjanjian konsesi termasuk kadar tol yang perlu dibayar oleh pengguna telah distrukturkan semula supaya lebih rendah.

JAWAPAN:

HO-SoALAkJ :

•~~NO. AUM :90~~~

•~~NOrAUP :»~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH 14 JUN 2012

RUJUKAN 4978

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) adakah benar kegiatan penjualan dadah di Kota Kinabalu meningkat dan telah menular ke kawasan sekolah dalam dua tahun ini; dan

(b) jika benar, berapa sekolah yang telah dikenal pasti dan apakah tindakan tegas yang telah diambil bagi menghentikan kegiatan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pada tahun 2010 sebanyak 3,021 tangkapan telah dilakukan atas pelbagai kesalahan dadah di Kota Kinabalu dan jumlah ini meningkat kepada 3,288 pada tahun 2011. Bagi tempoh Januari hingga April 2012 pula, sebanyak 1,115 tangkapan telah dibuat atas kesalahan yang sama. Walau pun jumlah ini meningkat, namun penglibatan penuntut sekolah dalam jenayah dadah di Kota Kinabalu ini merupakan kes terpencil.

Pada tahun 2010, seramai 14 orang pelajar sekolah telah ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 di daerah Kota Kinabalu. Daripada jumlah tersebut, 2 orang ditangkap di bawah Seksyen 12(3), 3 orang di bawah Seksyen 6 dan 9 orang di bawah Seksyen 15(a). Walau bagaimanapun, tiada tangkapan dibuat ke atas pelajar sekolah atas kesalahan dadah pada tahun 2011 dan 2012 (bagi tempoh Januari hingga April). Sehubungan dengan itu, dakwaan yang mengatakan bahawa kegiatan pengedaran dadah muia menular di sekolah-sekolah di sekitar Kota Kinabalu adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan sememangnya amat serius dalam menangani aktiviti pengedaran dadah di negara ini. Bagi membanteras kegiatan ini dan memastikan aktiviti pengedaran dadah tidak menular ke kawasan

JAWAPAN:

sekolah, Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) Mengambil tindakan pencegahan ke atas sindiket yang terlibat di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985;
- (ii) Mengadakan program-program kesedaran kepada orang ramai terutamanya golongan belia/remaja melalui sebaran-sebaran am, media cetak dan media elektronik akan bahayanya gejala dadah;
- (iii) Memberi kesedaran melalui ceramah-ceramah dan kempen kepada pelajar-pelajar sekolah dan penuntut-penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT); dan
- (iv) Mendedahkan trend penipuan dan modus operandi yang sering digunakan oleh sindiket-sindiket pengedaran dadah melalui program bual bicara dan kenyataan akhbar.

tiO . ^oAsL ANi

• ^ -We_ AUM :

100-

-NO. AUP-r

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
DARIPADA 14JUN 2012
TARIKH 4812
SOALAN: ROJUKAN

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah rakyat yang telah melepaskan kewarganegaraan mereka mengikut pecahan tahun dari tahun 2002 hingga 2012 dan negara. Apakah tindakan Kementerian bagi mengurangkan perkara ini. Berapakah jumlah yang memohon kewarganegaraan mengikut tahun dan negara asal. Mengapakah kelulusan diberikan.

TUAN YANG Dipertua,

Saya ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bakri yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah warganegara Malaysia yang melepaskan taraf kewarganegaraan sejak tahun 2002 hingga Mei 2012 adalah sebanyak 47,769 orang. Pecahan mengikut lima (5) negara tertinggi yang dituju selepas melepaskan taraf warganegara Malaysia bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut:-

- | | |
|-----------------------|--------------------|
| | - 40,624 orang; |
| (i) Singapura | -1,906 orang; |
| (ii) Australia | -1,350 orang; |
| (iii) Brunei | - 724 orang; dan - |
| (iv) Amerika Syarikat | 711 orang. |
| (v) Taiwan | |

Tuan Yang Dipertua,

Antara sebab utama rakyat Malaysia melepaskan taraf kewarganegaraan adalah kerana telah memperolehi taraf kewarganegaraan negara lain antaranya melalui perkahwinan dengan warganegara asing. Dalam hal ini, usaha bagi

JAWAPAN:
mengurangkan perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian.

Selain itu, bagi tempoh 2008 hingga Mei 2012, Kementerian telah menerima sebanyak 74,092 permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia. Dalam hal ini, Kementerian tidak menyimpan rekod permohonan mengikut negara asal.

Tuan Yang Dipertua,

Penganugerahan Taraf Kewarganegaraan atau Status Kerakyatan kepada penduduk yang bertaraf ‘Pemastautin Tetap’, ‘Bukan Warganegara’ atau warga asing adalah dipertimbangkan berdasarkan kepada syarat-syarat dan kelayakan sebagaimana yang termaktub di dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Setiap permohonan yang diterima akan diteliti dan diberi pertimbangan sewajarnya dengan mengambil kira faktor-faktor lain yang berkaitan dengan pembangunan, kesejahteraan dan keselamatan negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN LIANG TECK MENG
 [SIMPANG RENGGAM]

TARIKH 14 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan telah diambil untuk meringankan beg-beg murid-murid sekolah rendah khususnya sekolah jenis kebangsaan Cina

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan No : 94

Berdasarkan Kajian Berat Beg Murid Sekolah Rendah yang telah dijalankan pada tahun 2000, 2008 dan 2010, dapatan kajian adalah hampir sama dan menunjukkan buku teks bukan penyumbang utama yang menyebabkan beg murid berat tetapi kerana kombinasi pelbagai bahan lain seperti bahan pembelajaran lain, buku teks dan buku tulis di luar jadual yang dibawa.

Ketiga-tiga kajian/tinjauan tersebut menunjukkan buku teks yang dibawa mengikut jadual adalah pada kadar yang rendah iaitu diantara 5.9% hingga 10.1% dari berat badan. Kadar ini bukan sahaja tidak melebihi 15% yang ditetapkan tetapi juga kurang dari 10% dari berat badan murid. Maka itu, data tinjauan menunjukkan buku teks yang dibawa mengikut jadual bukan penyumbang utama kepada berat beg murid-murid

Rjm 36

SOALAN NO: 96

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MOHD FIRUDAUS BIN JAAFAR

TARIKH: 14JUN2012

SOALAN:

Tuan Mohd Firudaus bin Jaafar [Jerai] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah terkini siswazah menganggur mengikut bangsa dan bidang pengajian.

PR-1252-L50857

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menurut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat sebanyak 69.4% siswazah etnik Bumiputera menganggur pada tahun 2011. Penganggur siswazah kaum Cina pula adalah sebanyak 19.7% diikuti oleh siswazah India sebanyak 8.9%.
2. Bagi pemegang Diploma, penganggur etnik Bumiputera adalah sebanyak 73.2% manakala bagi Ijazah pula adalah sebanyak 66.0%. Bagi kaum Cina dan India, dapat dilihat penganggur yang mempunyai Diploma adalah masing-masing sebanyak 15.3% dan

11. 0% manakala bagi pemegang Ijazah adalah sebanyak 23.5% dan 7.0% masing-masing. Maklumat terperinci mengenai pengangguran siswazah mengikut etnik adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Taburan peratus penganggur siswazah mengikut sijil dan kumpulan etnik, Malaysia, 2011

(%)

Kumpulan etnik	Jumlah	Diploma	Ijazah
Jumlah	100.0	100.0	100.0
Warganegara Malaysia	98.1	99.9	96.6
Bumiputera	69.4	73.2	66.0
Melayu	56.8	60.7	53.4
Bumiputera lain	12.6	12.5	12.6
Cina	19.7	15.3	23.5
India	8.9	11.0	7.0
Lain	0.3	0.5	0.1
Bukan Warganegara Malaysia	1.9	0.1	3.5

Punca : Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Menurut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2011 penganggur siswazah bagi bidang pengajian Sains Sosial, Perniagaan dan Undang-undang adalah paling tinggi iaitu sebanyak 29,900 orang. Ini diikuti oleh siswazah yang mengambil jurusan Kejuruteraan, Pembuatan dan Binaan iaitu sebanyak 15,500 orang. Manakala, bilangan penganggur siswazah yang paling kurang adalah didapati daripada bidang pengajian Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Veterinar iaitu sebanyak 1,000 orang.

Jadual 2: Bilangan siswazah menganggur mengikut bidang pengajian terpilih, Malaysia, 2010-2011

('000)

Bidang pengajian	2011
Program Asas/Umum	1.5
Pendidikan	2.7
Kesenian dan Kemanusiaan	6.6
Sains Sosial, Pemiagaan dan Undang-undang	29.9
Sains, Matematik dan Pengkomputeran	13.5
Kejuruteraan, Pembuatan dan Binaan	15.5
Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Veterinar	1.0
Kesihatan dan Kebajikan	7.0
Perkhidmatan	2.7
Jumlah	80.4

Punca : Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH 14 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN 97

Dr. Tan SengGiaw [Kepong] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan faktor-faktor yang menjelaskan keadaan kenderaan yang wajar dibenar digunakan di atas jalan-jalan di negara ini. Apakah usahanya untuk memastikan PUSPAKOM (atau alternatif-alternatifnya) adalah bersih dan cekap.
Tuan Yang Dipertua,

Faktor-faktor yang boleh menjelaskan keadaan kenderaan dan menyebabkan sesebuah kenderaan tidak “roadworthy” adalah seperti berikut:

- (i) tidak menjalankan penyelenggaraan kenderaan berkala mengikut JAWAPAN;
jadual;
- (ii) kegagalan teknikal atau sistem utama kenderaan untuk berfungsi seperti sistem brek *dan* tayar yang botak dan lusuh;
- (iii) tidak prihatin terhadap aspek-aspek teknikal kenderaan seperti penjagaan tayar, minyak enjin, sistem penyejukan dan lain-lain;
- (iv) keadaan jalan raya yang rosak dan berlubang; dan
- (v) membawa lebih muatan dan penumpang.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi memastikan aktiviti-aktiviti pemeriksaan yang dijalankan oleh PUSPAKOM sentiasa efisyen, telus dan mengikut piawaian yang ditetapkan tanpa berlaku unsur-unsur penyelewengan. Antaranya dengan penubuhan Unit Kawalselia PUSPAKOM di seluruh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri yang

2

berfungsi mengawalselia pemeriksaan kenderaan yang dijalankannya serta menjalankan sesi audit bulanan di setiap pusat pemeriksaan PUSPAKOM. Seiain itu, Kerajaan juga telah menetapkan penambahbaikan terma dan syarat terhadap Perjanjian Konsesi Tambahan dengan memperkenalkan Petunjuk Prestasi Teknikal Utama atau yang merangkumi tiga keberhasilan utama seperti berikut:

- (i) perkhidmatan yang baik kepada pelanggan;
- (ii) memastikan kenderaan layak dipandu di jalan raya; dan

(iii) model perkhidmatan yang mapan.

Penilaian akan dibuat oleh JPJ dengan kerjasama pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) di mana sekiranya PUSPAKOM tidak mencapai prestasi yang ditetapkan, pihaknya boleh dikenakan tindakan. Dalam hal ini, Kerajaan berhak mengarahkan PUSPAKOM untuk meningkatkan lagi prestasi operasi dan pengurusan syarikat bagi aktiviti-aktiviti pemeriksaan selaras dengan terma yang termaktub dalam Perjanjian Konsesi.

Seiain itu, bagi menangani gejala rasuah dalam semua perjanjian penswastaan khususnya Perjanjian Konsesi PUSPAKOM, Kerajaan telah menetapkan bahawa amalan rasuah dan penyelewengan boleh dijadikan asas kepada penamatkan Perjanjian Konsesi. Walau bagaimanapun, kesalahan tersebut adalah tertakluk kepada sabitan di mahkamah. Langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan adalah bukti bahawa Kerajaan komited untuk memastikan pihak PUSPAKOM menjalankan tugasnya dengan telus dan berkesan tanpa terdapat unsur-unsur rasuah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**DATO' ABDUL MANAN BIN
ISMAIL [PAYA BESAR]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

14JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN

NO. 98

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

menyatakan apakah bentuk-bentuk kekangan yang dihadapi oleh pihak Kerajaan dalam membangunkan teknologi hijau di Malaysia dan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menggalakkan syarikat multinasional di Malaysia mengaplikasikan konsep teknologi bangunan hijau demi alam sekitar.

Tuan Yang Dipertua,
JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah ditubuhkan pada 9 April 2009. Penubuhan Kementerian ini menandakan Kerajaan amat serius dalam menangani isu perubahan iklim dan keselamatan tenaga yang merupakan dua cabaran utama masyarakat dunia pada masa ini. Teknologi hijau telah dikenalpasti sebagai salah satu komponen utama dalam memacu pertumbuhan negara berdasarkan Model Ekonomi Baru sepetimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, saya ingin menekankan di sini bahawa usaha untuk membangunkan sektor teknologi hijau di negara ini bukanlah satu usaha yang mudah. Terdapat pelbagai kekangan dan cabaran yang telah ditempuh sepanjang tempoh tiga tahun penubuhan Kementerian ini. Ahli Yang Berhormat,

Antara kekangan-kekangan yang dihadapi dalam meluaskan pengaplikasian Teknologi Hijau di Malaysia adalah seperti berikut:

- i) permintaan tempatan yang rendah terhadap produk dan perkhidmatan di kalangan rakyat Malaysia di samping kos yang

tinggi ;

- ii) cabaran dalam mewujudkan kerjasama daripada pelbagai pihak dalam pengaplikasian teknologi hijau;**
- iii) kekurangan kepakaran tempatan dalam bidang teknologi hijau;**
- iv) kekurangan aktiviti R&D, pemindahan teknologi dan ilmu pengetahuan dalam bidang teknologi hijau; dan**
- v) tahap kesedaran, kefahaman dan penerimaan tentang teknologi hijau yang masih rendah.**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan usaha Kerajaan dalam menggalakkan dan melaksanakan teknologi hijau, sektor swasta juga adalah digesa untuk memainkan peranan dalam memperluaskan aplikasi teknologi dalam bidang masing-masing seiring dengan trend global masa kini.

Semua penggiat industri termasuklah syarikat-syarikat multinasional di Malaysia berperanan penting dalam menjayakan agenda nasional ini. Dari segi ekonomi pula, industri teknologi hijau berpotensi mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan di samping meningkatkan pertumbuhan industri negara.

Justeru itu, bagi menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat multinasional di Malaysia untuk mengaplikasikan konsep teknologi bangunan hijau, Kerajaan telah melancarkan Green Building Index (GBI) pada 21 Mei 2009 yang merupakan satu indeks penilaian hijau kepada bangunan-bangunan mesra alam. Bangunan-bangunan hijau dapat menjimatkan kos-kos utiliti dan mengekalkan kualiti persekitaran. Bagi menggalakkan teknologi hijau, Kerajaan telah memutuskan agar pemilik bangunan yang mendapatkan sijil GBI bermula 24 Oktober 2009 sehingga 31 Disember 2014, mendapat pengecualian cukai pendapatan bersamaan perbelanjaan modal tambahan dalam mendapatkan sijil-sijil tersebut, seperti mana yang diumumkan dalam bajet 2010. Justeru itu, syarikat-syarikat multinasional adalah diseru agar mengambil peluang di atas inisiatif tersebut dalam usaha menyokong pembangunan teknologi hijau di negara ini.
Industri bahan binaan mesra alam merupakan satu lagi industri yang

mempunyai potensi eksport yang menggalakkan. Bahan-bahan binaan mesra alam bukan sahaja digunakan pada bahagian luaran bangunan malah pada bahagian dalamannya. Oleh itu, syarikat-syarikat Malaysia diseru untuk merebut peluang perniagaan dalam pembuatan produk hijau serta perkembangan teknologinya.

SOALAN NO. 99

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)

TARIKH 14 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN

**YB Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) minta MENTERI PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**menyatakan rancangan untuk meningkatkan Asas Kelayakan
Permohonan Bantuan JKM dari RM720 ke RM1.000 di kawasan bandar,
memandangkan Kerajaan menggalakkan gaji minimum.**

JAWAPAN: di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengambil perhatian terhadap kos sara hidup berikutkan kenaikan harga barang dan perkhidmatan dengan mengkaji semula kadar bantuan dan kelayakan bagi permohonan bantuan dari masa ke semasa.

Dalam hal ini, pihak kerajaan telah bersetuju supaya Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2009 yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) digunakan untuk menggantikan PGK 2007. Kriteria ini mula berkuat kuasa pada 21 Februari 2012. Ini bermakna PGK di Semenanjung Malaysia telah meningkat daripada RM720 kepada RM760, PGK Sarawak daripada RM830 kepada RM910 manakala PGK Sabah daripada RM960 kepada RM 1,050.

Sehubungan itu, KPWKM belum bercadang untuk menaikkan kadar kelayakan bagi mendapatkan bantuan kebajikan masyarakat daripada PGK kepada RM1,000 di kawasan bandar susulan penetapan gaji minimum baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa mengkaji asas-asas pertimbangan lain yang relevan dengan jenis skim bantuan yang disediakan kepada rakyat. Suka saya jelaskan bahawa kelayakan permohonan bantuan JKM bukanlah bergantung kepada kadar PGK semata-mata tetapi lebih menekankan hasil siasatan yang mengambil kira faktor-faktor lain seperti bilangan anak atau tanggungan, tahap ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarga dan sokongan daripada ahli keluarga.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
	YB TUAN SIM TONG HIM
DARMA SADAM	KOTA MELAKA
TARIKH NO. SOALAN	10/6/2012

YB TUAN SIM TONG HIM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah kos keseluruhan untuk menganjur program “Jom Niaga” pada 10.5.2012 di Shah Alam, Selangor; nyatakan bilangan SME yang mengambil bahagian dalam program ini; dan jumlah urusniaga dapat disempurnakan dalam program ini.

Tuan Yang Dipertua,

Himpunan Usahawan Mikro, Kecil dan Sederhana (HUMKS) atau juga dikenali sebagai program “Jom Niaga” merupakan salah satu inisiatif Kerajaan sebagai platform kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana untuk mempamer dan menjual produk dan perkhidmatan mereka. Ini selari dengan matlamat Model Baru Ekonomi yang menekankan pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan menveluruh.

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan sumber pertumbuhan dalaman (*endogenous source of growth*) yang penting bagi negara, terutamanya dalam persekitaran luaran yang tidak menentu berikutan kelemahan struktur ekonomi negara maju yang dijangka berterusan untuk beberapa tahun lagi. Oleh itu, negara yang sedang pesat membangun seperti Malaysia tidak boleh terus bergantung kepada permintaan luaran tetapi perlu mengukuhkan sumber pertumbuhan dalaman yang terdiri daripada PKS. Ini adalah kerana dalam jangka panjang, PKS merupakan penstabil kepada ekonomi negara terutamanya dalam keadaan kemelesetan ekonomi.

Program ini juga merupakan saluran terbaikuntuk Kerajaan bagi mendekati, mendengar isu dan cabaranyang dihadapi oleh PKS dan seterusnya membantu mereka berkembang maju ke hadapan. Program ini telah dilaksanakan di enam buah negeri iaitu:

- i. Kelantan pada 24 April 2012;
- ii. Selangor pada 10-11 Mei 2012;
- iii. Melaka pada 17 Mei 2012;
- iv. Tawau, Sabah pada 21 - 22 Mei 2012;
- v. Miri, Sarawak pada 26 -27 Mei 2012; dan
- vi. Bandar Tun Razak, Jengka, Pahang pada 28 Mei 2012.

Bagi penganjuran di Selangor, sejumlah 23,500 penguniung direkodkan ke acara Jom Niaga yang berlangsung pada 10-11 Mei 2012. Daripada jumlah ini, seramai 17,000 penguniung hadir pada hari pertama dan 6,500 pada hari kedua.

Penganjuran Jom Niaga di Selangor telah melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.7 iuta bagi persiapan khemah, ruang iualan dan pameran serta aktiviti-aktiviti lain yang disediakan sepanjang dua hari penganjuran.

Sebanyak 370 PKS telah mengambil bahagian dalam ruang iualan dan pameran. Jumlah iualan dianggarkan sebanyak RM900,000 dan kebanyakannya adalah dari iualan makanan dan minuman, tekstil, herba dan juga barang kesihatan dan kecantikan.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN **SOALAN NO: 101**

DARIPADA

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]

TARIKH

14 Jun 2012 (Khamis)

SOALAN

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah-langkah yang diatur untuk dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan kos makanan, baik diusahakan secara domestik dan diimport berada di paras tidak membebankan rakyat.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Dalam menangani isu kenaikan harga barang-barang makanan khususnya hasil pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA sedang memperkenalkan dan mempergiatkan Program Jimat Belanja Dapur (JBD) sebagai strategi jangka pendek dan Skim Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak MOA di Pasar Tani sebagai strategi jangka panjang.

Program JBD merupakan satu insentif bagi menangani kenaikan harga barang di pasaran terutama menjelang musim perayaan. Ia merupakan satu mekanisme untuk menangani kenaikan kos sara hidup rakyat melalui jualan komoditi terpilih dengan 5% hingga 30% lebih rendah berbanding dengan pasaran di pasar tani terpilih.

Skim Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak MOA di pasar tani pula merupakan skim berbentuk insentif, galakan yang disediakan untuk kelompok gabungan antara peserta ladang kontrak dengan peserta-peserta pasar tani sedia ada. Skim ini bertujuan meningkatkan pengeluaran dan mengumpulkan hasil pertanian untuk dipasarkan terus kepada pengguna melalui pasar tani. Sasaran peserta adalah seramai 500 orang.

*

Seiain itu, Kementerian ini juga berusaha mengambil langkah - langkah
berikut untuk memastikan kos makanan tidak membebankan rakyat:

- i. menggalakkan penggunaan teknologi penanaman yang boleh meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran ladang. Sebagai contoh, penggunaan ‘Sistem Sprinkler’, teknologi fertigasi dan penggunaan baja organik dalam pembajaan di kalangan petani dapat mengurangkan kos pengeluaran.
- ii. menambah bekalan ikan melalui penambahan bilangan pengusaha akuakultur dan menambah bilangan bot komersial bagi tujuan meningkatkan hasil tangkapan;
- iii. menggalakkan Persatuan Nelayan Kawasan membuka lebih banyak Pasar Nelayan sebagai alternatif kepada harga dan kualiti ikan yang lebih berpatutan di kawasan pendaratan; dan
- iv. memperbaiki hasil lebihan agar lebihan bekalan dikeluarkan dari sistem pemasaran sedia ada ini membolehkan harga kembali pulih kepada tahap normal.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM

TARIKH: 14JUN2012

SOALAN:

Tuan Manickavasagam a/l Sundram [Kapar] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan berapakah bilangan aduan yang diterima daripada pihak pekerja di pejabat-pejabat Buruh di Malaysia, berdasarkan negeri pada tahun 2005-2011. Apakah jenis aduan yang dibuat dan apakah status aduan tersebut. Berapakah yang telah diselesaikan akibat perbincangan dengan majikan, dan berapakah yang masih belum diselesaikan dan apakah sebabnya.

PR-1252-L49916

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

10^ ,

SOALAN NO:

- 1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, jumlah kes aduan yang diterima daripada pihak pekerja di Pejabat Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), JTK Sabah dan JTK Sarawak dari tahun 2005 hingga 2011 adalah sebanyak 41,631 dan pecahan mengikut Jabatan adalah seperti berikut:**

|

**Jadual 1: Jumlah Kes Yang Diterima dari Tahun 2005 hingga
Tahun 2011**

BIL	PEJABAT	JUMLAH
1	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung	36,507
2.	Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	820
3.	Jabatan Tenaga Kerja Sabah	4,304
TOTAL		41,631

Tuan Yang Di Pertua,

2. Bagi JTKSM, sebanyak 36,507 kes aduan telah diterima bagi tempoh 2005 hingga 2011 oleh 13 Pejabat JTK negeri. Jabatan telah mengendalikan 6,024 kes pada tahun 2011 dan 5,883 kes telah berjaya diselesaikan. Baki 141 kes yang masih belum diselesaikan pada tahun 2011 masih dalam proses siasatan oleh Jabatan ini dan menunggu perbicaraan. 5 kategori kes yang paling banyak diterima oleh JTKSM dalam tempoh 5 tahun kebelakangan adalah seperti berikut:

**Jadual 1 : Jenis kategori kes yang paling tinggi dilaporkan kepada
JTKSM Dari Tahun 2005-2011**

BIL	KES	JUMLAH KES
1	Akta Kerja 1955	9,472
2	Baki gaji	8,490
3	Gaji Kerja Lebihmasa Pada Hari Biasa	2,193
4	Gaji Cuti Sakit	1,412
5	Gaji Cuti Tahunan	1,367

3. Bagi JTK Sabah, sebanyak 4,304 kes aduan dari tahun 2005 hingga tahun 2011 diterima di Pejabat JTK negeri. Kesemua kes aduan yang dilaporkan dalam tempoh tersebut telah diambil tindakan. 5 kategori kes yang paling banyak diterima oleh JTK Sabah adalah seperti berikut:

Jadual 2 : Jenis kategori kes yang paling tinggi dilaporkan kepada JTK Sabah Dari Tahun 2005-2011

BIL	KES	JUMLAH KES
1	Ordinan Buruh Sabah	2260
2	Faedah Penamatan Kerja	255
3	Baki Gaji	72
4	Perlanggaran Kontrak Pekerjaan	72
5	Gaji Kerja Lebih Masa Pada Hari Biasa	46

4. Bagi JTK Sarawak pula, sebanyak 820 kes aduan dari tahun 2005 hingga tahun 2011 telah diterima. Jabatan telah menyelesaikan kesemua 820 melalui perbincangan dengan

majikan. 5 kategori kes yang paling banyak diterima oleh JTK Sarawak adalah seperti berikut:

Jadual 3 : Jenis kategori kes yang paling tinggi dilaporkan kepada JTK Sarawak Dari Tahun 2005-2011

BIL	KES	JUMLAH KES
1	Aduan terhadap majikan (gaji, pampasan, cuti, fasiliti dan kebajikan pekerja)	787
2	Penindasan Terhadap Pekerja / Pekerja Asing/ Orang Sarawak	9
3	Pembuangan / Pemberhentian Pekerja	5
4	Tidak Berpuas Hati Terhadap Layanan Pegawai / Pejabat	3
5	Lain aduan tidak dikategorikan	15

NO. SOALAN:

103 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :
LISAN

DARIPADA : PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]
TARIKH : 14JUN2012

SOALAN

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perkembangan terkini projek Penang Sentral dan apakah punca-punca yang menyebabkan kelewatan projek tersebut.

JAWAPAN

Projek Penang Sentral yang merangkumi pembinaan sebuah kompleks pengangkutan awam bersepadu di Butterworth, Pulau Pinang adalah projek pelaburan swasta yang didaya usahakan oleh Penang Sentral Sdn. Bhd. (PSSB). Adalah difahamkan bahawa PSSB masih belum dapat memulakan kerja-kerja pembinaan kompleks Penang Sentral tersebut kerana PSSB masih belum mendapat hakmilik sepenuhnya ke atas tanah tapak projek yang dicadangkan. Kerja-kerja pembinaan dijangka dapat dimulakan setelah PSSB mendapat hakmilik ke atas tanah-tanah yang berkaitan dengan pelaksanaan projek.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [KUALA TERENGGANU]

TARIKH : 14JUN2012

Tuan Mohd. Abdul Wahid Bin Endut [Kuala Terengganu] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai jenis-jenis pelaburan dalam ECER di negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor dan berapakah nilai setiap satu pelaburan tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah pelaburan yang diterima di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dalam RMKedO dari tahun 2011 sehingga April 2012

adalah sebanyak RM5.788.19 juta iaitu di negeri Pahang sebanyak RM1,607.12 juta, Kelantan RM90.05 juta dan Terengganu RM4,091.02 juta. Pelaburan yang diterima di ECER ini adalah dalam sektor pembuatan sebanyak RM2,903.60 juta, sektor pertanian adalah sebanyak RM302.38 juta, sektor minyak, gas & petrokimia sebanyak RM1,630.00 juta, sektor pelancongan adalah sebanyak RM333.21 juta, sektor pendidikan & ICT sebanyak RM613.75 juta dan sektor perkhidmatan sebanyak RM5.25 juta.

NO. SOALAN: 104
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**PERTANYAAN Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE (PETALING
TARIKH JAYA UTARA)
 LISAN**

14.06.2012

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan**

- (a) kedudukan siasatan Suruhanjaya Sekuriti ke atas kes RBTR Asset Management Bhd. (RBTR) yang melibatkan kehilangan RM13.5 juta sejak Ogos 2009; dan
- (b) sebab tindakan tidak diambil ke atas pihak pengarah RBTR yang meluluskan dan menjual produk pelaburan tersebut kepada orang awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2009, Suruhanjaya Sekuriti telah memfailkan tindakan sivil di Mahkamah Tinggi bagi melantik seorang receiver atau penerima untuk mengenal pasti wang yang masih boleh diperolehi daripada RBTR Asset management Bhd (RBTR) bagi tujuan pengembalian semula wang tersebut kepada para pelabur.

NO SOALAN

i cis

2. **Seterusnya Mahkamah Tinggi telah melantik BDO Binder sebagai**

receiver atau penerima ke atas urusan-urusan RBTR untuk melindungi aset-aset para pelabur. Penerima tersebut juga bertanggungjawab untuk mengenai pasti dan mengesan aset-aset yang dipegang oleh RBTR bagi pihak para pelabur untuk setiap skim yang diuruskan oleh RBTR. Selain itu, Suruhanjaya Sekuriti turut mengambil tindakan pentadbiran terhadap RBTR dan pengarah berlesenna apabila lesen-lesen mereka telah tidak diperbaharui.

3. Pada bulan Mei 2010, sebanyak RM978,382 telah berjaya diperolehi oleh penerima daripada salah satu skim yang dianjurkan oleh RBTR dan bayaran telah dibuat kepada pelabur-pelabur yang layak. Selain itu, penerima juga telah mengesahkan bahawa peluang untuk memperolehi semula pelaburan-pelaburan para pelabur di dalam skim-skim yang lain adalah diragui (*doubtful*).

4. Penyiasatan Suruhanjaya Sekuriti terhadap kes tersebut kini sedang dimuktamadkan. Suruhanjaya Sekuriti akan memfailkan tindakan sivil terhadap pihak-pihak yang berkenaan atau dengan keizinan Pendakwa Raya, akan memulakan pendakwaan jenayah di bawah undang-undang sekuriti.

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 14JUN2012

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan pindaan Akta Perusahaan 1967 di bawah seksyen 20, pampasan yang menghadkan 24 bulan gaji dikaji semula supaya had pampasan diserahkan pada mahkamah untuk menentukannya.

PR-1252-L49338

JAWAPAN:

SOALAN NO: 106
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung dengan cadangan Y.B Kuala Langat supaya Seksyen 20 kepada Akta Perhubungan Perusahaan 1967, menghadkan pampasan kepada 24 bulan gaji dikaji semula, Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pada masa sekarang, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengkaji semula Seksyen 20 kepada Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Ini kerana peruntukan tersebut

masih relevan dan memberikan kebaikan kepada semua pihak yang terlibat.

2. Peruntukan sedia ada masih sesuai dan penting kerana ianya mewujudkan konsistensi dan keselarasan terhadap semua keputusan *award* yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan. Justeru keadaan ini secara tidak langsung menghapuskan perbezaan dalam isu untuk menentukan jumlah pampasan kepada pekerja dan ianya tidak membebankan pihak majikan sehingga ke suatu tahap yang boleh menjelaskan keupayaan majikan untuk menjelaskan pampasan yang diawardkan oleh Mahkamah Perusahaan. Apa yang paling utama disini, sungguhpun jumlah kuantum pampasan dihadkan namun hak pekerja masih terbela dan dihakimi secara adil di Mahkamah Perusahaan.

3. Selain daripada itu, peruntukan ini juga diwujudkan untuk menghadkan gaji kebelakangan (*backwages*) tidak melebihi 24 bulan gaji terakhir dari tarikh pemecatan tersebut berlaku kerana kes-kes ini boleh diselesaikan dalam masa 24 bulan. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kes-kes akan diselesaikan dalam tempoh 24 bulan tanpa mengabaikan kebijakan pekerja maka Kementerian Sumber Manusia telah mengambil langkah-langkah berikut :-

- a) Sekiranya kes tidak dapat diselesaikan semasa *first conciliation* diperingkat negeri maka diperingkat ibupejabat

Jabatan Perhubungan Malaysia akan mewujudkan Second Conciliation mengikut keperluan;

- b) **Satu Key Performance Index (KPI) iaitu 6 bulan penyelesaian kes diperingkat Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) dan 18 bulan penyelesaian diperingkat Mahkamah Perusahaan;**
- c) **Bagi memastikan agar pegawai dapat menyelesaikan kes mengikut KPI, latihan serta kursus turut diberikan kepada pegawai JPP untuk meningkatkan kecekapan dalam mengendalikan kes-kes representasi di bawah Seksyen 20; dan**
- d) **Jawatan flexi Gred S41 / S44 diwujudkan untuk mengelakkan pegawai yang berpengalaman bertukar apabila dinaikkan pangkat bagi mengekalkan kepakaran.**

Tuan Yang DiPertua,

4. KSM melalui Mahkamah Perusahaan terikat dengan faktor-faktor seperti yang telah diperuntukkan di bawah Jadual Kedua, Mahkamah masih lagi mempunyai kuasa budi bicara dalam membuat pertimbangan sewajarnya dan bebas membuat suatu award yang setimpal berhubung dengan isu pampasan pekerja ini. Faktor-faktor yang ditetapkan dalam Jadual Kedua ini bukanlah sesuatu yang baru, akan tetapi ianya telahpun diamalkan oleh Mahkamah Perusahaan dalam menurunkan award-awardnya berdasarkan kepada *Practice Note 1/1987*.

5. Pindaan ini juga telah mengambil kira keadilan dan kebajikan kepada kedua-dua pihak iaitu pekerja dan majikan. Selain itu, bayaran gaji ke belakang ini juga telah diamalkan di negara-negara lain contohnya di United Kingdom, bayaran gaji ke belakang bagi kes-kes pembuangan kerja ialah sebanyak 6 setengah bulan hingga 13 bulan gaji. Bagi Negara Australia bayaran gaji kebelakang tidak melebihi 6 bulan sebagai pampasan menggantikan pengambilan balik pekerja tersebut.

Tuan Yang Di Pertua,

6. Secara keseluruhannya, melalui pindaan yang telah dibuat, ia dapat memberi suatu konsistensi dan keselarasan kepada keputusan mahupun award yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan. Tidak wujud lagi perbezaan dalam isu menentukan jumlah pampasan kepada pekerja dan juga tidak membebankan pihak majikan ke suatu tahap yang boleh menjelaskan keupayaan majikan untuk menjelaskan pampasan yang diputuskan tersebut. Justeru itu, meskipun kuantum pampasan telah dihadkan akan tetapi pada masa yang sama hak pekerja-pekerja masih lagi terbelia dan dihakimi dengan adil di Mahkamah Perusahaan.

SOALAN NO: 107

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAB LISAN

PERTANYAAN

Tuan Muhammad bin Hussain [Pasir Puteh]

DARIPADA

14 Jun 2012 (Khamis)

TARIKH

Tuan Muhammad bin Hussain [Pasir Puteh] minta

SOALAN

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan perbandingan jualan produk pertanian tempatan berbanding yang diimport di RTC Wakaf Che Yeh yang dirasmikan YAB Perdana Menteri baru-baru ini.

Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

JAWAPAN OLEH :

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod Pengurusan RTC Kelantan pada bulan Februari 2012, sebanyak 8,199.29 tan metrik komoditi pertanian seperti sayur, buah, bijirin pelbagai dan pelbagai produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan nilai RM11.18 juta adalah dari sumber tempatan berbanding 6,665.28 tan metrik dengan nilai RM4.87 juta komoditi pertanian adalah dari Thailand.

Antara komoditi sayur yang diimport dalam tempoh sebulan adalah seperti cili padi, daun bawang, daun ketumbar, pegaga dan cendawan. Manakala komoditi buah yang diimport ialah seperti mangga, nanas, dokong dan durian.